

DR.18.4.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 18 April 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi meningkatkan kemudahan asas kesihatan desa terutamanya kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan pada 19 April 2001. Sukalah saya memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada peningkatan taraf kesihatan penduduk luar bandar dengan memperbaiki, menambah bilangan dan mempertingkatkan kemudahan asas kesihatan desa. Kerajaan telah membina lebih banyak klinik desa baru; memperbaiki serta menaikkan taraf rumah bidan dan klinik kepada klinik desa; menambah bilangan klinik kesihatan di luar bandar; mengadakan pusat bersalin alternatif; dan mempertingkatkan kemudahan latihan khususnya jururawat masyarakat dan pembantu perubatan.

Pada masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai sebanyak 1,992 klinik desa, 725 klinik kesihatan dan 194 klinik bergerak untuk memberi perkhidmatan asas kesihatan kepada kawasan luar bandar di seluruh negara.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Kesihatan telah merancang untuk membina 1,090 kemudahan asas kesihatan yang melibatkan kemudahan kesihatan di luar bandar dan di bandar dengan anggaran kos RM735.2 juta. Dari jumlah tersebut kerajaan telah melaksanakan perkhidmatan kesihatan luar bandar termasuklah bekalan air masyarakat dan pergigian berjumlah RM498.1 juta.

Perancangan perkhidmatan kesihatan luar bandar ini melibatkan pembinaan klinik desa baru dan naik taraf rumah bidan dan klinik kesihatan, pusat bersalin

alternatif dan perkhidmatan pergigian. Sebahagiannya telah siap dan beroperasi. Sebanyak 358 kemudahan kesihatan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sedang dalam beberapa peringkat pelaksanaan yang telah dibawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebagai projek sambungan. Sementara sebanyak 523 projek baru kemudahan kesihatan awam luar bandar telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk dilaksanakan menjelang tahun 2001 hingga 2005.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan melalui fasiliti-fasiliti ini berusaha memberi perkhidmatan yang komprehensif supaya rakyat dapat menikmati taraf kesihatan yang optimum.

Di klinik desa di mana terdapat jururawat desa, kementerian menjalankan klinik ibu dan anak yang meliputi aktiviti-aktiviti jagaan ibu mengandung, kelahiran bayi, jagaan selepas kelahiran dan kesihatan bayi dan kanak-kanak. Jururawat desa juga boleh merawat penyakit-penyakit ringan.

Di klinik kesihatan pula, perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian Kesihatan merangkumi kesihatan ibu dan anak dan juga rawatan pesakit luar. Dalam tahun kebelakangan ini perkhidmatan kesihatan warga tua, klinik kesihatan wanita, klinik kesihatan remaja dan kesihatan mental telah dimulakan di beberapa klinik kesihatan. Terdapat juga aktiviti-aktiviti lain dijalankan seperti pencegahan dan kawalan penyakit, pendidikan kesihatan, kesihatan mulut dan gigi, kawalan mutu makanan dan kesihatan alam sekitar.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ada soalan tambahan, saya ingin tahu kriteria berhubung dengan pembukaan klinik-klinik desa di kampung-kampung, kerana kita tahu masih ada kekurangan kakitangan, jururawat, bidang kerana kadang-kadang ada satu bidan, yang hendak bersalin lima, enam orang dalam satu ketika, seperti macam kawasan saya di Larut, Kinabatangan, Tanjong Karang, Kota Melaka – Kota Melaka tak ada pula kena gantung. Jadi, saya mintalah kerana kadang-kadang kemudahan ubat yang disediakan, kadang-kadang panadol pun tak cukup. Saya mintalah supaya masalah ini dapat perhatian. Umpamanya, ada pusat-pusat kesihatan, ada pesakit-pesakit out-patient, dengan izin, apa salah kalau disediakan katil-katil sementara di pusat-pusat kesihatan untuk mereka tidak perlu pergi ke hospital-hospital, dan mungkin juga boleh disediakan klinik-klinik bergerak desa untuk mengatasi kes-kes kecemasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudah dua soalan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh tambah lagi Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kriteria pembukaan klinik-klinik kesihatan ataupun klinik-klinik desa adalah berdasarkan keperluan, dan keperluan ini kita boleh dapat daripada maklumat-maklumat daripada bancian yang kita lakukan, umpamanya bancian penduduk dan juga daripada maklumat-maklumat yang boleh kita terima daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di sesuatu kawasan.

Berkenaan dengan kemudahan ubat yang tidak cukup itu sebenarnya saya rasa ini adalah satu yang tidak berasas kerana kemudahan berdasarkan kepada maklumat yang kita ada pada kementerian. Memang kita mempunyai kemudahan ubat-ubatan yang cukup kepada semua klinik, klinik desa dan juga di hospital-hospital.

Saya juga ingin memaklumkan para pesakit-pesakit yang ingin mendapatkan rawatan pesakit luar, sebenarnya rakyat digesa untuk pergi ke klinik-klinik kesihatan ataupun klinik-klinik desa dan hospital ini adalah sebenarnya sebagai tempat di mana mereka boleh mendapatkan rawatan lanjutan di mana diperlukan untuk pesakit-pesakit ini untuk berada di hospital lebih daripada sehari. Maka dalam keadaan sedemikian mereka perlu berada di hospital. Ini adalah satu sistem yang baru. Saya rasa mungkin saya minta semua Ahli Yang Berhormat memahami tentang sistem kesihatan yang kita amalkan sekarang supaya kita tidak ada congestion, dengan izin, dalam hospital-hospital di mana kita adakan klinik kesihatan, klinik desa yang memberi rawatan harian. Hospital itu adalah untuk kes-kes yang lebih serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi kepada Benut, dia jarang-jarang sekali kita bagi.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah didapati supaya mencegah adalah lebih baik daripada merawat. Jadi, untuk penduduk-penduduk terutamanya di kawasan luar bandar kalau dikira daripada public awareness, segi sikap, memang tahap sekarang

masih belum lagi sampai ke satu tahap yang kita harap membanggakan. Jadi, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen sejauh manakah rancangan kerajaan untuk mengadakan kempen-kempen 'gaya hidup sihat' terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar iaitu program-program yang disusun untuk meningkatkan lagi taraf kesedaran rakyat terhadap bagaimanakah pentingnya untuk menjaga kesihatan sebelum mereka mendapat penyakit. Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu-satunya kempen kesihatan yang perlu bermula daripada bangku sekolah dan kita sedang meneliti bagaimana caranya supaya kita boleh memulakan cara hidup yang sihat daripada murid-murid sejak mereka berada di darjah satu. Ini kita sedang merangka bagaimana hendak melaksanakan sistem tersebut. Tetapi memang Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan kempen kesihatan ini secara berterusan, iaitu daripada kempen cara amalan hidup dan tahun ini kita akan mengadakan kempen kesihatan mental, dan dalam kempen kesihatan mental pun merangkumi semua aspek kesihatan. Walaupun kita katakan kempen kesihatan mental, kalau kita perhatikan apa yang kempen-kempen dilakukan merangkumi segala aspek kesihatan seseorang. Jadi, kempen ini adalah berterusan, tetapi tiap-tiap tahun kita adakan satu-satu tema yang baru yang memberi pengkhususan kepada sesuatu aspek tertentu. Tetapi mungkin saya rasa kita perlu juga melakukan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti kempen kesihatan di masa-masa akan datang.

2. **Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan menyedari bahawa konsortium merupakan satu bentuk pakatan perniagaan yang amat berkesan; dan
- (b) apakah usaha yang dijalankan untuk menggalakkan penubuhan syarikat konsortium sebagai usaha membantu usahawan menengah dan rendah di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat bagi Temerloh. Kerajaan memang menyedari bahawa konsortium merupakan satu bentuk pakatan perniagaan yang berkesan dalam usaha membantu usahawan bumiputera bagi meningkat dan memperkembangkan perniagaan mereka. Penubuhan konsortium mendatangkan banyak manfaat dari segi penggabungan pengetahuan, kepakaran dan kemudahan-kemudahan agar syarikat kecil dan

sederhana akan menjadi lebih besar dan berupaya untuk berkembang dengan lebih berdaya maju, berdaya tahan dan juga berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang menggalakkan penubuhan syarikat konsortium dalam membantu usahawan kecil dan sederhana di negara ini untuk menjadi lebih berdaya maju. Salah satu contoh termasuklah Kementerian Pembangunan Usahawan telah memberi kebenaran kepada persatuan kontraktor negeri menubuhkan syarikat kontraktornya sendiri untuk berdaftar dengan PKK. Usaha ini adalah bagi memastikan bahawa kepakaran, pengetahuan dan kemudahan di kalangan ahli persatuan serta sumber dapat digabungkan untuk mengukuh dan memantapkan kedudukan dalam bidang pembinaan.

Di samping itu juga, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) juga menggalakkan mana-mana pemegang lesen teksi individu dan pemegang lesen bas ekspres untuk bergabung dengan mana-mana syarikat bagi tujuan mewujudkan konsortium dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkualiti untuk meningkatkan lagi imej perkhidmatan pengangkutan di negara ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya nampak peranan kementerian pada hari ini hanya sebagai menggalakkan. Saya kurang puas hati dengan peranan ini, saya kira kementerian harus, dengan izin, ambil position, ertinya, to lead. Saya nampak usahawan-usahawan bumiputera kita, kita bukan hendak mereka ini hanya compete di pasaran dalam negeri. Kita hendak mereka ini compete di pasaran antarabangsa juga. Jadi, kalau ada usaha sama konsortium dibuat, saya ingat dari segi kecekapan kos, dari segi pengetahuan, dari segi economic scale, dengan izin, akan lebih besar.

Saya ambil contoh, dalam bidang perusahaan pengeluaran sos cili, saya pernah hadir di satu food fare di England baru-baru ini, saya lihat permintaan untuk sos cili negara kita begitu baik sekali dan kita ada banyak pengeluaran kecil sos cili tetapi mereka ini tak digabungkan, tidak ada satu usaha untuk membentuk satu pakatan yang besar supaya ada advantage dari segi economic of scale. Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan sejauh mana usaha seperti ini dijalankan. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya ucapkan terima kasih di atas cadangan yang baik dan bernas daripada Yang Berhormat bagi Temerloh tadi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pembangunan Usahawan, sememangnya sedang dalam usaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan supaya penglibatan golongan profesional dan juga termasuklah usahawan-usahawan yang telah berjaya dalam bidang-bidang yang saya sebut tadi itu supaya dapat membantu usaha-usaha kita dalam memastikan usahawan-usahawan dapat lebih berdaya maju dan juga berdaya saing.

Kita akan berusaha dan kita bersetuju dengan cadangan tadi dan setelah langkah-langkah yang perlu dan segala peraturan-peraturan telah kita patuhi maka kita akan melaksanakan cadangan tadi dengan sebaik mungkin khususnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya baik iaitu menggalakkan konsortium tetapi praktikalnya teruk. Tuan Yang di-Pertua, persoalannya cuba kita lihat, bila diberi kontrak buat kerja, Hospital Lahad Datu – UEM, Hospital Keningau – UEM, Hospital Kunak, Sabah – UEM, Hospital Pitak, Sabah – UEM, Hospital Nabawan – UEM, Hospital Lawas, Sarawak – UEM, Hospital Sri Aman – UEM, Hospital Sarikei – UEM, Hospital Balaga, Sarawak – UEM. Apa orang Sabah, orang Sarawak tidak tahu langsung buat bangunan? Sampai semua dapat kepada UEM tetapi digalakkan konsortium di sini. Jadi, saya hendak minta penjelasan di sini, apa yang dijawab tadi hanyalah main-main, sebenarnya kerajaan tidak menggalakkan konsortium tetapi diberi kepada syarikat-syarikat tertentu. Semua bina hospital UEM dapat, Sabah, Sarawak dapat angin sahaja. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Begitulah, Yang Berhormat.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan soalan daripada Yang Berhormat tadi, saya ingat ini pandangan Yang Berhormat sahaja. *[Disampuk]* Ini tuduhan yang tidak betullah. Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Pembangunan Usahawan, kita menggalakkan penggabungan kontraktor-kontraktor ini supaya mereka lebih berdaya maju dan dengan adanya konsortium yang mereka tubuhkan itu maka kepakaran pengetahuan mereka dalam bidang-bidang tertentu dapat digabungkan termasuklah mereka memiliki kemudahan-kemudahan yang diperlukan khususnya syarikat-syarikat kecil.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di seluruh negara kita telah pun menubuhkan, di tiap-tiap negeri kita menubuhkan satu konsortium di peringkat

negeri. Setiap negeri ada konsortium masing-masing yang diuruskan oleh melalui - yang telah diiktiraf oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Jadi, kalau saya sebut satu persatu, saya fikir ini banyak, jadi, saya tidak perlu sebut tetapi percayalah bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan memang seperti yang saya telah katakan tadi bahawa kita sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat kecil bergabung dengan syarikat-syarikat yang lebih, mungkin lebih besar sedikit supaya mereka menjadi satu konsortium yang besar dan apabila mereka benar-benar mempunyai kemahiran, pengetahuan yang mencukupi, saya yakin dan percaya, kita akan memberikan peluang kepada mereka ini untuk melaksanakan projek-projek seperti yang disebut tadi. Terima kasih.

3. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menambah maklumat dan bahan tentang Sarawak dan Sabah dalam sukatan pelajaran sekolah-sekolah menengah, terutamanya dalam Mata Pelajaran Geografi dan Sejarah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menggubal sukatan pelajaran berasaskan falsafah pendidikan kebangsaan dan cita-cita negara. Pendapat dan pandangan pelbagai pihak juga sentiasa diambil kira dan ini termasuklah pandangan cerdik pandai daripada negeri Sabah dan Sarawak semasa proses penggubalan dibuat. Semua pelajar berpeluang mengkaji, mendapatkan maklumat dan berinteraksi dengan persekitaran atau tempat tinggal masing-masing. Dalam Mata Pelajaran Geografi, fokus kajian ialah negara Malaysia dan perbandingan dengan negara lain di dunia. Tidak terdapat kajian secara khusus mengenai sesuatu negeri di Malaysia.

Walau bagaimanapun, dalam kajian geografi tempatan, pelajar akan membuat kajian mengenai tempat dan persekitaran masing-masing. Kandungan kurikulum sejarah pula ditumpukan pada aspek sejarah peradaban manusia iaitu memahami perkembangan kehidupan manusia dalam pelbagai bidang seperti tradisi, adat resam, kesenian, kepercayaan, pemikiran, falsafah serta politik pentadbiran. Kajian ini dibuat dalam dua komponen iaitu negara Malaysia dan dunia. Pada peringkat sekolah menengah rendah, Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3, pengkajian tentang sejarah tempatan adalah menjadi sebahagian daripada pelajaran sejarah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah soalan sejarah politik yang disebut oleh Yang Berhormat tadi termasuk dengan sejarah-sejarah perkembangan politik yang berlaku dalam negara kita ini, termasuklah campur tangan negara-negara asing yang cukup memberi perhatian ke atas negara kita yang sedang membangun ini?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Mengenai dengan sejarah politik, selalu penekanan akan diberi kepada soal-soal pentadbiran negara. Maksudnya di sini ialah bagaimana institusi pentadbiran dapat merancang dan mentadbirkan negara ini dengan baik sekali. Begitu juga dengan sejarah politik, biasanya kita akan memberi penekanan kepada segala apa yang berlaku dalam proses perkembangan masyarakat itu. Dan, perbandingan juga akan dilakukan antara negara kita sebagai sebuah negara maju, jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia. Terima kasih.

4. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, berikutan kerosakan akhlak sebilangan belia dan beliawanis negara, apakah kementerian bercadang membuat kaji selidik punca sebenar sebelum menyalahkan satu-satu kumpulan atau satu-satu perkara secara rambang. Apakah program yang dibuat berdasarkan sebab yang dikenal pasti atau cuma program secara menyeluruh yang sukar dianalisis pencapaiannya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan menyedari dan sentiasa memantau masalah gejala sosial di kalangan generasi muda di negara ini. Malah, Kementerian Belia dan Sukan juga menganggotai jawatankuasa bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam memantau masalah ini di samping mencari dan menjalankan pelbagai usaha untuk menanganinya.

Dalam konteks mengenal pasti punca masalah, beberapa tahun yang lalu Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama beberapa institusi pengajian tinggi tempatan pernah menjalankan kajian mengenai masalah belia yang suka membuang masa tanpa tujuan yang memungkinkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti negatif. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengambil kira masalah keperluan

dan kehendak semasa di kalangan generasi muda dalam usaha merancang program pembangunan untuk mereka.

Melalui majlis dialog, penganjuran kursus-kursus serta aktiviti yang dijalankan, kementerian ini sentiasa mendapatkan maklum balas dan input daripada pertubuhan-pertubuhan belia mengenai kesesuaian program dan cadangan bagi mempertingkatkan program untuk memenuhi keperluan semasa demi pembangunan belia negara secara berkesan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Baru-baru ini filem Hindustan disalahkan sebagai salah satu penyebab kerosakan akhlak dan ada yang meminta supaya filem Hindustan ini diharamkan penyiarannya di televisyen. Tetapi sebenarnya, filem Hindustan ini bukanlah baru, ia ditayangkan sejak tahun 60-an lagi. Juga, ada yang menyatakan bahawa beberapa perkara misalnya masalah syabu, juga menjadi punca masalah. Apakah kerajaan mengatur program satu tahap ke hadapan ataupun *one step forward*, dengan izin. Ertinya sebelum sesuatu masalah itu sampai kepada kita, kita telah meramalkan, apakah yang akan berlaku kepada belia jikalau perkara ini wujud ataupun merebak di masyarakat kita

Misalnya, syabu ini sudah lama kita ketahui tetapi cuma belum masuk ke negara kita tetapi apabila ia masuk ke negara kita masalah ini sudah berjalan sekian lama dan telah merebak, barulah kita mengatur program. Maksud saya di sini, apakah kerajaan bercadang untuk meneliti, menganalisis sesuatu masalah itu dan mengatur program sebelum masalah itu merebak dan membuat persediaan dengan program-program tertentu supaya belia ini dapat *alert*, dengan izin, ataupun sedar dengan masalah yang mungkin mereka hadapi. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sipitang tadi. Bersabit dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang, sebenarnya program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan selama ini, sememangnya merupakan program-program yang bersifat pencegahan ataupun *preventive in nature*, dengan izin. Sedangkan baru-baru ini terdapat dakwaan-dakwaan terhadap filem Hindustan, sebenarnya itu bukan pandangan daripada kementerian ini, ianya hanya merupakan pandangan daripada sesetengah pihak masyarakat kita yang menunjukkan keprihatinan mereka terhadap gejala sosial.

Walaupun demikian, Yang Berhormat juga membangkitkan soal syabu yang merupakan salah-satu jenis najis dadah yang melanda masyarakat umum kita dan saya bersetuju bahawa ini memerlukan usaha bersepadu dan bukannya hanya daripada sebuah kementerian ataupun mana-mana satu pihak yang tertentu sahaja dan setakat ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Belia dan Sukan telah pun menjalankan pelbagai kaji selidik secara terperinci seperti mana yang saya jawab tadi. Dan, ianya semata-mata untuk mengumpulkan maklum balas daripada kalangan beliawan dan beliawanis kita iaitu kumpulan sasaran kita mengenai masalah-masalah yang melanda kita.

Manakala masalah-masalah yang melanda kita itu, ianya sukar juga kita hendak buat ramalan sebelum ianya melanda. Walaupun ianya mungkin telah pun berleluasa di seberang laut dan apa yang kita boleh buat setakat ini hanyalah kaji selidik tentang apa yang berlaku di kalangan masyarakat kita. Dan, saya berharap Yang Berhormat sendiri juga akan dapat mengesyorkan apa yang difikirkan wajar kepada kementerian ini supaya ianya dapat diusahakan bersama.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kajian-kajian yang dibuat menunjukkan bahawa masalah akhlak golongan remaja dan pelajar-pelajar adalah disebabkan oleh kerana longgarnya amalan pengetahuan dan amalan agama.

Saya masih teringat waktu Program Rakan Muda dilancarkan dahulu, beberapa kajian dibuat dan kajian itu menunjukkan bahawa agama adalah merupakan alat pengubat kepada penyakit yang sedang melanda belia dan pelajar-pelajar sekolah. Tetapi tiga hari yang lepas satu kenyataan yang berbentuk Kama I Antartukis – fikiran Kamal Atartuk disuarakan dalam mulut Perdana Menteri yang mengatakan sekolah kebangsaan telah menakutkan orang Cina dan orang India hendak masuk sekolah kebangsaan kerana penonjolan agama dan yang kedua, semalam waktu beliau membuka UIA menyebutkan yang menyebabkan kemunduran umat ialah kerana mereka memilih pelajaran agama, bukan pelajaran-pelajaran profesional.

Bukankah kenyataan ini menakutkan rakyat dan tidak bertanggungjawab sebab kenyataan ini akan mengunci minat rakyat untuk kembali kepada agama yang semuanya sudah setuju bahawa agama merupakan penyelesaian kepada masalah belia, masalah remaja dan masalah umat sejagat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Soalannya...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Itulah soalannya. Jadi, tidakkah ini, Yang Berhormat share kepada kita dan pandangan umum yang mengatakan bahawa agama adalah penyelesaiannya dan tidakkah apa yang disebutkan oleh Perdana Menteri semalam dan tiga hari yang lepas adalah merupakan perkara yang *antithesis*, dengan izin, tentang pandangan umum mengenai kepentingan agama itu. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, sesungguhnya tiada mana-mana pihak yang menyangkal bahawa unsur keagamaan tetap memainkan peranan yang penting dalam usaha menegakkan akhlak ataupun moraliti yang murni di kalangan rakyat kita yang majmuk tetapi ingin juga saya mengingatkan Yang Berhormat bahawa, dalam masyarakat majmuk kita di Malaysia, setiap kali bila kita cuba hendak menganjurkan sesuatu program yang bersifat keagamaan untuk menampung keperluan kaum remaja ataupun kaum belia kita, ianya juga kena mengambil kira unsur-unsur majmuk ataupun agama yang berbeza-beza di kalangan mereka.

Apa Yang Berhormat bangkitkan tadi itu, itu bersangkutan-paut dengan pendidikan dan saya rasa ianya agak terkeluar daripada soalan yang asal ini. Walaupun demikian, ingin juga saya ingatkan Yang Berhormat bahawa selama ini Kementerian Belia dan Sukan tetap menganjurkan pelbagai usaha menerusi penganjuran program-program yang bersifat keagamaan khususnya untuk umat Islam. Itu tidak dapat disangkal walaupun kadangkala ada pihak yang mempertikaikan keberkesanannya tetapi ingin juga kita faham bahawa Tuhan yang menentukan segala-galanya, termasuk juga keberkesanannya dan kita manusia boleh berusaha tetapi Tuhan yang menentukan, takkan Yang Berhormat tidak erti.

5. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) benarkah satu pusat persidangan terbesar di dunia akan dibina di Putrajaya sebelum sidang OIC diadakan pada 2003 akan datang dan benarkah ia akan menelan belanja sehingga RM2 bilion; dan
- (b) jika benar ianya akan dibina, apakah yang menyebabkan ia perlu dibina sedangkan PWTC dan NECC di Lapangan Terbang Subang sudah memadai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju supaya sebuah pusat konvensyen bertaraf antarabangsa dibina di Putrajaya. Adalah menjadi harapan kerajaan supaya pusat konvensyen ini dapat disiapkan pada tahun 2003 bagi membolehkan ianya diguna untuk Persidangan OIC yang akan datang. Anggaran kos pembinaan pusat konvensyen ini ialah kira-kira RM500 juta.

Tujuan kerajaan membina pusat konvensyen ini adalah untuk membolehkan Malaysia menganjur persidangan atau mesyuarat yang bertaraf antarabangsa. Ini adalah kerana pada masa ini Malaysia tidak mempunyai sebuah pusat persidangan yang sesuai yang boleh digunakan untuk menganjur persidangan antarabangsa yang melibatkan bilangan peserta yang besar daripada pelbagai negara.

Kemudahan dan reka bentuk ruang pusat persidangan sedia ada seperti di Pusat Dagangan Dunia Putra agak terhad untuk digunakan sebagai tempat persidangan antarabangsa. Manakala National Exhibition and Conference Center (NECC) yang sedang dibina pula lebih sesuai sebagai pusat pameran dan persidangan untuk sektor swasta. Di samping itu, penganjuran persidangan bertaraf antarabangsa ini juga dapat meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang berjaya di kalangan masyarakat antarabangsa.

Selain digunakan sebagai tempat persidangan mesyuarat antarabangsa, kemudahan-kemudahan di pusat konvensyen ini juga akan dimanfaatkan oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan yang ditempatkan di Putrajaya. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kemelesetan ekonomi, untuk memulihkannya, di antaranya ialah membina infrastruktur iaitu jalan raya, sekolah, hospital. Kita setuju, cuma yang kita tidak setuju cara tender diberi, Sabah Sarawak tidak dapat apa. Cuma membina bangunan RM500 juta ini adakah termasuk di dalam hendak *regenerate* ekonomi sedangkan PWTC pun tidak banyak digunakan. Selepas BBM guna hari itu, "Badan Bantai Mahathir" itu, sampai sekarang tidak ada lagi orang guna. Dia guna setahun dua, tiga kali. Kenapa kita tidak memanfaatkan bangunan itu dulu, sehinggalah ekonomi kita pulih, buat yang ini.

Jadi, saya minta adakah setuju dengan pandangan saya – tangguh dulu pembinaan ini, guna PWTC yang sedia ada dan infrastruktur yang lain teruskan – sekolah, hospital, jalan raya dan sebagainya kerana untuk memulihkan ekonomi. Ini *stagnant*, modalnya tertutup di situ. Bersetuju atau tidak dengan pandangan saya?

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Minta maaf Ahli Yang Berhormat, saya rasa saya kurang setuju sedikit kerana ini adalah satu daripadanya kita memandangkan lebih jauh iaitu dari segi persiapan untuk menempatkan satu persidangan yang besar pada tahun 2003 iaitu OIC. Kita juga menengokkan dari segi pembangunan Putrajaya itu, kita memandangkan 30 tahun atau 40 tahun daripada sekarang yang mana kita hendakkan Putrajaya itu akan menjadi satu tempat pembangunan atau satu projek yang begitu canggih di mana adanya beberapa kemudahan yang boleh kita banggakan.

Jadi, saya rasa kerajaan telah menyelidiki semua perkara ini dan memikirkan perlu kita mengadakan convention center yang bertaraf dunia. Saya rasa belanja yang kita perlu buat ialah RM500 juta yang saya rasa dalam keadaan ekonomi yang boleh kita anggapkan baik pada ketika ini dan kos pembinaan ini boleh dikatakan kurang sedikit, saya percaya ini adalah masa untuk kita membangunkan sesuatu bangunan ini yang memakan belanja yang saya rasa tidak begitu tinggi kerana Dewan Persidangan Utama yang akan diadakan di konvensyen ini akan memuatkan tidak kurang daripada 2,500 peserta yang mana di bangunan PWTC ataupun NECC ini tidak akan dapat memberi satu kemudahan bagi peserta-peserta ini yang saya rasa lebih tersusun atau teratur.

Saya rasa di NECC ataupun PWTC ini lebih senang untuk sesuatu pameran ataupun konvensyen bagi pihak swasta untuk menganjurkan di situ. Ini kita tertumpu kepada persidangan-persidangan yang melibatkan kerajaan luar negara. Jadi, saya rasa tepat masanya kita membuat persiapan dari masa sekarang untuk kita mengadakan sesuatu pusat konvensyen yang canggih, apa yang hendak kita laksanakan pada masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat menyokong sangatlah pusat ini segera dibina kerana ianya akan menjadi satu lagi mercu tanda kemajuan negara kita. [*Beberapa Ahli Pembangkang ketawa dan menyampuk*] Biarlah saya bercakap.

Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) memang memandang tinggi negara ini dan persiapan kita bagi menjayakan persidangan ini amat wajar. Dengan penghormatan tinggi oleh negara-negara Islam, ramai orang salah faham dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seorang negarawan Islam yang benar-benar telah pun berbakti kepada agama Islam – banyak contoh dan teladan.

Seperti semalam – perasmian Kampus Universiti Islam Antarabangsa. Ucapan beliau terang dan jelas, dia bukan anti-Islam. Dia menceritakan bagaimana kemunduran waktu lampau, setengah-setengah orang Islam hanya menuntut ilmu keagamaan semata-mata, tidak mengambil kira.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya, Yang Berhormat....soalnya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini hendak soalanlah ni...*[Ketawa]* Sebenarnya ilmu-ilmu lain juga bersama-sama dengan ilmu Islam itu penting. Itu yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tidak menafikan pentingnya ilmu agama Islam. *[Disampuk]* Jadi, saya hendak bertanya supaya apa yang sedang dirancangan ini dapat dilaksanakan. Kita menghargai pandangan negara-negara Islam sedunia kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang memang seorang pejuang Islam yang tulen *[Disampuk oleh beberapa Ahli Pembangkang]* yang meningkatkan syiar Islam di negara ini. Tidak dapat dinafikan. *[Tepuk]* Banyak contoh dan teladan, cuma mereka yang sengaja kerana kepentingan politik hendak menafikan kenyataan yang memang dapat dilihat dengan nyata dan terang. Bagi orang yang hendak....

Seorang Ahli: Soalan, soalnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalnya ialah supaya dibina dengan segera. Saya hendak tanya bila mula hendak bina pusat konvensyen ini. *[Ketawa][Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haaah, itu dia. Saya puas tunggu, baru itu soalnya. *[Ketawa]* Sila, Yang Berhormat.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Permulaannya sudah berjalan. Pada masa ini kerja-kerja tanah sedang giat dijalankan dan saya rasa kita akan cuba sedaya upaya mempercepatkan usaha ini dan insya-Allah, akan siap pada tahun 2003. Terima kasih.

6. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah implikasi sistem "power pooling" terhadap kos elektrik kepada pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih menjalankan kajian mengenai penstrukturan semula industri bekalan elektrik dan sistem *pooling* adalah salah satu sistem yang dicadangkan di bawah kajian ini. Memandangkan kajian ini belum muktamad lagi, implikasi kos elektrik belum dapat dipastikan.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen atas jawapan yang singkat.

Saya mengakui bahawa sistem *power pooling* belum dilaksanakan di negara kita. Saya membangkitkan soalan ini sebab saya percaya, dengan izin, *prevention is better than cure*. Krisis tenaga di California sejak hujung tahun lepas telah memberi satu amaran penting kepada kita dan baru-baru ini dua buah syarikat bekalan elektrik telah meminta perlindungan di bawah Chapter Eleven di Amerika. Dalam proses *deregulation* jika kita tidak berhati-hati, bekalan elektrik akan terjejas dan ini akan mengakibatkan kemerosotan ekonomi negara kita ini.

Saya ingin tahu selain daripada kajian tentang sistem *power pooling*, sama ada kerajaan atau TNB ada mengambil kajian cara lain supaya kita boleh mengurangkan masalah yang mungkin berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, konsep power pooling ini sepatutnya membawa makna bahawa persaingan yang wujud di kalangan syarikat-syarikat penjana dan penghantaran dalam sesuatu sistem ekonomi yang mengakibatkan harga runcit yang lebih rendah. Inilah konsep power pooling. Memang baru-baru ini di California mengalami power outage atau kegagalan bekalan dan walaupun California telah mempunyai satu regulation pada tahun 1996 masalah memang wujud sekarang berkenaan dengan power pooling ini, oleh sebab itu kajian masih dijalankan. Berdasarkan kepada pengalaman di negeri California, negara kita atau kerajaan masih mengkaji tentang model-model atau faktor-faktor yang perlu diadakan sebelum sistem power pooling diadakan.

Di antaranya ialah negara ini memperlihatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan unjuran permintaan elektrik akan berkisar dalam lingkungan 10% setahun untuk tahun-tahun yang akan datang, ini bermakna bahawa keutamaan perlu diberi ke atas pembekalan elektrik yang berterusan dan stabil. Dalam hal ini

kerajaan masih perlu memainkan peranan utama dalam perancangan penambahan kapasiti dan tidak diserahkan kepada market forces untuk menentukan program planting up.

Yang kedua, negara atau Malaysia perlu atau mesti mempunyai simpanan elektrik yang mencukupi tidak kurang daripada 30% sebelum melaksanakan konsep power pooling ini, ini ialah kerana pelaksanaan power pooling akan dalam keadaan penawaran elektrik yang ketat iaitu kalau simpanan kurang dari 10% akan mengakibatkan risiko dari segi kegagalan sistem elektrik yang saya katakan tadi power outage kenaikan harga elektrik secara mendadak dan seterusnya implikasi bebanan kewangan bagi pihak kerajaan sekiranya pihak utiliti mengalami masalah kewangan untuk membayar pihak penjana-penjana. Sekian, terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya negara kita pernah menghadapi krisis tenaga ini tahun 1992 dan saya ingat satu lagi tahun 1996 krisis gelap, black-out di seluruh negara. Jadi, berkaitan dengan soal yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat Batu ini suatu langkah pandangan ke depan untuk mengatasi pengalaman Malaysia sebagaimana yang berlaku di California hujung tahun lepas.

Soalnya ialah Tenaga Nasional ataupun TNB sendiri sebenarnya menghadapi beberapa perkara yang menyebabkan pengguna terpaksa membayar lebih yang perlu diatasi juga dalam tempoh masa depan, misalnya pemasangan meter-meter bacaan tenaga yang digunakan di peringkat pengguna sendiri, masih banyak yang melebihi daripada had hayat meter itu sendiri, melebihi 15 tahun ke atas. Begitu juga kita dapati kebelakangan ini sikap yang dibawa oleh pihak pengurusan TNB mengenakan caj pemotongan dalam bil-bil kepada pihak pengguna, tetapi pemotongan sebenar tidak dibuat, tetapi arahan membayar dibuat.

Jadi, dengan cara ini kita nampak beban kepada pengguna itu bertambah-tambah. Jadi, dalam hal ini apakah pihak kerajaan sendiri boleh menyelesaikan isu-isu kepenggunaan ini dari sudut kos yang dibebankan hasil daripada bekalan elektrik ini kerana kita tahu dalam tempoh masa depan, akan berlaku pula penswastan beberapa pusat penjanaan tenaga elektrik. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tolong ulangkan berkenaan dengan potongan elektrik tadi yang tidak dipotong itu.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Maksudnya ada pengguna yang menerima bil arahan membayar, caj pemotongan kerana tertunggak bilnya tidak dibayar, tetapi

pemotongan sebenar tidak dibuat. Arahan membayar diarahkan melalui bil, sedangkan pemotongan tidak dibuat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan selalu mencari cara-cara untuk bagaimana kos penjanaan dapat diturunkan dan akan mengakibatkan harga elektrik dan bekalan akan boleh turun dan ini dapat membawa hasil baik kepada pengguna-pengguna dan ini termasuk sumber-sumber lain termasuk renewal energy dan green energy.

Berkenaan dengan bekalan elektrik yang dipotong dan tidak dipotong tetapi caj dikenakan, ini dalam sistem keluaran waran untuk potong dan kadang-kadang waran dikeluarkan kerana bil elektrik tidak dibayar dan oleh sebab perjanjian atau persamaan di antara orang yang sepatutnya potong elektrik ini dengan pengguna itu supaya elektrik tidak dipotong dan mereka pergi membayar bil elektrik itu tetapi selepas waran dikeluarkan sebenarnya elektrik dipotong, oleh sebab convenience kepada pengguna, elektrik tidak dipotong tetapi caj mesti dikenakan kerana waran telah dikeluarkan. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pendapatan penduduk luar bandar khususnya penoreh-penoreh getah dan peneroka-peneroka sawit memandangkan kejatuhan harga komoditi kelapa sawit dan getah di pasaran antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Mac 2001 kerajaan telah membuat pengumuman ke atas langkah-langkah untuk menjamin kesejahteraan pekebun kecil getah dan kelapa sawit yang pendapatan mereka terjejas ekoran daripada kejatuhan harga kedua-dua komoditi ini.

Langkah-langkah tersebut dapat dikategorikan kepada empat iaitu:-

- (i) Meningkatkan harga kelapa sawit melalui pengurangan stok dengan menggunakan minyak sawit sebagai bahan bakar dan pengurangan keluaran minyak sawit dengan memberi insentif sebanyak RM1,000 sehektar untuk pekebun kecil menanam semula kebun-kebun yang berusia 25 tahun ke atas pada tahun ini.
- (ii) Meningkatkan produktiviti pengeluaran getah dengan penggunaan LITS atau sistem torehan kerap rendah yang

sekali gus akan memberi ruang masa yang lebih kepada pekebun kecil untuk melaksanakan aktiviti ekonomi tambahan lain melalui pemberian bantuan kewangan. Di samping itu, menggalakkan pekebun kecil menghasilkan susu getah dengan memberi harga premium sebanyak 10 sen sekilogram.

- (iii) Menyediakan bantuan kewangan RM100 juta untuk mempergiatkan aktiviti ekonomi tambahan dan RM100 juta lagi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat miskin.
- (iv) Menanggung bayaran balik pinjaman kerajaan bagi tempoh enam bulan atau sehingga harga pulih.

Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, adakah kementerian menyedari bahawa disebabkan oleh kejatuhan harga sawit ini yang mana pekebun-pekebun kecil kelapa sawit terutamanya di luar bandar, adalah didapati kebun-kebun mereka ini sudah tidak mampu untuk dibaja lagi yang mana kos membaja dan juga kos baja adalah terlalu tinggi berbanding dengan harga sawit ini dan rata-rata kita dapati pekebun-pekebun kecil tidak menaruh baja kepada tanaman mereka yang mana ini sudah tentu walaupun satu ketika nanti apabila harga kelapa sawit meningkat, maka pengeluarannya juga akan terjejas akibat daripada terbantutnya pokok kelapa sawit tersebut.

Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kementerian supaya langkah-langkah, segera apakah langkah-langkah segera yang telah diambil dan sedang dirancang untuk hendak mengatasi masalah penduduk terutamanya di kawasan luar bandar yang begitu tertekan buat masa sekarang. Jadi saya hendak tahu langkah segera dan juga langkah jangka panjang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Benut yang begitu prihatin mengenai kepada pekebun kecil di luar bandar. Jadi, sukacitalah dimaklumkan di sini Yang Berhormat, bahawa ada beberapa bantuan khas kepada pekebun kecil dan petani yang telah digubalkan oleh kerajaan kita yang begitu prihatin terhadap nasib-nasib mereka ini. Ada beberapa langkah yang diambil.

Langkah pertama, iaitu penggunaan minyak sawit mentah sebagai bahan bakar iaitu menggalakkan penggunaan crude palm oil (CPO) sebagai bahan bakar alternatif oleh pihak industri serta stesen janakuasa elektrik TNB dan penjana bebas (IPP). Pada masa ini harga CPO adalah lebih rendah daripada harga minyak diesel, jadi matlamat langkah ini adalah untuk mengurangkan stok CPO sebanyak 400,000 tan.

Kedua, mempercepatkan penanaman semula kawasan kelapa sawit tua. Menanam semula seluas 200,000 hektar kawasan kelapa sawit yang berumur melebihi 25 tahun. Ini akan dapat mengurangkan lebihan stok sebanyak 600,000 tan.

Dalam hubungan ini, kerajaan akan menyediakan insentif khas seperti berikut iaitu pemberian galakan sekali tanam semula sebanyak RM1,000 sehektar jika tanam semula adalah bagi kelapa sawit dan sebanyak RM1,000 jika ditanam semula dengan getah atau pokok hutan yang lain.

Galakan khas ini akan diberi kepada pekebun kecil sahaja dengan syarat mereka mempunyai saiz kebun yang ekonomik atau sekurang-kurangnya empat hektar.

Bagi saiz kebun yang ekonomik, galakan khas akan hanya diberi sekiranya tuan punya bersetuju tanah mereka disatukan di bawah program FELCRA atau RISDA.

Adakah dijangkakan seluas 150,000 hektar dapat ditanam semula oleh FELDA, FELCRA dan RISDA, selebihnya pekebun-pekebun kecil lain.

Langkah kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada panjang sedikit, ada tiga langkah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, langkah kedua:

- (a) skim pertama meningkatkan produktiviti melalui penggunaan low intensity tapping system, torehan rendah tadi iaitu bantuan khas sekali bagi pekebun kecil getah kurang daripada empat hektar iaitu sebanyak RM1,000 sehektar untuk peralatan LITS serta baja. Sebanyak RM100 juta akan disediakan di bawah program ini.
- (b) Bantuan khas sekali bagi pekebun kecil getah yang memiliki lebih daripada empat hektar iaitu pemberian geran sebanyak

70% dan pinjaman sebanyak 30% kos LITS atau torehan rendah tadi disalurkan melalui Bank Pertanian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Hajah Rohani bin Haji Abdul Karim: Saya sebut langkah ketiga, ya Tuan Yang di-Pertua.

Langkah ketiga, menambah pendapatan petani dan memelihara kesejahteraan penduduk luar bandar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, terima kasih. Saya beri Hulu Terengganu.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya sangat tertarik dengan empat langkah yang telah disebut awal tadi untuk membantu pekebun-pekebun mengatasi masalah kejatuhan harga. Cuma apa yang saya ingin persoalkan, sama ada kementerian sedar atau tidak, bahawa sebenarnya bantuan yang disebutkan tadi tidak membantu pekebun-pekebun kecil yang mana tanahnya ke bawah empat hektar seperti yang disebutkan tadi. Yang lebih daripada empat hektar iaitu sepuluh ekar ke atas mereka diberi bantuan ini sebanyak RM1,000 bagi kelapa sawit sehektar dan RM1,100 bagi getah tetapi yang di bawah empat hektar,*[Disampuk]* yang di bawah sepuluh ekar ini, mereka hanya diberi bantuan RM1,000 ini sekiranya menyerahkan tanah mereka kepada RISDA atau FELCRA yang mana yang telah disebut beberapa kali dalam mesyuarat ini, dalam Dewan ini, apabila kita serahkan tanah kita kepada RISDA di bawah anak syarikatnya RSPSB ini, maka pekebun terpaksa menyerahkan tidak kurang 15 tahun dengan beberapa syarat yang ketat, yang kalau saya sebut barangkali memakan masa.

Adakah kementerian sedar bahawa bantuan ini sebenarnya tidak sampai kepada sasarannya? Orang yang betul-betul ada tanah kurang daripada 10 ekar yang hendak mengerjakan sendiri tidak diberi bantuan ini kecuali yang menyerahkan tanahnya kepada RISDA atau FELCRA, sedangkan syarat apabila kita menyerahkan tanah ini kepada RISDA atau FELCRA sangat ketat yang membolehkan hilang hak tanah kepada peneroka itu sendiri, pekebun-pekebun sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu. Yang Berhormat sebenarnya sebab saya tadi dipendekkan untuk menjawab.

Jadi, sebenarnya soalan Yang Berhormat masuk dalam langkah ketiga. Saya baca sedikit Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi, untuk menambah apa yang disebutkan tadi bahawa itu empat hektar ke atas. Jadi, sekarang ini ceritanya empat hektar ke bawah, ini yang *mis* tadi. Jadi, bagi menambah pendapatan petani dan memelihara kesejahteraan penduduk luar bandar iaitu memberi bantuan sara hidup kepada golongan PPRT di bawah program sosial FELDA, RISDA dan FELCRA.

Jadi, peruntukan RM100 juta di bawah Anggaran Tambahan Pertama Tahun 2001 iaitu yang sedang kita bincangkan pada masa ini tertakluk kepada persetujuan kerajaan dicadangkan untuk memberi elaun sara hidup antara RM50 hingga RM250 sebulan sekeluarga kepada keluarga berpendapatan kurang daripada RM230 sebulan dan memiliki atau mengusahakan kebun kecil kurang daripada 2.5 hektar. Mempergiatkan pelaksanaan aktiviti ekonomi tambahan RISDA akan memperuntukkan sebanyak RM100 juta khas untuk pekebun kecil getah.

Kedua, Kementerian Pertanian sebanyak RM100 juta akan diperuntukkan bagi tanaman dan aktiviti pelbagaian. Jadi, memang kerajaan prihatin dan oleh yang demikian akan sentiasa memelihara tahap kesejahteraan rakyat iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan membelanjakan sebanyak RM100 juta untuk program meningkatkan kesejahteraan rakyat miskin luar bandar.

Dan kedua menanggungkan pembayaran balik, pinjaman balik, pinjaman oleh peserta yang terlibat dalam aktiviti anjuran kerajaan untuk tempoh enam bulan atau sehingga harga minyak sawit dan getah meningkat ke paras yang lebih baik.

Jadi, Yang Berhormat tadi melalui RISDA adalah satu cara yang mereka di bawah kelompok RISDA tetapi kita tahu juga ada yang lain, yang kita boleh bantu dengan program-program yang lain. Terima kasih.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Kalau boleh saya tambah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak ada cukup Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Cukup dah. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

8. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rasionalnya cadangan kerajaan mengenakan Seksyen 298A Penal Code terhadap apa yang dikatakan golongan ekstremis dan fanatik agama dan bilakah ianya akan berkuat kuasa sepenuhnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 298A Kanun Keseksaan telah diperbuat oleh Parlimen untuk mengawal dan menjamin keselamatan awam serta perpaduan di negara ini.

Perenggan 1A dan B dalam seksyen ini memperuntukkan, *“Bahawa menjadi suatu kesalahan jika seseorang melakukan perbuatan atau mengucapkan perkataan yang menyebabkan atau cuba menyebabkan atau mungkin menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci membenci dan sebagainya berdasarkan isu-isu agama antara orang seagama atau berlainan agama.”* Seksyen ini mula berkuat kuasa pada 20 Februari 1993 dan belum lagi dimansuhkan. Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Seksyen ini iaitu 298A Kanun Keseksaan, Kabinet telah mengumumkan ianya akan digunakan terhadap apa yang disebut sebagai golongan Islamic ekstremis ini saya *quote* daripada apa yang disebut.

Sedangkan pada tahun 1987 Mahkamah Agung telah pun membuat keputusan bahawa seksyen ini adalah – dalam kes ‘Mamat’, bahawa seksyen ini adalah di bawah Islamic criminal offence, maka ianya adalah di bawah perundangan negeri dan bukannya a *law on public order*, dengan izin.

Jadi kebimbangan kita adalah dari segi semantik perundangan yang digunakan ini Islamic ekstremis, Islamic fundamentalis dan sebagainya adalah suatu yang sepatutnya tidak dijadikan sebagai alat untuk menimbulkan ketakutan, kebimbangan di dalam masyarakat terutamanya *[Disampuk]* umat Islam sendiri

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...dan bagi saya – soalnya, soalnya. Soalnya ialah dari sudut mereka yang menghina Islam, Majlis Fatwa

sendiri telah pun mengeluarkan fatwa terhadap Jemaah Al-Quran Malaysia yang jelas bertentangan dan dianggap ajaran sesat dan ucapan-ucapan Perdana Menteri sendiri yang menghina Islam dan memecahbelahkan masyarakat. *[Disampuk]*

Jadi, sepatutnya Perdana Menteri dan Jemaah Al-Quran ini orang yang pertama diheret di bawah Seksyen ini....

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya. *[Tepuk]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...itu soalnya. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

....

Seorang Ahli: Sangkaan Jahat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...Peraturan Mesyuarat sangkaan jahat ini. *[Ketawa]* 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, biar Menteri menjawab ya. Menteri jawab ya.

Seorang Ahli: Apalah

Seorang Ahli: Salah tafsiran.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kerja lain tidak ada, menyalahkan orang lain sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Eloklah dia orang begitu.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sudah sangka apa yang saya jawab ini tidak akan diterima oleh pihak pembangkang.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu walaupun seksyen ini wujud tetapi kita tidak pernah, masih lagi belum menggunakan seksyen ini untuk menangkap khususnya puak-puak Yang Berhormat yang sengaja memang mengadu-domba, memecahbelahkan umat Islam di dalam negara kita. Yang kita pertikaikan ialah kita takut bahawa puak-puak PAS ini akan memesonkan akidah umat Islam.

Jadi, setakat ini kita masih belum menggunakan seksyen ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soal Jawab Lisan sudah habis Yang Berhormat. Sudah lebih banyak. Urusetia.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 37 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2000 DAN 2001) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 2000 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2001

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion empat ratus dua puluh lima juta tujuh ratus tujuh puluh enam ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM3,425,776,547) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan seperti berikut:-

- (a) bagi tahun kewangan 2000, untuk menampung sejumlah satu bilion lima ratus dua belas juta enam ratus lima puluh tiga ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM1,512,653,987) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-

projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut;

- (b) bagi tahun kewangan 2001, untuk menampung sejumlah satu bilion sembilan ratus tiga belas juta satu ratus dua puluh dua ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM1,913,122,560) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut,

hendaklah disahkan. **[17 April 2001]**

11.05 pagi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion empat ratus dua puluh lima juta tujuh ratus tujuh puluh enam ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM3,425,776,547) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan seperti berikut:-

- (a) bagi tahun kewangan 2000, untuk menampung sejumlah satu bilion lima ratus dua belas juta enam ratus lima puluh tiga ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM1,512,653,987) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut;
- (b) bagi tahun kewangan 2001, untuk menampung sejumlah satu bilion sembilan ratus tiga belas juta satu ratus dua puluh dua ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM1,913,122,560) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut,

hendaklah disahkan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Jadual -

11.09 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM5,460,712,821 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 2000 bagi Maksud-maksud Bekalan B.7, B.15, B.16, B.18 hingga B.20, B.23, B.24, B.26, B.28 hingga B.31, B.35, B.36, B.42, B.46 dan B.51 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan.

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM300 juta yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2001 bagi Maksud Bekalan P.18 untuk kementerian yang berkenaan dijadikan Jadual.

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM1,512,653,987 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bilangan 3 Tahun 2000 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.14, P.16 hingga P.18, P.22, P.26, P.28, P.33 hingga P.35, P.37, P.40, P.47 dan P.48 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai *Kertas Perintah 8 Tahun 2000*.

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM1,913,122,560 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bilangan 1 Tahun 2001 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.19, P.28, P.48 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan seperti Kertas *Perintah 9 Tahun 2000* dijadikan Anggaran Pebelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2000 dan 2001 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2000 dan 2001 kelmarin.

Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai *Kertas Perintah 7A tahun 2001* dan *Kertas Perintah 13A Tahun 2001* bagi Anggaran Pebelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 2000 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2001 dan *Kertas Perintah 8A Tahun 2001* dan *Kertas Perintah 9A Tahun 2001* bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 2000 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2001. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita membahaskan Kepala-kepala Bekalan 'B' dan Kepala Pembangunan 'P', sukalah saya menyatakan bahawa tiap-tiap kepala tersebut ada dinyatakan perkara-perkara tertentu dalam Kertas Perintah 7 dan 9.

Jadi, kalau Yang Berhormat hendak bercakap tumpulah kepada perkara yang berkaitan kerana kalau kita berpanjangan sebab dalam Jawatankuasa ini perkara ini tidak akan dapat perkara yang sebenarnya patut kita bahaskan.

Yang kedua, oleh kerana hendak memberi masa kepada agak ramai orang yang boleh bercakap, tambahan pula perkara-perkara ini adalah perkara yang khusus. Jadi, kita hadkan masa tiap-tiap orang bercakap 10 minit.

Maksud B.7 [Jadual] -

Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3)2000] -

Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2001] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ialah Kepala Bekalan B.7 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong, betul-betul Kepong. Jangan berdiri sekerat Kepong, sila.

11.15 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, P.7 dan B.7. Sebelum saya bermula dengan 'Perumahan Angkatan Tentera Malaysia' tambahan, saya gunakan kesempatan inilah di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyatakan semula bahawa sebenarnya pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mestilah mengemukakan RM3 bilion pakej untuk ekonomi ini bukan di dalam Bekalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibuat oleh apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi. Dan walaupun pihak kerajaan boleh menggunakan kaedah ini untuk mengemukakan RM3 bilion bagi pakej rangsangan ekonomi tetapi bagi saya ini tidak begitu sesuai.

Saya bermula dengan ini mengenai pakej RM3 bilion ini tadi. Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan menunjuk kepada Tuan Pengerusi, tidak tepat saya sebutkan hal ini tetapi itulah yang perlu dibuat oleh pihak kerajaan untuk kaedah yang betul.

Tuan Pengerusi, mengenai RM800 juta yang diperlukan yang telah pun dibelanja bagi pembinaan sebahagian daripada keseluruhan bilangan perumahan yang diperlukan berjumlah 6,600 unit yang terdiri daripada pelbagai kelas.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya memang memberi perhatian kepada perumahan pihak angkatan tentera kerana kita perlu ahli-ahli angkatan tentera, anggota-anggotanya bermutu tinggi, mendapat gaji dan kemudahan-kemudahan seperti perumahan yang cukup supaya mereka boleh memainkan peranan yang berkesan. Nampaknya ada Jabatan Perdana Menteri yang memperuntukkan wang yang sekian banyak untuk mengadakan lebih banyak rumah kos rendah bagi pihak anggota angkatan tentera. Saya berharap kerajaan akan memastikan pengagihan unit kos rendah ini kepada orang-orang yang benar-benar layak dan benar-benar perlu.

Tuan Pengerusi, saya sebut hal ini kerana di dalam angkatan tentera, memang perintah daripada atas sangat penting dan kalau kita tidak ada kriteria yang ketat untuk memastikan pihak anggota tentera mendapat unit kos rumah secara adil, maka ini akan menjejaskan semangat anggota-anggota perumahan iaitu, tentera kita.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, walaupun bukan dari Kementerian Kewangan tetapi saya hendak bertanya bilangan yang akan dibina oleh pihak Jabatan Perdana Menteri iaitu mengenai unit-unit rumah bagi angkatan tentera ini dan pada Rancangan Malaysia Ketujuh, apakah jumlah yang akan dibayar, diperuntukkan untuk tujuan ini dan bagi Rancangan Malaysia Kelapan, saya akan bangkitkan hal perumahan. Saya pun tidak tahulah daripada lebih 700,000 unit, mungkin 700,000 unit yang akan dibina, pada lima tahun akan datang, bilangan yang akan dibina untuk pihak angkatan tentera .

Tuan Pengerusi, setakat ini, saya nampak bilangan anggota tentera yang tidak mampu membayar sewa rumah, ada setengah-setengah tinggal di kawasan-kawasan setinggan. Saya tidak setuju pihak anggota tentera kita berada di kawasan setinggan walhal kita di dalam Lembah Klang termasuk Kuala Lumpur, kita hendak menghapuskan, membersihkan semua kawasan setinggan pada 2005 dan saya berharap pihak kerajaan mengadakan satu dasar yang lebih berkesan untuk menguatkuasakan dasar perumahan bagi angkatan tentera supaya semua anggota tentera tidak lagi tinggal di kawasan-kawasan setinggan. Semua diadakan perumahan. Kalau tidak cukup rumah, kita memberi sewa yang cukup bagi mereka. Seperti mana yang saya sebut tadi, kita mahu semua anggota angkatan tentera Malaysia mempunyai rumah dan hidup dengan lebih selesa untuk menjalankan tugas dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

11.21 pagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperuntukkan sebanyak RM400 juta bagi membina sebanyak 6,600 unit rumah bagi angkatan tentera Malaysia. Saya bersetuju dengan cadangan ini kerana kita tahu pihak tentera sepatutnya duduk di kem-kem tentera. Jika mereka duduk di kawasan perumahan, pengaruh di kawasan perumahan yang pelbagai akhirnya boleh menjejaskan semangat "*esprit de corps*" di kalangan angkatan tentera. Dalam tentera ada digunakan perkataan-perkataan seperti memanggil pegawai "Tuan" dan sebagainya.. Bila bercampur dengan masyarakat luar, dia akan rasa seolah-olah panggil "Tuan" itu, satu yang menghambakan diri dan dari segi psikologi boleh menjejaskan semangat "*esprit de corps*" tersebut.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, mengenai dengan keperluan perumahan, selaras dengan apa yang saya nyatakan tadi. Berapakah unit keseluruhan diperlukan oleh pihak tentera dan setelah kita siap 6,600 unit, bagaimana dengan baki perumahan yang diperlukan? Berapa lamakah akan disiapkan serta peruntukan yang diperlukan.

Kedua, tentan ng pegawai-pegawai tentera sekarang ini. Saya dapati pegawai-pegawai tentera, mempunyai status tetapi kerana pembayaran elaun rumah yang rendah, mereka duduk di rumah-rumah kos rendah dan ini menjejaskan prestij mereka serta status mereka sebagai ketua tentera terutama jika kita lihat dari segi bandar-bandar, kos kehidupan di satu bandar ke satu bandar yang lain berbeza.

Rumah di bandar A mungkin rumah teresnya berharga RM300 tetapi di tempat lain berharga RM1,000. Dengan itu, pegawai tentera yang mempunyai *ranking* yang tinggi duduk di kawasan rumah kos rendah bersama-sama dengan masyarakat biasa. Padahal sebagai pegawai pemerintah di platun masing-masing, dia sepatutnya mempunyai status yang lebih tinggi.

Yang ketiga, mengenai dengan RM400 juta ringgit ini. Adakah ia hanya melibatkan pembinaan rumah-rumah baru, 6,600 sahaja diberikan tumpuan kerana dalam lawatan saya ke beberapa kawasan kem tentera, saya dapati ada kem tentera yang perumahannya dibina cukup lama dahulu semasa pihak British memerintah negara kita dan rumah-rumah ini digunakan oleh tentera-tentera Gurkha dan kita faham semasa tentera Gurkha menjadi tentera di negara kita, rumahnya kecil,

kadang kala tidak ada bilik. Ada angkatan tentera yang akhirnya mengubah suai, dua unit dijadikan satu unit supaya ia sesuai dengan kegunaan tentera sekarang yang berkeluarga.

Berbeza dengan Gurkha dahulu, datang seorang tidak ada isteri. Jadi, sesuai untuk Gurkha dan suasana itu sesuai pada masa dahulu dan tidak sesuai pada masa sekarang. Jadi, bagaimanakah sikap kerajaan mengenai dengan kem-kem lama ini? Ada kem-kem lama yang infrastrukturnya begitu teruk, longkang tersumbat. Malahan yang lebih menyedihkan apabila loji untuk najis tidak berfungsi. Mereka menunggukan IWK untuk datang tetapi saya percaya IWK tidak memberi servis kepada kawasan tentera. Jadi, ini sepatutnya juga diberi prioriti di samping mendirikan sebanyak 6,600 buah unit rumah kerana kita sedar bahawa kita berhadapan dengan manusia. Tentera itu juga manusia.

Jikalau orang lain, luar daripada bidang ketenteraan mendapat kemudahan-kemudahan yang baik, tentera juga mahu kemudahan-kemudahan yang baik. Lebih-lebih lagi tentera mempunyai peranan besar untuk mempertahankan negara dan kita tidak mahu mereka merasakan seolah-olah mereka ditekan, tidak dapat suasana perumahan yang elok dan akhirnya akan menjejaskan prestasi kerja mereka.

Di samping itu saya tertarik dengan perkataan setinggal. Sebenarnya berapa ramaikah tentera kita tinggal di kawasan setinggal? Bilakah kerajaan dapat mengenal pasti, tiba-tiba ada angkatan tentera kita duduk kawasan setinggal. Adakah ini program pertama yang dibuat oleh kerajaan kita untuk mengatasi masalah setinggal ataupun ini yang ke berapa kali? Sekiranya benar ada anggota tentera kita tinggal di kawasan setinggal, ini mesti diberi prioriti. Ini bermakna dalam 6,600 buah rumah ini, yang tinggal di kawasan setinggal diberi prioriti yang lebih lagi daripada yang tinggal di kawasan perumahan.

Jika kita lihat kepada masyarakat kita, kita rasa masyarakat biasa tidak sepatutnya tinggal di kawasan setinggal. Orang yang kita selalu nyatakan sebagai berkorban untuk negara, tidak sepatutnya menghadapi masalah tersebut. Di samping itu, buat penutup, saya ingin bertanya kepada kerajaan tentang perumahan tentera ini. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan supaya memastikan setiap anggota tentera apabila pencen nanti mempunyai rumah. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, kita memastikan anggota tentera kita apabila bersara, wang persaraan dia tidak begitu kecil, bermakna kalau dia, anggota tentera mengambil

servis sebanyak 21 tahun, kalau dia tunggu sampai ke peringkat umur servis 19 tahun, baru beli rumah. Katalah dia dapat wang persaraan bulanan sebanyak RM700, bayar duit bayaran ansuran pinjaman RM500 atau RM600, dia tinggal RM100. Umur 21 masuk kerja atau umur 18, dalam umur 41, sudah tidak ada wang. Dalam keadaan sekarang, kita boleh bercakap, kita mempunyai program-program supaya anggota tentera kita melalui proses peralihan. Kursus dibuat oleh agensi tertentu, boleh masuk bidang perniagaan. Tetapi daripada segi realiti, bidang perniagaan ini bukan mudah untuk dimasuki oleh sesiapa kerana ia memerlukan satu tradisi yang panjang dalam satu keluarga.

Jikalau dalam tradisi tersebut tidak ada orang yang berniaga dan individu tertentu menjadi anggota tentera kemudian kita hendak mengalihkan dia menjadi seorang peniaga, tentulah tidak boleh. Saya banyak kali bertemu dengan pesara-pesara tentera yang bawa kuih. Masa kita pergi ke gerai makan, dia bawa kuih dari meja ke meja, menjual dan kita rasa sedih bahawa inilah orang yang kita kata sebagai telah berkhidmat, berkorban untuk negara. Apabila tiba masa pencen, dia terpaksa pergi dari satu meja ke satu meja, jual kuih, jual bakul dan kita rasa seolah-olah dia mempunyai air muka yang tebal apabila tidak ada seorang pelanggan pun yang mempedulikan barangan yang hendak yang dijual. Keadaan ini amat menyedihkan.

Kita bertemu dengan ramai anggota bekas tentera yang dengan RM150, akhirnya duduk di rumah dalam keadaan yang begitu kecewa dan *frust* dan berharap isteri menjual kuih di tepi-tepi jalan dan daripada pendapatan isteri menyara kehidupan sekeluarga. Umur 41, anak masih di sekolah rendah, sekolah menengah memerlukan perbelanjaan yang banyak. Saya rasa daripada segi negara kita, kalau tidak ada RM700 sebulan, sukar untuk hidup. Bagaimana dengan RM100 lebih? Orang ini adalah orang yang telah berbakti kepada negara.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah pihak kerajaan hendak menyelesaikan masalah tentera yang kemudiannya bersara supaya pastikan anggota tentera ini apabila bersara, dia tidak dibebankan dengan bayaran pinjaman perumahan yang akhirnya pendapatannya begitu kecil dan menyusahkannya hidup di tanah airnya sendiri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bandau.

11.30 pagi.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan sekali gus bagi B.7 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap tadi, mengemukakan beberapa soalan ataupun penjelasan-penjelasan yang pokok berkaitan dengan permohonan peruntukan di bawah kedua-dua kepala ini iaitu di bawah B.7 dan P.7. Sebelum ini terus kepada P.7, Jabatan Perdana Menteri iaitu yang ada kaitan dengan permohonan peruntukan sejumlah RM400 juta bagi menampung pembinaan perumahan rumah tentera sejumlah 6,600 unit.

Soalan saya yang pertama ialah dalam perkara ini, ini bukan satu peruntukan yang kecil. Ini peruntukan yang amat besar sekali, RM400 juta. Kenapa ini tidak dimasukkan dalam anggaran asal sebagai Belanjawan tahun 2001 memandangkan ini bukan jumlah yang kecil. Kalau ini keperluan asas Angkatan Tentera, kenapa diketepikan dan kenapa dimasukkan sebagai tambahan. Ini mencerminkan satu perancangan belanjawan yang amat tidak ada standard, dengan izin, kerana kalau ini keperluan pokok, kenapa, dengan izin, *appendix to the budget* bagi tahun ini.

Yang keduanya, RM400 juta ini bukan kecil. Jadi, apa jaminan pihak kerajaan bahawa ini akan dipakai dalam satu tahun ini, *just for this year*, dengan izin, kerana dimasukkan permohonan tahun ini dan kalau wang tidak digunakan, ia diserahkan balik kepada kerajaan pada hujung tahun dan ini telah memberi peluang kepada jabatan lain yang mempunyai keperluan untuk memohon peruntukan seperti ini.

Jadi, dalam soal ini, Tuan Pengerusi, saya rasa ini masalah pokok yang perlu diberi penjelasan. Dalam masa yang sama, kita mahu tanya bagaimana jadual pelaksanaannya? Berapa unit dalam tiga bulan akan datang dan tiga bulan kemudian dan seterusnya supaya kita boleh melihat wang ini digunakan dengan betul dan berkesan. Pada masa yang sama, tempat-tempat di mana ia akan dibina sebab kita ingin mengetahui supaya taburan projek ini adalah berkesan untuk membantu bukan sahaja para Angkatan Tentera tetapi juga dari segi membantu ekonomi di peringkat daerah ataupun negeri dan saya berharap bahawa sebahagian peruntukan ini kerana belum pun dijelaskan di mana tempat-tempatnya.

Sebahagian besar ini akan juga ditumpukan di negeri Sabah dan negeri Sarawak. Kita sedia maklum pusat Angkatan Tentera di Lok Kawi, di Kota Belud,

kalau di peringkat negeri Sabah di Tawau, tempat tinggal mereka juga dalam keadaan yang begitu memerlukan penyelenggaraan. Jadi, kalau soal penyelenggaraan pun tidak diberi tumpuan, pembinaan baru pula diberi tumpuan, ini tidak berkesan dari segi membantu masalah para Angkatan Tentera.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini juga saya ingin bangkitkan bahawa pada masa-masa lampau, banyak kes di bawah perumahan ataupun bangunan-bangunan yang ada kaitan dengan Angkatan Tentera ini tidak dibina dengan betul. Kita di dalam PAC, saya penggal kedua di situ dan banyak kali kita menyemak teguran-teguran Ketua Audit Negara tentang bangunan-bangunan bagi Angkatan Tentera yang tidak dibuat dengan betul, lewat, tanah lembab dan sebagainya, termasuklah kita sedia maklum dahulu, satu tempat simpan peluru di Melaka, kalau saya tidak lupa, pun tidak dibuat dengan betul.

Jadi, harapan kita pada kali ini supaya para kontraktor-kontraktor yang diberi untuk membina ini hendaklah betul-betul mereka yang berwibawa dan terbukti, *it is too late*, dengan izin, *half way* ataupun pertengahan, baru hendak *blacklist* kan kontraktor. Saya rasa Angkatan Tentera, mohon maaf, banyak kes bangunan yang selalu dirujuk ataupun ditegur oleh pihak Ketua Audit Negara.

Jadi, saya berharap kontraktor-kontraktor dahulu yang tidak membuat kerja dengan baik tidak diberi peluang untuk membina bangunan-bangunan perumahan ini kerana ini bukan sedikit wang, RM400 juta bukan alang-alang. Dalam soal ini, berilah kepada kontraktor-kontraktor yang berwibawa dan masalah dalam negara kita ini ada PKK 'A', ada PKK 'B' tetapi masih ada kategori wibawa. Tidak ada erti kalau ada PKK 'A', PKK 'B' mereka yang terlibat harus mereka yang automatis, dengan izin, adalah kontraktor yang berwibawa. Tetapi malangnya tidak. Jadi, tidak semestinya kontraktor dengan sijil PKK itu kononnya tidak semestinya dia layak untuk diberi.

Jadi, ini saya rasa bagi sektor industri, memalukan, ada PKK yang tidak berwibawa. Harus jangan beri PKK 'A' kalau dia tidak layak untuk disebut sebagai kontraktor yang berwibawa. Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, kita berharap juga dalam pemberian kontrak-kontrak ini, tidak dibolot oleh satu dua kontraktor besar tetapi berilah kepada mereka yang saya katakan tadi telah terbukti boleh membina dengan betul dan tolonglah, berilah kepada kontraktor-kontraktor dalam negeri-negeri khususnya di negeri Sabah dan Sarawak.

Seringkali mereka ini jadi sub sub sub, tiga empat kali sub sahaja. Buat kerja kecil pun sekadar RM1 juta seringkali masih diambil syarikat di peringkat nasional dan ini memalukan dari segi strategi kerajaan untuk melatih usahawan-usahawan bumiputera di tempat-tempat lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin berjalan terus kepada perkara di bawah Kepala B.7 di bawah jabatan yang sama, ada kaitan dengan RM15 juta yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan pelaksanaan projek usahawan bumiputera dalam bidang peruncitan. Teguran kita di sini ialah barangkali ini diperuntukkan untuk KEMAS. Masalah kita di sini ialah usahawan ini ada kementerian, bahkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pun ada juga bantuan-bantuan tertentu untuk membentuk keusahawanan. Bahkan dalam Kementerian Belia dan Sukan juga, ada peruntukan-peruntukan untuk membentuk keusahawanan.

Jadi, terlampau banyak kementerian yang terlibat dalam pembentukan keusahawanan. Namun demikian, hasil-hasil tertentu tidak juga begitu ketara dari segi pencapaian. Jadi, di sini RM15 juta, apakah ini dikatakan di sini, projek usahawan bumiputera dalam bidang peruncitan tetapi dalam perkara ini bukannya ia *overlap*, dengan izin, dengan pemberian-pemberian ataupun bantuan di bawah kementerian-kementerian yang lain. Mengapa ini tidak disatukan dan barangkali eloklah projek keusahawanan bumiputera sekali gus di bawah kementerian tertentu.

Tidak payahlah Jabatan Perdana Menteri terlibat di dalam perkara ini kerana sebenarnya ia terlibat kerana ini bahan politik sahaja. Mohon maaf tetapi inilah sebenar realiti. Daripada membentuk keusahawanan, ini sekadar untuk memberi *gratuiti* ataupun bantuan kepada mereka yang kononnya bekerja keras untuk mempertahankan Barisan Nasional tetapi dari segi sasaran matlamat membentuk keusahawanan tidak tercapai.

Jadi, saya memohon, Tuan Pengerusi, supaya pada masa-masa yang lampau, tumpukanlah pembentukan keusahawanan di bawah kementerian yang tetap dan saya berharap RM15 juta ini dilaksanakan dengan betul, dengan terbuka, bukan sahaja kepada penyokong-penyokong kerajaan sahaja tetapi semua yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan yang rela dibentuk dalam kemahiran (skill) keusahawanan. Pilih mereka dengan terbuka dengan menggunakan alat ini untuk memisahkan rakyat walaupun di kalangan bumiputera ataupun untuk negara keseluruhan.

Saya ingin meminta penjelasan apakah projek-projek keusahawanan dan aktiviti-aktiviti perniagaan di bawah peruncitan di mana rakyat kita boleh mendapatkan bantuan melalui KEMAS ini dengan peruntukan RM15 juta. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

11.40 pagi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan dan ulasan daripada Yang Berhormat bagi Tambun tadi mengenai masalah yang dihadapi oleh tentera yang berpangkat rendah berkaitan dengan perumahannya.

Pengalaman saya baru-baru ini, saya telah dapat bertemu dengan seorang tentera berpangkat rendah yang tinggal di rumah panjang Balakong dan memaklumkan kepada saya begitu susah tinggal di rumah panjang Balakong, hendak memiliki sebuah rumah untuk melindungi keluarganya.

Satu kes lagi saya dapat menerima maklumat daripada seorang tentera yang sedang bertugas di TUDM Kinrara tetapi beliau akan bersara dalam masa dua bulan lagi, bimbang dan rasa kluatir kerana selepas bersara daripada tentera, dia tidak ada tempat untuk melindungi keluarganya. Maka, dia minta pertolongan supaya boleh diberi sebuah rumah kos rendah yang dimajukan oleh Kerajaan Negeri. Memang saya akan mengemukakan permohonan-permohonan kepada pihak pegawai daerah dan juga kepada SUK Kerajaan Negeri untuk menimbangkan permohonannya.

Dengan contoh-contoh yang demikian, kita dapat memahami bahawa begitu susah tentera-tentera yang berpangkat rendah di mana dia tidak mampu untuk membeli rumah yang mahal, maka saya mengalu-alukan langkah dan kesedaran kerajaan untuk menguntukkan RM100 juta untuk mendirikan rumah bagi tentera. Ini satu langkah yang wajar dan kena pada masanya.

Hanya satu perkara penting, seperti mana kata Ahli Yang Berhormat tadi, kalau lokasi membina rumah untuk tentera jauh dari kem bertugas, itu akan mengalami masalah. Yang demikian, cadangan untuk mewujudkan atau membina 6,600 unit ini, adakah di atas tanah kerajaan atau sebagai pengambilan tanah dari pihak swasta yang berdekatan dengan kem tentera tersebut. Ini satu masalah kerana tanah adalah hak Kerajaan Negeri. Maka, saya harap pihak yang berkenaan supaya dapat memberi kerjasama supaya mengeluarkan banyak tanah kerajaan

yang sesuai yang dekat dengan kem tentera supaya boleh memberi kemudahan kepada pihak yang berkenaan untuk mendirikan rumah untuk tentera-tentera yang bertugas dekat kem tersebut.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, Kem Sungai Besi yang dekat dengan Serdang. Saya difahamkan bahawa pembinaan rumah kos rendah sedang dilakukan oleh JPN yang dekat dengan kem itu. Apa salahnya pihak pemaju boleh memberi keutamaan kepada ahli-ahli tentera yang bertugas di Kem Sungai Besi supaya mereka akan memiliki rumah untuk masa hadapan. Walaupun peruntukan RM400 juta untuk mendirikan rumah untuk tentera, mungkin secara sewa dan selepas bersara, mereka akan berundur dari rumah yang diuntukkan oleh Kementerian Pertahanan itu, maka mereka juga akan menghadapi masalah di masa akan datang.

Ini bukan satu solution untuk selama-lamanya untuk mengatasi masalah kekurangan memiliki rumah oleh tentera-tentera yang berpangkat rendah itu. Apa yang penting sekarang, selain daripada langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mendirikan 6,600 unit itu, maka kerjasama daripada semua kerajaan negeri supaya katakan ada tanah kerajaan dimajukan sebagai rumah kos rendah itu akan diberi keutamaan kepada tentera-tentera yang berdekatan itu supaya mereka tidak akan rasa begitu kecewa bagi masa depan mereka untuk melindungi keluarganya.

Ini satu masalah yang sedang dihadapi dan kita mesti menghadapi kenyataannya. Kekurangan peruntukan rumah-rumah murah atau rumah-rumah yang lain kepada anggota tentera ini hendaklah dielakkan. Perkhidmatan dan tugas yang dijalankan untuk menjamin keselamatan negara begitu penting yang dilakukan oleh tentera kita, maka kita hendaklah juga dapat bukan sahaja daripada Kerajaan Pusat melalui pembinaan 6,600 unit ini kerana ini tidak cukup, malah dapat kerjasama melalui koordinasi Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan Perumahan Negara supaya meminta pihak kerajaan negeri semasa pembinaan rumah kos rendah atau rumah-rumah yang sesuai, keutamaan boleh diberi kepada tentera dan polis supaya mereka akan menikmati apa yang telah dilakukan oleh kerajaan.

Kalau mereka merasa ragu atau merasa tercicir, saya bimbang bahawa mereka akan senang sahaja dapat dihasut oleh pihak-pihak yang tertentu seperti mana yang telah dibongkar dan didedahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu ada maklumat bahawa ada sesetengah tentera-tentera yang tertentu telah melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak baik untuk negara kita. Ini satu pengalaman dan contoh yang telah difahami dan disedari oleh kerajaan maka

langkah-langkah yang tertentu hendaklah diambil dengan segera. Jangan biarkan perkara ini sampai ke tahap yang tidak boleh dikawal. Kalau keadaan dia tidak dapat dikawal mungkin mengancam keselamatan negara dengan hasutan-hasutan daripada pihak-pihak yang tertentu supaya menarik perhatian mereka. Tuduhan bahawa kerajaan tidak akan mengambil berat terhadap kebajikan mereka. Maka dengan demikian saya berharap dengan adanya langkah-langkah ini mungkin masalah-masalah yang dihadapi oleh tentera-tentera terutama sekali tentera yang berpangkat rendah itu akan menikmati kemudahan daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

11.47 pagi.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bismillah alhamdulillah wasala tuwasala muala Rasulillah.

Saya merujuk kepada B.7, Jabatan Perdana Menteri dan P.7, Jabatan Perdana Menteri. Saya ucap tahniah kepada kerajaan dan terima kasih kerana telah memperuntukkan sejumlah yang besar untuk perumahan angkatan tentera walaupun ini adalah satu perbelanjaan yang mengejut iaitu tidak ada dalam jadual asal ataupun peruntukan asal. Perbelanjaan tambahan ialah perbelanjaan mengejut iaitu baru teringat untuk tambah peruntukan bagi perumahan tentera. Sebelum saya pergi lebih lanjut kepada perkara-perkara ini, saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang perlantikan Tan Sri Ali Abol Hassan sebagai Penasihat II Ekonomi dan Kewangan kepada Perdana Menteri. Saya masih ingat bahawa Tan Sri Ali telah pun dilaporkan ke Badan Pencegah Rasuah pada suatu masa yang lalu di atas tuduhan kegiatan rasuah termasuk memiliki wang tunai dalam pejabatnya dan saya masih ingat bahawa penjelasan daripada BPR sehingga sekarang belum dikeluarkan sama ada Tan Sri Ali Abol telah pun bebas daripada tuduhan ini ataupun tidak. Dalam keadaan yang sedemikian integrity Tan Sri Ali Abol, saya ingin mempersoalkan perlantikan ini atas sepatutnya kerajaan ataupun BPR terlebih dahulu mestilah membebaskan Tan Sri Ali Abol tidak bersalah dalam kes yang telah disiasat tetapi kenyataan belum dikeluarkan, perlantikan telah pun dibuat. Pada masa yang sama apakah fungsi Tan Sri Ali Abol dilantik kerana kita telah pun mempunyai ramai penasihat kewangan dan ekonomi. Di Kementerian Kewangan sendiri kita ada Dato' Mustapha sebagai Penasihat Kewangan Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya akan pergi kepada P.7, Tuan Pengerusi. Dalam P.7 ialah berkaitan dengan Perumahan Angkatan Tentera. Ini melibatkan kos kepada negara. Lebih ramai penasihat lebih banyak kos akan terlibat kepada negara. Pada masa yang sama nasihat mereka tidaklah berapa menjadi. Kewangan kita masih lagi merudum, penasihat ramai. Jadi keberkesanan penasihat-penasihat ini juga adalah satu perkara yang perlu diteliti.

P.7 - Perumahan Angkatan Tentera. Saya yakin bahawa perumahan angkatan tentera ialah dibina mengikut andaian untuk keselesaan angkatan tentera termasuk bilik yang selesa dan luas. Saya ingin mencadangkan supaya perumahan mereka tidaklah secara ala-kadar. Biarlah satu perumahan yang benar-benar selesa bagi sebuah keluarga yang sederhana besar. Lebih besar bilik termasuk ruang tamu dan juga ada taman permainan, surau yang lengkap, padang-padang permainan yang mencukupi bagi membolehkan tentera kita tidak tertinggal dalam perkara yang paling asas iaitu perumahan.

Pada masa yang sama saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada apa yang telah berlaku di PULAREK bagaimana satu pembinaan kompleks tentera laut kita telah mengalami masalah apabila kontraktor ini telah membina bangunan yang kemudiannya didapati retak, termasuk bangunan utama di PULAREK pada satu masa yang lalu. Saya berharap bahawa pemilihan kontraktor ini dibuat secara yang teliti walaupun peruntukan ini adalah peruntukan tambahan yang mesti dihabiskan dalam masa yang singkat tetapi pemilihan kontraktor adalah satu perkara yang sangat penting.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu surat yang telah ditulis oleh Dato' Ismail iaitu Ketua Pengarah IKIM kepada Ketua Pengarah JKR bahawa beliau telah mendapat kebenaran Perdana Menteri untuk terlibat dalam perniagaan walaupun beliau masih lagi memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah IKIM tetapi beliau telah mendapat kelulusan Perdana Menteri, ada special case. Beliau telah dibenarkan untuk terlibat dalam perniagaan bahkan beliau telah pun menjadi pengarah kepada sebuah syarikat yang tidak akan saya sebutkan di sini pada hari ini. Dan beliau telah dalam surat tersebut kepada Pengarah JKR untuk mendapatkan projek-projek bagi syarikat yang dia telah menjadi pengarah. Bagi saya ini adalah satu keadaan di mana mempunyai perlawanan kepentingan kerana Ketua Pengarah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Adakah itu berkaitan

Tuan Husam bin Haji Musa: Berkait, berkait dengan kontrak perumahan angkatan tentera yang saya akan masuk di hujung daripada ayat yang saya hendak tengah susun sekarang, Tuan Pengerusi. Tidak lari, tidak lari jauh. Kalau lari sikit mungkin. Tetapi tidak jauh lari dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang takut Yang Berhormat lari.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak akan lari. Saya akan cuba memastikan tidak lari. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: You memang suka lari.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya akan cuba jangan lari. *[Ketawa]* Lari setempat. Dengan surat ini bererti perlawanan kepentingan wujud, lebih-lebih lagi Ketua Pengarah IKIM adalah juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa yang sekarang sedang ada tendency untuk terlibat dalam isu-isu politik. Dan ini mungkin menimbulkan bias kepada keputusan Majlis Fatwa itu sendiri dan lebih-lebih lagi sebahagian daripada anggota Majlis Fatwa termasuk Pengarah IKIM sendiri bukan mempunyai kepakaran agama yang sebenar kerana beliau hanyalah berkelulusan dalam bidang bahasa Arab. Sekarang dalam zaman orang bercakap tentang kepakaran yang khusus, saya rasa ini mesti dikaji semula dan saya ingin pastikan adakah kontrak perumahan tentera ini akan diberikan kepada beliau jika sekiranya syarikat beliau terajui diberikan kontrak ini, ini menimbulkan conflict of interest yang lebih serius. Jadi saya mohon penjelasan terhadap perkara-perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

11.54 pg.

Tuan Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian bagi maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri, butiran 08400 iaitu Perumahan Angkatan Tentera. Saya amat bersetujulah dengan hasrat dan usaha kerajaan untuk memastikan bahawa anggota tentera ini terjamin akan kebajikan dan sosial mereka. Kerana kalau kita imbas kembali sejarah 10 hingga 15 tahun yang lalu di mana rasa saya kerajaan harus tidak malu menerima hakikat bahawa tuntutan dunia pada hari ini memerlukan kerajaan merubah

termasuk untung nasib anggota tentera kita kerana anggota tentera ini menggadai nyawa untuk negara tetapi mereka bekerja di sempadan dan sebagainya balik rumah, rumah mereka masih bocor, dapur mereka bocor. Jadi kadang-kadang kerajaan seolah-olah bersikap tidak adil kepada anggota tentera kita. Dan kalau boleh bukan sahaja anggota tentera tetapi juga anggota-anggota keselamatan yang lain seperti polis dan sebagainya. Kerajaan hendaklah menengok juga kebajikan mereka dan kehidupan anak-anak mereka. Mereka majoritinya yang berpendapatan rendah dan berpangkat rendah ini seolah-olah teraniaya oleh kerajaan. *[Tepuk]* *[Sorak]*.

Jadi kepada saya dengan peruntukan RM400 juta ini dengan terbinanya rumah 6,600 unit ini kita tidak tahu negeri-negeri mana yang dapat tetapi saya berkeyakinan kerajaan bijak mengagih-agihkan perumahan ini termasuk Sabah dan Sarawak dan tidak juga dilupa kepada kompeni-kompeni di luar bandar. Jadi pada saya, satu langkah yang bijak diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan *smart partnership* di kalangan kerajaan dan anggota tentera kerana kalau kita kaji dalam pilihan raya banyak anggota keselamatan tidak mengundi kerajaan tetapi mengundi pembangkang. *[Sorak]*. Ya, memang betul tetapi dengan adanya usaha dan langkah-langkah kerajaan ini, rumah ini siap kelak saya berpandangan anggota-anggota tentera ini pun rasional orangnya. Mereka menerima hakikat kalau kerajaan ...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya kurang setuju. *[Ketawa]* Sebenarnya angkatan tentera, polis masih setia dan kekal bersama-sama dengan kerajaan. Kalau ada, segelintir kecil. Sebenarnya bukan kerana layanan pihak kerajaan tetapi kerana dikelirukan oleh parti pembangkang. Pengeliruan ini saya rasa yang patut dikemukakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucapkah?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak minta penjelasan. Jadi apakah benar bahawa sebenarnya yang merasuk fikiran segelintir kecil polis dan tentera ini adalah kerana hasutan daripada parti pembangkang. Terima kasih.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Ini ada dua isu yang berbeza. Saya sebetulnya bercakap tadi bukan semua tetapi ada di kalangan anggota-anggota keselamatan ini menyokong parti pembangkang. Satu faktornya mungkin dikelirukan bagi mereka yang terkeliru kerana kerja pembangkang ini memang mengelirukan sahaja. Yang kedua, mungkin kerana mereka tidak puas hati dengan keadaan persekitaran yang ada pada mereka. Jadi ini kita harus menerima hakikat. Saya sendiri pernah meninjau tempat tinggal anggota tentera dan polis. Kehidupan mereka lebih daif daripada setinggan. Jadi kerajaan pada saya memang sudah... saya bersetuju dengan kerajaan pada hari ini kerana ekoran daripada desakan-desakan daripada kita sendiri, bukan daripada pembangkang. Pembangkang ini tahu dia meng*highlight* atau mempertontonkan cerita yang bukan-bukan. Tetapi kita ahli-ahli Parlimen kerajaan melihat sendiri fakta dan kenyataan dan kita buat tuntutan kepada kerajaan. Kalau kita ingin melihat kerajaan ini berterusan memimpin negara ini, kita harus merubah untuk kepentingan anak bangsa kita.

Jadi pada saya kerajaan sudah mulai menerima akan rentetan-rentetan yang dihadapi oleh anggota-anggota tentera. Kerana pada saya satu perkara yang harus dikaji Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Pertahanan jangan terjadi perumahan ini macam di Perak baru-baru ini di mana sudah diwujudkan perumahan, tiba-tiba tanahnya runtuh pula. Buatlah kajian secara terperinci untuk memastikan bahawa keselamatan anggota tentera ini terjamin kerana kalau anggota keselamatan di mana keselamatan mereka tidak terjamin, bagaimana pula rakyat boleh terjamin keselamatan mereka sedangkan anggota tentera diancam oleh bahaya. Jadi kerajaan harus lebih mementingkan keselamatan di kalangan anggota keselamatan kita dan memastikan bahawa seperti rakan-rakan yang lain penganugerahan kontraktor-kontraktor ini biarlah diagih-agihkan kepada kontraktor-kontraktor yang layak sahaja bukan atas dasar kenal kontraktor ini. Saya juga tidak setuju. [*Tepuk*]. Amalan-amalan seumpama ini harus kita kurangkan kerana ianya akan memastikan rakyat ada sokongan yang padu kepada kerajaan. [*Disampuk*]. Jangan kita biarkan ada ruang untuk pembangkang menyelar kita. Kita selar diri kita sendiri. Kita belajar daripada kesilapan dan kesalahan kita yang ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Merdeka. [*Ketawa*]

Tuan Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, saya juga keliru sedikit kenapa kewangan ini diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, bukan Kementerian

Pertahanan. *[Tepuk] [Disampuk]*. Jadi kita minta pihak kementerian yang bertanggungjawab ini memberi kita penjelasanlah. Sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

11.59 pagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya juga turut terlibat dalam perbahasan peringkat kementerian ini P.7 Jabatan Perdana Menteri. Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan kerana telah dengan ikhlas menyuarakan perasaan rakyat dan itu tanda-tanda awal yang, insya-Allah, beliau akan berhijrah ke pihak kita dalam
[Tepuk] [Sorak].

Tuan Pengerusi, pertamanya saya ...

Tuan Bung Moktar bin Radin: Mana boleh! *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Pengerusi, pertamanya saya rasa beberapa Ahli Yang Berhormat telah tersilap faham tentang peruntukan RM400 juta ini. Saya agak kecewa dan terperanjat yang sahabat saya Yang Berhormat bagi Tambun pakar ekonomi yang satu-satunya sahaja dalam Dewan ini pun nampaknya tersilap dan diikuti dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Serdang.

Kalau kita baca apa yang ditulis dalam nota penjelasan ini disebutkan bahawa perumahan angkatan tentera tambahan sebanyak RM400 juta adalah dikehendaki untuk pembinaan sebahagian daripada keseluruhan bilangan perumahan yang diperlukan berjumlah 6,600 unit. Maknanya bukan semua 6,600 unit yang hendak dibina dengan peruntukan RM400 juta ini. Jadi saya terperanjat dengan sahabat saya yang handal dalam bidang ekonomi Yang Berhormat bagi Tambun pun tersilap mentafsirkan apa yang disebut dalam nota penjelasan ini. Walau bagaimanapun RM400 juta ini suatu jumlah yang amat besar dan oleh sebab itu walau pada prinsipnya kita menyokong peruntukan untuk perumahan angkatan tentera tetapi dengan penjelasan yang sebegini ringkas dengan sekadar menyebut RM400 juta untuk sebahagian daripada keseluruhan bilangan perumahan yang diperlukan ini saya fikir amat-amat tidak mencukupi untuk meyakinkan kita bahawa kerajaan mempunyai cara mengendalikan pengurusan wangnya secara telus.

Sebaliknya kita kecewa dan saya rasa nota yang disediakan ini tidak boleh diterima untuk dijadikan asas meluluskan RM400 juta ini. Sebab Tuan Pengerusi, RM400 juta ini adalah satu jumlah yang amat besar ianya lebih kurang pada kadar tahun 2000 separuh daripada wang royalti yang Terengganu patut terima daripada

Petronas. Begitu besar jumlahnya dan royalti Terengganu ini melibatkan lebih daripada satu juta rakyat, maknanya kesan satu juta rakyat, kesan RM800 juta, kesan RM400 juta yang hendak diperuntukkan ini melibatkan suatu jumlah yang amat besar. Oleh sebab itu terutama saya pohon penjelasan berapa jumlah perumahan yang hendak dibina, di mana yang hendak dibina dan kemudiannya kenapa tidak ada penjelasan-penjelasan yang mencukupi berkaitan dengan RM400 juta ini.

Kalau kita andaikan katakanlah untuk keseluruhan 6,600 unit bahagikan dengan RM400 juta, kiraan saya secara kasar kalau 6,600 unit maka nilai perbelanjaannya lebih kurang RM60 ribu untuk satu unit. Itu pada kadar 6,600 unit, kalau hanya 3,000 unit yang misalnya hendak dibina maka RM400 juta itu adalah berharga RM120 ribu – RM130 ribu satu unit. Ini pula kalau kita ambil kira yang perlu dibina hanya bangunan, sebab Kementerian Pertahanan mempunyai tanah yang cukup pada kiraan saya. Di Kuala Lumpur sahaja di Jalan Ampang sahaja saya nampak banyak, puluhan ekar jumlah tanah yang dipunyai oleh Kementerian Pertahanan. Jadi soalan saya ialah untuk berlaku adil dan untuk menunjukkan kerajaan bersikap dan bergerak secara telus kita perlu kepada fakta-fakta yang lebih banyak untuk kita mengangap bahawa peruntukan yang digunakan ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya.

Kedua, berkaitan dengan cadangan membina beberapa unit dengan perbelanjaan RM400 juta ini. Dalam keadaan ekonomi yang sedang gawat beberapa tahun ini beberapa syarikat atau banyak syarikat telah dibawa dan diambil alih oleh Danaharta kerana masalah syarikat masing-masing. Saya rasa ada beberapa syarikat adalah syarikat perumahan. Maka saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Jabatan Perdana Menteri supaya melihat dan berunding dengan Danaharta mungkin Danaharta yang mempunyai antara aset-asetnya, syarikat-syarikat perumahan ini kalau ada aset-aset ini yang hendak dilelong oleh Danaharta dan oleh itu boleh dibeli oleh Jabatan Perdana Menteri dengan nilai yang rendah supaya ianya di satu pihak memberikan perumahan yang cepat kepada angkatan tentera dan pihak yang kedua membantu syarikat-syarikat yang dalam masalah yang dipegang oleh Danaharta ini.

Yang akhirnya Tuan Pengerusi, ialah kita mendengar setahun yang lalu lebih kurang masalah kem tentera sebagaimana yang dinyatakan oleh sahabat saya

Yang Berhormat bagi Kinabatangan, di Perlis, Kem Orang yang mana terdapat tanahnya jertus, turun, mendap dan sebagainya.

Kita tidak mendapat maklumat seterusnya daripada pihak kementerian tentang apa nasib kem itu adakah itu sekali akan dituduh perbuatan jahat pihak pembangkang atau diakui ini adalah kejadian yang biasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Temerloh.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bersama untuk membahaskan sedikit tentang B.7 dan juga P7. P7 mengenai perumahan angkatan tentera. Saya kira apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tentang Yang Berhormat bagi Tambun itu tidak benar, saya kira apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi ertinya daripada jumlah yang hendak dibina itu berapa yang akan dibina mengikut kelas-kelas ertinya pangkat tentera ini. Saya kira ini tidak silap dari segi angka itu. Lagi pun Tuan Pengerusi, soal angka ini tidak penting, saya melihat kesungguhan pihak kerajaan, saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha untuk membina rumah untuk angkatan tentera ini. Kita ada dengar ahli-ahli politik demokrasi mengatakan *democracy is meaning less*, kalau sekiranya rakyat tidak mempunyai rumah tempat untuk berlindung. Dalam hal ini saya kira pengorbanan tentera begitu besar sekali dan amat wajar sekali perumahan-perumahan ini disediakan.

Di kawasan Parlimen saya pun ada kem tentera, saya sering melawat kem ini dan saya lihat memang ada di kalangan tentera ini terpaksa meninggalkan keluarga mereka di kampung dan dia bekerja di kem tentera kerana tidak ada perumahan yang mencukupi dan ada juga di kalangan mereka yang terpaksa menyewa di rumah-rumah setinggan, di rumah-rumah yang tidak selesa. Di waktu yang sama mereka ini terpaksa bekerja, kadang-kadang terpaksa keluar daripada kawasan di mana kem itu ditempatkan untuk membantu tentera-tentera lain dalam operasi-operasi yang tertentu. Saya menyokong usaha ini Tuan Pengerusi, tetapi saya juga hendak tahu daripada pihak kerajaan selain daripada pembinaan rumah baru penyelenggaraan rumah-rumah yang ada sekarang. Kalau saya boleh ambil contoh di kawasan saya di Temerloh itu ada kem tentera di mana keadaan rumahnya sudah agak usang, saya kira perlu diberikan perhatian, *maintenancenya* dari segi longkangnya, infrastruktur jalannya dan kemudahan-kemudahan di

sekeliling kawasan perumahan itu, mesti ada madrasah pada saya, mesti ada tempat kelas-kelas tadika untuk anak-anak mereka belajar dan rumah itu keadaannya mestilah selesa.

Kita tidak mahu melihat keadaan di mana angkatan tentera ini keadaannya tertekan dan tidak boleh memberikan khidmat yang sebaiknya kepada negara. Jadi lagi sekali Tuan Pengerusi saya menyokong usaha ini.

Saya hendak berpindah kepada B.7 ini peruntukan sebanyak RM15 juta bagi projek usahawan bumiputera dalam bidang peruncitan. Saya berbeza sedikit dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bandau tadi. Saya kira peruntukan ini perlu dikekalkan ataupun projek ini perlu dikekalkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kerana ini sebenar kalau kepada pemahaman saya RM15 juta ini adalah projek untuk menggalakkan penglibatan usahawan bumiputera dalam sistem francais ini. Ini memang pun merupakan satu projek yang amat diminati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Saya hendak memberi satu contoh Tuan Pengerusi, saya berjumpa dengan satu pasangan, satu couple muda dan pasangan ini mengendalikan sebuah restoran di Kuala Lumpur. Saya berjumpa dengan dia dan dia menceritakan kepada saya suatu hari, Perdana Menteri datang hanya dia round di depan restoran dia dan seminggu selepas itu Perdana Menteri datang lagi sama-sama berbaris untuk makan di restoran ini dan dua minggu selepas itu couple ini telah dimaklumkan untuk berjumpa dengan salah seorang pegawai di Jabatan Perdana Menteri dan dia diberitahu yang restorannya akan dipertimbangkan untuk menyertai program ini. Couple ini tidak ada kena mengena dengan Perdana Menteri, couple ini bukan ahli UMNO tetapi tidak jugalah ahli PAS. Hari ini couple ini amat yakin dengan hasrat ikhlas Perdana Menteri untuk membangunkan syarikat francais bumiputera dan hari ini juga couple ini dan seluruh anggota keluarganya telah pun menyertai UMNO.
[Tepuk]

Saya minta sungguh syarikat-syarikat yang dipilih untuk menyertai program ini menghargai niat ikhlas Perdana Menteri melalui keazaman untuk menjadi franchisor yang berjaya. Perdana Menteri tentunya akan amat gembiranya sekiranya franchisor-franchisor bumiputera ini berjaya dan saya meminta pemberita melaporkan perkara ini di dalam surat khabar. Kerana ini niat ikhlas, kesungguhan, bayangkan seorang Perdana Menteri boleh pergi berbaris di depan sebuah restoran kerana hendak memastikan pemilihan yang betul-betul restoran yang mempunyai

kemampuan untuk berdaya maju. Dia tengok sendiri dan dia rasa sendiri makanan itu dan saya difahamkan setakat ini telah ada hampir sepuluh yang akan dipilih untuk menyertai program ini.

Hanya saya hendak sarankan kepada pihak kerajaan hendak wujudkan..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: .. sekejap Yang Berhormat saya habiskan. Hendak wujudkan sistem francais ini bukan satu perkara yang mudah. Kita sudah tengok, saya kecewa Tuan Pengerusi, misalnya contoh Hotel Seri Malaysia. Ini hasrat kerajaan hendak mewujudkan Hotel Seri Malaysia ini sebagai satu hotel bertaraf tiga-empat bintang yang akhirnya boleh berkembang bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Tetapi sayangnya hari ini Hotel Seri Malaysia tidak diuruskan berdasarkan kepada sistem francais yang betul. Sila

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang mana satu ini?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya beri Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya kagum dengan sifat seorang negarawan dunia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini bukan negarawan negara ini sahaja tetapi diiktiraf sebagai negarawan dunia yang disegani oleh pihak sahabat dan juga lawan. Sifat yang begitu merendah diri tidak menonjolkan sebagai seorang yang tidak berkuasa besar dalam negara ini, sifat atau pekerti yang mulia ini harus dipuji. Kalau PAS memperjuangkan Islam..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ini masa Yang Berhormat bagi Temerloh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ..boleh tidak secara jujur mengikut pandangan Islam sifat ini sama-sama disebar, kerana sifat baik ini harus dicontohi oleh seluruh rakyat dan PAS sebagai yang kononnya mahu memperjuangkan Islam harus agaknya sifat baik pemimpin ini sama-sama disebar kepada seluruh rakyat.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa Yang Berhormat ada seminit lagi Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat saya sebab itu hari ini saya tidak kiralah apa orang hendak kata tetapi soalnya ini contoh yang saya tahu, contoh yang benar, contoh yang betul dan couple ini berjumpa dan hari ini couple ini sedang menjalani latihan kerana restorannya akan dibuka sebagai satu sistem francais di seluruh negara. Saya hendak sebut Hotel Seri Malaysia tadi Tuan Pengerusi. Sistem francais ini tidak berjaya, hotelnya diuruskan tidak sama, Hotel Seri Malaysia di Alor Setar, di Kuantan dengan di Taiping lain. Kari laksa di Hotel Seri Malaysia Alor Setar dan kari laksa di Kuantan lain. Kari laksa di Kuantan banyak ikan, kari laksa di Alor Setar kurang ikan, tidak sama. Tissue paper pun tidak sama, hendak menjadikan sistem francais macam mana. Sistem francais ini Tuan Pengerusi, pertama sekali *packingnya* mesti sama, very important – packing, promotion, pricing, quality.

Saya hendak quote satu contoh Tuan Pengerusi, ini rempah kari daripada India, macam mana digabungkan dipasarkan ke seluruh pasaran di dunia, di Eropah hari ini dan tiap-tiap white man house hari ini di England mesti ada Indian Curry. Pasarannya besar sekali, kalau India boleh buat takkan Malaysia tidak boleh buat. Tetapi kalau kita masih di tahap lama, masih kita takut lagi hendak membuat tissue paper, saya difahamkan Tuan Pengerusi, pernah Menteri Kesenian dan Pelancongan dahulu Tan Seri Sabaruddin Chik bekas Ketua Bahagian Temerloh yang sekarang saya mengambil alih [*Ketawa*], dia pernah mencadangkan supaya tissue paper ini sama seluruh Hotel Seri Malaysia tetapi tidak dipersetujui.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ada masa lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Sudah cukup, jadi..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Sudah habis masa, jadi Tuan Pengerusi, saya hendak sebut ini supaya saya minta, saya hargai sungguh cita-cita niat ikhlas Perdana Menteri hendak mewujudkan franchisor usahawan bumiputera.

Saya minta kerjasama daripada semua pihak kementerian dan yang berjaya dipilih ini mesti membuktikan keazaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan amat gembira sekiranya

ada satu dua, tidak payah semualah, satu dua daripada *franchisor* ini berjaya sampai ke peringkat dunia. Terima kasih Tun.

Tuan Pengerusi: Bukit Bintang. Selepas itu kementerian akan menjawab.

12.16 tgh.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud P.7 Jabatan Perdana Menteri Butiran projek 08400 Perumahan Angkatan Tentera Malaysia yang menerima peruntukan tambahan RM400 juta bagi membina sebahagian daripada 6,600 unit rumah pelbagai kelas.

Tuan Pengerusi, sememangnya wajar peruntukan tersebut disediakan bagi menyelesaikan masalah perumahan anggota tentera yang sekarang tinggal menyewa rumah yang jauh dari tempat mereka bekerja malah terdapat anggota yang terpaksa tinggal di kawasan setinggan. Elaun perumahan yang mereka terima tidak cukup untuk menyewa rumah teres, rumah pangsa dua atau tiga bilik kerana sewa sangat mahal terutama di Kuala Lumpur. Oleh kerana hendak memenuhi tuntutan menyewa rumah yang sedikit selesa maka kadang kala kehidupan keluarga anggota tentera terjejas seperti kakitangan awam dan swasta yang berpendapatan rendah yang lain.

Tuan Pengerusi, namun ada anggota tentera yang lebih suka keluarga mereka tinggal di luar kem kerana hendak menyesuaikan diri dengan masyarakat awam supaya apabila bersara nanti, mereka tidak kekok bermasyarakat. Kesusahan hanya berlaku apabila anggota kadang kala terlewat ke tempat kerja kerana jauh dan jalan sesak dan masalah anak-anak yang bersekolah yang terpaksa diangkut jauh dari sekolah tempat belajar.

Tuan Pengerusi, saya percaya bilangan unit rumah yang hendak dibina untuk keluarga tentera sekarang ini tidak mencukupi tetapi jangan lupa anggota wataniah yang menghadapi masalah rumah kediaman. Keluarga-keluarga tentera wataniah hendaklah juga ditempatkan di rumah-rumah tentera seolah-olah kebajikan mereka tidak terjaga sedangkan bila negara memerlukan tenaga mereka, mereka sedia berkorban oleh itu kebajikan perumahan mereka hendaklah serupa dengan apa yang diterima oleh pasukan lain.

Tuan Pengerusi, seperti rumah kelamin anggota polis, rumah kelamin anggota tentera juga memerlukan persekitaran yang baik. Persekitaran tempat kerja, berdekatan dengan tempat sekolah anak-anak, kaum wanita anggota tentera diberikan pendedahan kegiatan kema syarakatan. Terdapat pemilik rumah sewa

yang mengambil kesempatan menaikkan kadar sewa bulanan bila rumah hendak disewakan oleh anggota tentera tanpa memikirkan sama ada mereka mampu atau tidak dan kerana tidak ada pilihan, mereka terpaksa menyewa juga .

Tuan Pengerusi, kehidupan di kem kadang kala membosankan seolah-olah terkurung yang tidak mudah dilawati, sanak saudara yang terpaksa mengambil pas untuk melawat, terpaksa menghadapi soal jawab pengawal, tambahan lagi setelah berlaku kes rompakan senjata oleh anggota Al-Ma'unah di Gerik. Kem-kem tentera tidak mudah dimasuki, kadang kala menyusahkan keluarga yang hendak datang berziarah. Sebenarnya bukan sahaja masalah perumahan tentera yang perlu diutamakan tetapi tahap sosial dan pendidikan anak-anak anggota tentera perlu diambil perhatian berat kerana bapanya sibuk bertugas, kadang kala soal pendidikan anak-anak anggota tentera terabai. Usaha hendaklah dibuat supaya anak-anak anggota ini diberikan kelas tuisyen dalam kem dan golongan remaja mereka diberikan pendedahan kegiatan yang berfaedah. Kita mahu bukan sahaja bapa berdisiplin tetapi jika anak-anak mereka tidak berdisiplin, apakah ertinya.

Tuan Pengerusi, tinggal di dalam rumah kuarters tentera akan dapat menjimatkan banyak wang. Selama tinggal di rumah sewa, mereka terpaksa berkenderaan sendiri untuk pergi ke tempat kerja, terpaksa membayar sewa yang tinggi, kos serta sara hidup yang tinggi tetapi bila berada dalam kem, banyak wang dapat diijamatkan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Kementerian menjawab.

12.21 tgh.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 9 orang, iaitu Yang Berhormat bagi Kepong, Tambun, Bandau, Serdang, Kubang Kerian, Kinabatangan, Tumpat, Temerloh dan juga Bukit Bintang yang telah mengambil bahagian memberi pandangan mengenai Belanjawan Tambahan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin mohon izin daripada Tun untuk menjawab bagi dua aspek. Yang pertama mengenai perumahan yang begitu ramai disentuh dan juga yang kedua hanya dua orang sahaja yang ada menyentuh mengenai peruntukan tambahan RM15 juta untuk *Prosper*.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin membetulkan pelbagai-bagai tanggapan yang silap terutama daripada Yang Berhormat bagi Tumpat, Serdang silap, Tambun silap. Sebenarnya saya dengar ucapan-ucapan boleh dikata semuanya silap termasuklah Yang Berhormat bagi Tumpat sendiri. Sebenarnya Tuan Pengerusi, peruntukan RM400 juta yang kita buat tambahan ini, ini ialah duit yang kita ambil terlebih dahulu daripada peruntukan yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM1.5 bilion di mana oleh kerana Rancangan Malaysia Kelapan kita belum bentang lagi dan pihak kerajaan memandangkan program perumahan ini perlu disegerakan dan juga untuk menjana ekonomi di negara kita kesan daripada kelembapan ekonomi di Amerika maka kerajaan telah pun memikirkan masalah ini sebab itu kita minta RM400 juta ini kita ambil dahulu daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan yang akan kita bincang di minggu hadapan.

Jadi untuk itu kerja-kerja ini Tuan Pengerusi, kita telah pun memulakan kerja-kerja ukur iaitu telah pun bermula pada 3 Januari 2001 dan telah pun siap kerja tersebut pada bulan Februari. Begitu juga dengan pelantikan arkitek telah pun kita buat pada 14 Mac 2001. Kerja-kerja permulaan adalah dijangkakan pada Julai atau Oktober tahun ini dan insya-Allah kerja-kerja ini akan siap pada 2003.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, peruntukan RM400 juta ini ialah hanya kita gunakan untuk peruntukan di tujuh kawasan sahaja, tujuh lokasi. Oleh itu tadi ramai yang bangkitkan, ingin tahu di mana rumah ini akan dibuat, bagaimana bentuknya, maka saya ingin nyatakan bahawa di sini ada tujuh lokasi. Yang pertama di Kem Kementah, yang kedua di Kem Pasifik, yang ketiga di Kem Wardiban, yang keempat di Jalan U-Thant, yang kelima di Kem Sungai Besi, yang keenam di TUDM Subang dan yang ketujuh di Jalan Cochrane kerana di samping itu juga kita ingin mengatasi masalah-masalah rumah yang sedang dihadapi di Lembah Klang ini sebab itu penumpuan pertama ini kita tumpukan kepada tujuh kawasan ini dan di negeri-negeri yang lain, di kem-kem yang lain itu akan dibincangkan nanti di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Pembinaan ini juga terdiri daripada pelbagai-bagai jenis rumah. Ada jenis A, jenis B, B1, B2, C+, CM,CF,D,E,F dan G, banyak jenisnya dan keseluruhannya kita lihat di sini unit yang paling banyak dibuat ialah unit G iaitu 14 tingkat yang mungkin akan diberi kepada tentera-tentera yang di peringkat bawah 14 tingkat, di mana sebanyak 3,686 akan disediakan. Untuk kuarters 9 tingkat, sebanyak 1,044 akan

dibuat dan juga kelas A hanya tiga, kelas B-6, kelas B1-7, Kelas B2 -110, Kelas C+ -110, Kelas CM 740 dan jumlah kesemuanya ialah 6,963 unit rumah. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai reka bentuk dan juga kesesuaian rumah-rumah yang dibina.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucap terima kasih di atas jawapan. Sebenarnya tadi saya pun hendak bercakap juga tetapi tidak ada kesempatan. Saya ucap tahniah atas usaha kerajaan untuk membela nasib angkatan tentera.

Yang pertama tadi tidak disebut bahawa sekarang ini kita ada masalah daripada segi penempatan pasukan kita di perairan Pantai Timur Sabah iaitu di kawasan Sandakan, Lahad Datu dan Semporna. Saya difahamkan bahawa tentera yang berada di pulau ini ditempatkan secara sementara. Apakah ini tidak dimasukkan dalam rancangan kerajaan supaya perumahan tetap di pulau-pulau strategik di sempadan khususnya berdekatan dengan sempadan Filipina-Malaysia supaya ada perumahan tetap, supaya keluarga angkatan tentera ini boleh ditempatkan di situ.

Yang kedua ialah mengenai dengan sama ada kerja-kerja ini sudah dimulakan tender telah dibuat atau pun siapa yang melaksanakan kalau boleh kita hendak peluang juga sedikit Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya Yang Berhormat, saya sudah nyatakan tadi bahawa kerja-kerja ini, saya sudah sebut tadi, kerja ukur sudah siap, permohonan arkitek pun kita sedang buat dan kita jangka akan bermula kerja ini pada Julai ataupun Oktober tahun ini juga.

Mengenai cadangan Yang Berhormat, saya sudah nyatakan juga perkara yang sedang kita bincang kini ialah perkara mengenai perumahan yang kita buat 6,000 unit lebih ini hanya perumahan di Lembah Klang sahaja. Untuk Rancangan Malaysia Kelapan mungkin cadangan Yang Berhormat, kita mungkin boleh bincang dalam Rancangan Malaysia Kelapan nanti.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, dua orang, hendak beri yang mana?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga amat prihatin dengan masalah perumahan angkatan tentera yang dihadapi pada masa ini termasuk mereka juga yang suami yang sudah meninggal, pada ibu-ibu tunggal kerana terpaksa berpindah, sementara mereka hendak dapat rumah baru dengan keluarga yang begitu ramai. Masalahnya saya juga ingin bertanya, apakah rancangan penempatan semula kem-kem askar di kawasan-kawasan bandar ke tempat-tempat yang lebih sesuai supaya dapat didirikan rancangan kediaman dan perumahan yang lebih besar, yang lebih selesa dan juga perancangan-perancangan masa depan yang lengkap dengan sekolah, padang bola dan sebagainya di masa-masa yang akan datang kerana kebanyakan kem yang ada pada hari ini ialah di kawasan-kawasan bandar dan ini juga mungkin terdedah kepada keselamatan daripada unsur-unsur yang boleh mengancam keselamatan pasukan tentera sebagaimana yang berlaku ke atas balai-balai polis di Kedah baru-baru ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah nyatakan tadi bahawa peruntukan ini ialah kita bincangkan khas sebab tuntutan ini untuk perumahan-perumahan tentera di dalam Lembah Klang sahaja di mana tujuh lokasi saya sudah nyatakan tadi dan cadangan-cadangan Yang Berhormat mungkin boleh dibahaskan apabila sampai Rancangan Malaysia Kelapan nanti. Walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat mengenai....

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun. Kinabatangan bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Pasal perumahan? Saya ingat saya bagi habis perumahan, kalau tidak ada, boleh bangun tanya sebab banyak yang ditanya ini sebenarnya saya sudah jawab. Jadi bagi saya habis dahulu pasal perumahan, nanti saya bagi peluang.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Sedikit sahaja. Ini perumahan luar bandar. Kita jelas bahawa yang dibincangkan RM400 juta ini untuk perumahan anggota tentera di Lembah Klang dan Yang Berhormat menyatakan lain-lain cadangan akan dibincangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Saya hendak tanya, apakah kerajaan tidak ada perancangan untuk negeri-negeri yang lain dan cuma mahu dibincangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Hanya dibincangkan atau pun

sudah ada peruntukan untuk negeri-negeri yang lain dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, terima kasih. Saya sudah nyatakan daripada awal tadi bahawa peruntukan ini adalah memang ada, RM1.5 bilion untuk perumahan tentera ini. Jadi, kita hanya ambil RM400 juta ini untuk kita segerakan. Ertinya, bermakna RM1.5 bilion tolak dengan RM400 juta ada berapa ratus bilion lagi yang akan kita agih-agihkan kepada semua negeri untuk membuat perumahan tentera ini.

Tuan Yang di-Pertua, KD Aman direka bentuk untuk memberikan keselesaan kepada penghuni. Ciri-ciri pengudaraan dan pencahayaan diberikan perhatian. Ruang-ruang keluarga, tetamu, ruang makan dan bilik tidur utama adalah luas. Bilik-bilik air, tandas dan lantai akan dibuat dengan kemas yang bermutu. Insya-Allah, kita akan pastikan bahawa rumah yang akan kita bina ini ialah rumah yang akan mempunyai tiga bilik, kerana hari ini, seperti mana dinyatakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan - tadi Tambun pun ada sebut, kita dapati ada kuarters-kuarters yang ada satu bilik, ada yang dua bilik, jadi ini semua kita akan buat kajian dan kalau mana kuarters-kuarters yang kita dapati tidak sesuai digunakan, kita akan runtuh dan buat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin dapat penjelasan. Bagi kontrak membina perumahan tentera ini, adakah badan-badan tentera macam Lembaga Tabung Angkatan Tentera dilibatkan dalam pembinaan. Adakah mereka diberi peluang untuk sama-sama terlibat dalam pembinaan ini. Saya ingin tahu latar belakang kontraktor, adakah kontraktor yang telah dipilih ada bekas-bekas tentera yang terlibat dalam syarikat-syarikat itu. Dan yang akhir saya ingin mendapat penjelasan, manakah syarikat-syarikat yang telah dipilih untuk melaksanakan pembinaan ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Saya akan sampai ke situ nanti, Yang Berhormat. Saya hendak cakap pasal konsep reka bentuk yang mana banyak dicadangkan tadi oleh Ahli-ahli Parlimen begitu prihatin, terutamanya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang begitu prihatin mengenai masalah tempat tinggal kepada tentera-tentera. Jadi, selepas ini saya akan masuk persoalan Yang Berhormat.

Reka bentuk tapak dan juga susunan bangunan akan diberikan perhatian supaya menekankan kepada susunan kediaman yang harmonis, nyaman dan selesa, kawasan hijau, taman permainan kanak-kanak dan lanskap yang menarik akan juga disediakan. Begitu juga dengan kemudahan awam seperti mana yang dinyatakan tadi seperti surau, tadika dan dewan orang ramai serta perpustakaan akan turut disediakan. Untuk menggalak penghuni-penghuni beriadah, *jogging track* dan tempat-tempat permainan sukan seperti gelanggang badminton, takraw, bola keranjang juga akan disediakan.

Mengenai isu yang banyak dibangkitkan terutamanya daripada pihak pembangkang yang begitu bimbang kontraktor-kontraktor kroni dan sebagainya yang dapat, saya hendak nyatakan bahawa kita telah pun memutuskan kerja-kerja ini diberikan kepada Syarikat Perumahan Negara dengan ekuitinya sebanyak 51% dan juga Lembaga Tabung Angkatan Tentera sebanyak 49% di mana syarikat ini akan menubuhkan satu syarikat dan telah pun menubuhkan satu syarikat, saya difahamkan oleh Pengerusi Syarikat Perumahan Negara, syarikat telah ditubuhkan. Jadi, mengenai soal pemilihan kontraktor, bagaimana akan dilaksanakan, akan dikendalikan sepenuhnya oleh syarikat baru yang ditubuhkan yang bernama Syarikat Pembinaan Setia Saksama Sdn. Bhd. Jadi, syarikat inilah sebagai *developer* yang akan menyusun dan memastikan projek-projek ini berjalan dengan baik dan termasuklah dengan pemilihan-pemilihan kontraktor yang akan dibuat.

Setakat ini oleh kerana kerja-kerja ini kita akan bermula pada bulan Oktober, maka saya difahamkan kontraktor-kontraktor belum lagi dipilih. Tetapi saya percaya syarikat ini akan terus merancang untuk memastikan perumahan ini dapat dijalankan seperti mana yang telah dirancangkan oleh pihak kerajaan, sebab itu kita memang ingin segerakan projek-projek ini dengan meminta Dewan yang mulia ini memberikan kelulusan RM400 juta supaya projek ini dapat kita segerakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk yang kedua iaitu mengenai *Prosper*, iaitu yang disentuh oleh dua orang sahaja.

Tuan Pengerusi: Jeli bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Adapun RM400 juta ini adalah untuk tujuan membina sebahagian daripada perumahan tentera untuk di tujuh kem yang berada di tanah-tanah kem itu sendiri. Ini bermakna tidak memerlukan kos yang tinggi untuk kos-kos infrastruktur yang lain. Saya

daripada hitungan berdasarkan kepada maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, jumlah yang terlibat lebih kurang tidak sampai RM6,000. Jadi, apakah RM400 juta itu kalau mengikut berdasarkan kepada pengalaman pemaju-pemaju perumahan dengan mengambil kira bahawa kos infrastruktur sangat kecil kerana semua kem bina, semua rumah kuarters dibina dalam kem itu sendiri. Apakah pihak kerajaan tidak merasakan kos ini tinggi berbanding dengan kos-kos yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah katakan tadi di antara tujuh ada juga yang bukan dalam kem, itu seperti di Jalan U Thant dan juga di Jalan Cochrane yang hari ini ditempatkan kuarters-kuarters kerajaan yang mana kawasan-kawasan ini akan dibangunkan dengan kuarters-kuarters tentera. Jadi, RM400 juta kalau Yang Berhormat hendak secara terperinci sama ada cukup atau tidak cukup, saya ingat kita kena cari platform yang lainlah untuk kita tengok RM400 juta ini cukup atau tidak untuk buat 6,000 buah rumah ini kerana ini memerlukan pakar konsultan yang lebih arif lagi. Jadi, di sini kita hanya bincangkan dasar. Saya sudah nyatakan tadi bahawa tujuh tempat ini dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat katakan tadi akan dibina di kem-kem tentera, sebenarnya ada juga dua tempat akan dibina di luar kawasan tentera.

Yang Berhormat bagi Bandau telah menyentuh mengenai *Prosper*. Jadi, ini biasalah, apa sahaja projek baru yang kerajaan hendak buat pembangkang pandang serong, semuanya tak betul. Tetapi saya rasa bila penjelasan yang diberi ini Yang Berhormat boleh terimalah, bahawa apabila terima ini kena terima termasuklah PAS, jangan diputarbelitkan isu -isu rancangan kerajaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat mengatakan mengapa tidak disalurkan duit ini kepada Kementerian Pembangunan Usahawan ataupun Kementerian Belia dan Sukan yang memang ada projek-projek mengenai pembangunan usahawan, sukalah saya menyatakan di sini bahawa idea untuk mengadakan *Prosper* ini ialah hasil daripada Kongres Usahawan Bumiputera yang telah diadakan tahun lepas di mana di antara resolusi yang telah dibuat semasa Kongres Usahawan Bumiputera tersebut telah pun mengemukakan masalah, yang pertama, mereka menyatakan bahawa usahawan bumiputera tak mampu untuk mengeluarkan modal untuk berniaga. Yang kedua, usahawan bumiputera sukar untuk mendapat tempat perniagaan yang strategik. Yang ketiga, mereka menyatakan bahawa bantuan kewangan untuk

membiasai projek juga adalah tidak mencukupi, lebih-lebih lagi di dalam bahagian peruncitan, bumiputera amat sedikit terlibat, kurang daripada 10%.

Sebab itu kerajaan memikirkan dan menimbangkan cadangan-cadangan serta resolusi daripada Kongres Usahawan Bumiputera, maka pihak kita meletakkan peruntukan ini di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana kita ingin mengadakan kerjasama dengan Pembangunan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) yang mana dengan adanya PUNB ini maka PUNB boleh memberi modal kepada pihak usahawan yang ingin berniaga.

Sebagai contoh, kalau modal keseluruhan berniaga RM100,000, maka PUNB boleh memberi modal sebanyak 30% dan usahawan hanya memerlukan modal 10%. Jadi, kalau kita beri kepada kementerian - Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai contoh ia tidak boleh memberi modal di mana PUNB ini akan menjadi rakan kongsi dengan usahawan ini, dan kita mengamalkan dasar konsep Islam yang dinamakan 'Musyarakah Mutanakkisah'. Jadi, sebagai rakan kongsi dengan PUNB.

Di samping PUNB, kita juga inginkan supaya pihak bank mudah memberi pinjaman kepada usahawan ini. Sebab itu kita bekerjasama pula dengan CGC yang akan memberikan gerenti 100% kepada pinjaman. Kalau katakan perlu pinjaman 60%, setakat ini kita melalui Maybank akan memberikan pinjaman 60% kepada usahawan ini. Di samping itu, kita melibatkan juga TPPT, ini satu anak syarikat iaitu Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai yang mana TPPT ini tugasnya ialah untuk mereka mengenal pasti di mana-mana lokasi-lokasi yang menarik dan bila didapati ada lokasi yang menarik, TPPT bolehkan membeli ataupun memberi sewaan kepada usahawan-usahawan ini.

Secara kasarnya kita gabungkan di antara PUNB untuk memberi modal dengan CGC untuk mendapatkan kemudahan pinjaman dan juga dengan TPPT supaya mendapatkan kawasan untuk usahawan-usahawan ini berniaga.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya sedar tentang penjelasan mengenai perkara itu, tetapi tidak ada apa sebab kenapa pihak Kementerian Pembangunan Usahawan tidak boleh membuat perhubungan yang sama mengenai dengan badan PUNB dan bahkan setakat ini selalu memberi bantuan dan pertolongan untuk mendapatkan CGC dan seterusnya. Jadi, apa yang istimewa projek-projek keusahawanan, pembentukan keusahawanan perlu diletakkan di bawah KEMAS, Jabatan Perdana

Menteri, walhal kepakaran dari segi pimpinan keusahawanan, susulan, program latihan semuanya terletak di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. KEMAS ini pakar sahaja main politik tetapi bukan membentuk keusahawanan, setuju atau tidak, Yang Berhormat?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah nyatakan tadi bahawa isu yang pertama mengapa kita beri kepada PUNB ialah kerana PUNB boleh memberikan modal. Ini adalah satu skim yang baru. Bila skim yang baru sudah tentu kita memerlukan pemantauan yang lebih rapat. Peranan PUNB juga hampir sama dengan peranan Kementerian Pembangunan Usahawan, tinggal lagi cara mereka memberi bantuan adalah lebih mudah daripada Kementerian Pembangunan Usahawan. Sebab itu saya sudah nyatakan tadi usaha ini oleh kerana ia baru dimulakan, maka kita menggunakan PUNB sebagai satu badan yang menjalankan projek *Prosper* ini.

Saya percaya kerajaan kita bukannya statik. Kalau didapati sampai satu masa perlu kita ubah, kita ubah. Jadi, saya percaya kerajaan kita akan menuju ke arah yang lebih positif untuk memastikan bahawa segala rancangan yang diberikan kepada rakyat akan menerima faedah yang sepatutnya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Kalau tidak silap saya sebelum *Prosper* ini ia di bawah PNS, dan *Prosper* ini merupakan kesinambungan daripada PNS itu. Jadi, sudah setakat mana kejayaan PNS itu dahulu dalam membina peniaga-peniaga francais bumiputera itu sendiri, kerana *Prosper* ini merupakan lanjutan daripada PNS itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kalau Yang Berhormat hendak tahu sejauh mana berjaya PNS ini kena bagi notislah sebab saya tidak ada data itu. Tetapi saya hendak nyatakan bahawa skim *Prosper* ini kita buat lebih tesusun di mana sebagai rakan kongsi kepada usahawan yang baru, kita juga apabila hendak bagi pinjaman, mereka kena menghadiri, kita ada interview, dipanggil *personality test*. Saya ambil contoh ini, permohonan kita terima sebanyak 962 permohonan. Kemudian bila dapat permohonan kita buat *personality test* di mana *personality test* ini yang lulus hanya 3,222 sahaja. Bila sudah lulus *personality test* kita ada pula masa mereka menghadiri satu bengkel untuk mereka belajar, bagaimana hendak menyediakan business plan, macam mana hendak buat management dan sebagainya dan usahawan juga dikenakan bayaran. Daripada 3,222 yang lulus *personality test*, yang

hadir bengkel hanya 1,535 orang sahaja. Kemudian apabila mereka ini sudah hadir bengkel, mereka kena buat cadangan (proposal) kepada pihak PUNB untuk mereka memulakan berniaga.

Sepatutnya apabila 1,535 ini sudah menghadiri bengkel, mereka boleh buat proposal dan mereka boleh cari tempat-tempat mereka berniaga dan jenis-jenis perniagaan mereka. Saya hendak tegaskan perniagaan yang mereka terlibat kita memang galakkan untuk francais tetapi tidak semestinya francais, mana-mana perniagaan yang dilihat boleh mendatangkan hasil yang baik, kita akan memberi pinjaman.

Daripada 1,535 yang menghadiri bengkel, yang hantar proposal hanya 91 orang sahaja. 91 orang sahaja yang hantar proposal. Daripada 91 orang ini, sudah hantar proposal, kita buat kajian pula sama ada *viable* atau tidak. Daripada 91 ini yang lulus setakat ini hanya baru 23 orang sahaja.

Jadi, kita lihat sistem yang baru ini, kita betul-betul follow-up ataupun kita memantau usahawan-usahawan ini kerana kita tidak mahu berlaku seperti yang lepas-lepas, kadang-kadang kita dapati dan saya juga kadang-kadang dahulu bila kerja pegawai MARA, ada juga usahawan beritahu, dia kata, "*Encik, MARA ini hanya latih kita meminjam duit tetapi tidak ada ajar kami macam mana hendak bayar hutang*". Jadi, ini saya alami sendiri semasa saya menjadi Pegawai Undang-undang MARA dahulu. Jadi, sebab itu hari kita lihat Prosper ini kita melatih, kita bimbing dan menjadi rakan kongsi dengan harapan apabila perkara ini berjaya maka bumiputera akan ramai lagi terlibat di dalam perniagaan peruncitan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali yang saya tidak jawab langsung ialah isu yang ditimbulkan oleh Kubang Kerian. Kubang Kerian ini dia memang saya faham lenggok dia lebih, dia lain yang dimaksudkan tetapi saya tidak berhajat untuk jawab kerana perkara itu tidak termasuk di dalam perkara yang sedang kita bincangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM15,000,000 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM15,000,000 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000; dan RM400,000,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000; dan RM400,000,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2001.

Maksud B.15, B.16 [Jadual Pertama]

Maksud P.14, P.16 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.15, B.16 dan Kepala Pembangunan P.14, P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Ya, Bagan.

12.47 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. B.16 Butiran 00200 – Kereta Bomba dan Kelengkapan.

Tuan Pengerusi, saya dapat tahu bahawa antara satu *sky scraper* di Jabatan Bomba Butterworth, ia tidak berfungsi. Pada tahun yang lepas apabila saya pergi ke satu kejadian kebakaran sebuah kilang ringan di Mak Mandin, Butterworth terdapat banyak kereta bomba termasuk kereta bomba dari pasukan sukarela telah sampai ke sana untuk memadam api. Dan, antara orang ramai pun sekurang-kurangnya ada lebih kurang beberapa ratus orang berhimpun di sana untuk tengok bagaimana api itu dipadamkan.

Dan, sebuah *sky scraper* apabila sampai ke sana dengan lambat-laun tangganya pun perlahan-lahan dinaikkan tetapi apabila tangganya sudah sampai satu tahap yang agak tinggi, air tidak ada, tidak boleh pancut air. Jadi, orang ramai pun gelak pada kereta bomba ini. Jadi, saya ingatlah ini adalah satu kelemahan di mana ada kereta tetapi tidak boleh pancut air. Dan, juga kita nampak selalunya, *hose* kereta bomba, ia ter bocor. Tekanan air sudah kurang, tambahan pula *hose* sudah bocor, maka akhirnya air sampai ke api itu sangat rendah tekanannya. Jadi, ini pun perlu diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya, Bagan sahaja, ada empat Pasukan Bomba Sukarela. Mereka ini ditubuh oleh orang ramai dan kutip derma dari orang tempatan untuk membantu membasmi atau membanteras kebakaran. Kerana kawasan saya juga banyak rumah-rumah papan, rumah-rumah zink. Dan, Jabatan Perdana Menteri telah menyumbang sebuah van penumpang kepada satu pasukan bernama Pasukan Bomba Sukarela Sungai Puyu. Dan yang lain – tiga pasukan itu apa kereta pun tidak dapat. Jadi, mereka tertanya-tanya mengapa kerajaan khasnya Jabatan Perdana Menteri menitik berat kepada satu pasukan sahaja dan bukan yang lain – 3 itu. Kalau mahu beri, berilah kepada keempat-empat ini dan bukan kepada satu sahaja.

Tuan Pengerusi, di dalam Dewan yang mulia ini, saya pun pernah membangkitkan bahawa kerajaan perlulah memberi sokongan dengan memberi kelengkapan seperti hose, but dan helmet kepada anggota-anggota pasukan sukarela. Tetapi sehingga sekarang tidak ada banyak sumbangan daripada kerajaan, tambahan pula saya seorang wakil rakyat dari pembangkang tidak dapat memohon peruntukan untuk mereka. Dan, inilah satu perkara yang tidak adil di mana ahli Dewan Rakyat dari pembangkang tidak dapat memohon apa-apa peruntukan untuk kemudahan dan kelengkapan Pasukan Bomba Sukarela di kawasan masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya juga telah mendesak kerajaan, kalau tidak boleh memberi apa-apa bantuan pun sekurang-kurangnya memberi insurans percuma kepada ahli-ahli Pasukan Bomba Sukarela ini kerana mereka ini adalah orang ramai, mereka menyumbang masa mereka, semangat mereka, tenaga mereka untuk pergi berlawan dengan api tetapi apa akan terjadi sekiranya mereka ditimpa kemalangan, maka ahli keluarga mereka akan menderita kerana ahli keluarga mereka ini memerlukan pertolongan dari mangsa yang kena malang itu.

Tuan Pengerusi, jadi bolehkah kerajaan menimbang supaya memberi insurans, personal accident (PA) kepada ahli Pasukan Bomba Sukarela.

Tuan Pengerusi, butiran 00400 – Penyelenggaraan Bangunan Bomba dan Membaik pulih Pili-pili Bomba di seluruh negeri. Kami memang telah membaca dalam surat khabar bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pergi ke merata-rata tempat untuk mengatakan bahawa pili-pili bomba di seluruh negara akan dibaik pulih, akan dijaga, akan dipastikan berfungsi. Tetapi setakat ini, berapakah pili-pili bomba telah diperbaiki dan berfungsi dengan baik. Kami sering

baca dalam surat khabar di mana-mana ada kebakaran dan selepas kebakaran apabila wartawan tanya kepada mangsa-mangsa atau orang ramai, mereka mengadu kata, pili bomba tidak berfungsi, pili bomba kurang tekanan air. Jadi, inilah semua masalahnya, Tuan Pengerusi.

Dan, selalunya apabila kami mengadu kepada Jabatan Bomba di kawasan-kawasan tertentu mereka kata, memperbaiki pili-pili bomba ini bukan tanggungjawab mereka. Ini tanggungjawab Pihak Berkuasa Air. Dan apabila bertanya kepada Pihak Berkuasa Air, mereka kata Jabatan Bomba tidak arah beri pesanan. Memberi pesanan bermakna Jabatan Bomba perlu menanggung kos untuk memperbaiki pili-pili itu. Jadi, ini adalah birokrasi antara Jabatan Bomba dengan Pihak Berkuasa Air. Mestilah ada satu mekanisme di mana Jabatan Bomba apabila mendapati sesebuah pili bomba itu telah rosak dan perlu diperbaiki maka satu waran atau satu order perlu diberi kepada Pihak Berkuasa Air dengan serta-merta dan Pihak Berkuasa Air barulah boleh hantar *techniciannya* pergi untuk memperbaikinya.

Tuan Pengerusi, satu soalan saya hendak bertanya di sini, adakah pili-pili bomba ini boleh dipakai dengan sesuka hati oleh sesiapa sahaja, seperti Pasukan Bomba Sukarela kerana di kawasan-kawasan kami sering ada nampak Pasukan Bomba Sukarela mereka memakai pili-pili bomba untuk cuci jalan dan untuk cuci longkang dan parit. Bukan saya bantah kerana mereka cuci jalan, cuci longkang atau cuci pasar. Tetapi adakah ini menjadi satu kesalahan kerana apabila Pasukan Sukarela Bomba, mereka atas permintaan orang ramai atau penjaja-penjaja di sesuatu kawasan untuk mencuci kawasan itu, mereka tidak ada jalan lain melainkan kena buka itu pili-pili bomba dan terus cuci lantai, longkang dan jalan atau apa-apa, khasnya pada akhir tahun bila menjelang musim Hari Raya Cina, di mana mereka kena membersihkan persekitarannya.

Mereka kkuatir apabila mereka menolong orang ramai untuk mencuci tempat-tempat seperti saya sebut tadi, mereka mungkin melakukan satu kesalahan dan sekiranya mereka melakukan satu kesalahan mungkin mereka boleh dikompaun atau boleh disaman. Jadi, ini adalah suatu soalan yang mereka tanya kepada saya dan saya kata, kalau tidak ada orang peduli, tidak jadi masalah, kalau ada orang membuat satu laporan mungkin itu akan jadi satu kesalahan.

Tuan Pengerusi, maka itu sahajalah saya tidak ada lain yang hendak disentuh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Serdang.

12.58 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana beri peluang untuk saya membahaskan dalam Jawatankuasa berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah disentuhkan tadi. Saya hanya sentuh berkaitan dengan peruntukan sebanyak RM21 juta yang diperuntukkan untuk Projek Balai Bomba di beberapa kawasan. Saya ucap terima kasih kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah meluluskan dan membina sebuah Balai Bomba di Sri Kembangan dengan kosnya RM6 juta.

Perjuangan untuk membina Balai Bomba di Sri Kembangan begitu lama, dengan perhatian dan kesedaran pihak kerajaan kerana keperluan mewujudkan Balai Bomba di Sri Kembangan maka dapatlah wujudnya Balai Bomba di atas tapak seluas 5 ekar tanahnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung selepas ini, ya, petang ini.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serdang sambung sedikit lagi ya.

Dato' Yap Pian Hon: Saya hanya bercakap satu minit tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyuarakan semula berkaitan dengan Balai Bomba Seri Kembangan yang telah siap pada bulan Januari tahun ini tetapi penduduk-penduduk di sekitar kawasan masih bertanya bilakah Balai Bomba Seri Kembangan akan dijalankan perkhidmatannya supaya lebih selamat jika ada perkhidmatan daripada balai bomba akan datang.

Tuan Pengerusi, satu kawasan tapak Balai Bomba Seri Kembangan seluas lima ekar, selain daripada bangunan-bangunan yang tertentu dan asrama tetapi adakah pihak pejabat bomba akan menggunakan yang sebegitu luas untuk tempat latihan kepada pasukan sukarela bomba. Ini penting kerana dengan wujudnya pasukan sukarela bomba ini untuk membantu kepada anggota-anggota bomba semasa kebakaran berlaku.

Contohnya, di Seri Kembangan wujudnya satu pasukan sukarela bomba sudah enam tahun. Kesan dan tugas yang dijalankan mereka begitu memuaskan. Semasa kebakaran berlaku di sekitar kawasannya mereka lebih awal datang kerana waktu ini kalau kebakaran berlaku di Seri Kembangan, kereta bomba akan datang dari Kajang – jauh, dari itu maka pasukan sukarela Seri Kembangan telah lebih awal, semasa mendapat panggilan datang ke tempat kejadian kebakaran berlaku.

Kalau Balai Bomba Seri Kembangan menjadikan satu tempat untuk latihan pasukan sukarela ini supaya generasi muda di kawasan dapat latihan dan dapat pengetahuan cara mana untuk mencegah kebakaran berlaku sebab daripada dulu pasukan sukarela Seri Kembangan sentiasa mendapat latihan di kawasan luar. Mereka akan menanggung perbelanjaan yang begitu besar, maka saya harap kalau boleh tempat yang sebegitu luas di Balai Bomba Seri Kembangan dapat dijadikan tempat latihan untuk pasukan sukarela.

Tuan Pengerusi, kejadian berlaku semasa kebakaran baru-baru ini telah meragut beberapa nyawa kerana reka bentuk rumah yang tersekat. Maka saya minta pihak pejabat bomba dapat memberi satu garis panduan supaya semasa pelan bangunannya dimajukan kepada pihak berkuasa tempatan, boleh rujuk supaya elakkan reka bentuk yang sentiasa tersekat semasa kebakaran berlaku. Kejadian dan pengalaman yang telah begitu lama telah kita dapat diterima maka kepentingan antara koordinasi agensi-agensi ini seperti pihak berkuasa tempatan, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Air dan pejabat bomba perlu sebagai satu pasukan untuk menjamin bahawa semasa pelan bangunan dikemukakan boleh menjamin supaya tidak ada lagi sekatan supaya tidak ada tempat untuk lari daripada bangunan tersebut semasa kebakaran. Ini penting supaya kita mesti mencegah begitu seriusnya yang berlaku baru-baru ini kerana kebakaran berlaku yang telah meragut beberapa nyawa yang begitu tinggi nilainya.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pili-pipi bomba di mana peruntukan yang ditambahkan sebanyak RM242,720 untuk kerja-kerja penyelenggaraan atau

membalik pulih pili-pili bomba. Setiap kali tuduhan telah berlaku semasa kebakaran. Penduduk-penduduk yang menjadi mangsa sentiasa dituduh kerana pili bomba tidak berfungsi, kerana tidak ada air. Maka susah dan sukar bagi ahli-ahli bomba untuk menyelamatkan harta-benda atau rumah tersebut. Kejadian ini memang nyata kerana berlaku melalui media massa dan sentiasa terdapat kenyataan begitu. Apa langkah untuk memberi satu garis panduan yang lebih baik untuk mengelakkan pili-pili bomba digunakan semasa tidak berfungsi.

Walaupun saya difahamkan bahawa ahli-ahli bomba juga memeriksa pili-pili bomba yang tertentu selepas dapat rayuan atau daripada pengaduan orang ramai, tetapi apa salahnya kalau pihak berkuasa tempatan memberi kerjasama atau jabatan bekalan air bersama untuk sentiasa memeriksa pili bomba yang selalu kurang berfungsi dan juga kadang-kadang tidak ada air langsung. Masalah ini selalu dihadapi dan memang bertanggungjawab untuk mencegah kebakaran itu maka pili bomba begitu penting untuk kegunaan semasa kebakaran berlaku.

Kita tidak mahu lagi dengar tuduhan-tuduhan yang sentiasa dalam surat khabar mengatakan pili bomba tidak berfungsi dan tidak ada air berlaku, maka saya harap koordinasi untuk memeriksa pili-pili bomba hendaklah sentiasa dijalankan. Tetapi satu perkara penting seperti yang pernah berlaku yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kadang-kadang pili-pili bomba yang rosak oleh kerana vandalisme, tetapi selepas laporan kepada jabatan kerja air (JBA) mengatakan ini bukan kerja dia.

Kita laporkan kepada pihak berkuasa tempatan, kata ini tidak ada peruntukan – hanya pejabat bomba. Tetapi oleh kerana demikian itu, saya harap mungkin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh memberi arahan supaya peruntukan khas perlu disediakan oleh pihak berkuasa tempatan untuk memeriksa pili-pili bomba atau membaikpulihkan pili-pili bomba yang sentiasa rosak atau tidak berfungsi dengan kerjasama jabatan kerja air.

Tuan Pengerusi, dengan adanya apa yang dikatakan tadi sebab pembinaan balai bomba ini, adakah lagi beberapa buah balai bomba akan disediakan atau dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan supaya kita akan memahami lokasinya di mana akan dicadangkan supaya kawasan-kawasan yang tertentu telah dikemukakan cadangannya dapat dikenal pasti dan dapat memaklumkan kawasan-kawasan wakil rakyat Barisan Nasional supaya mereka akan dapat maklumat ini untuk orang ramai di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

[Enam Ahli Yang Berhormat Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, ramai pula ya. Saya bagi Tanah Merah.

2.39 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kebenaran saya untuk turut sama membincangkan di peringkat jawatankuasa ini. Saya juga ingin menyentuh di bawah Maksud P.16 - Jabatan Bomba dan Penyelamat ini dari segi pembinaan balai bomba dan tambahan, akademik bomba dan juga pembelian alat-alat kelengkapan termasuk kereta bomba, dua unit helikopter dan juga pembelian kenderaan 4-Wheel Drive (FWD), dengan izin.

Sebelum itu, saya ingin membawa kepada di bawah Butiran 00400, iaitu Penyelenggaraan Bangunan Bomba, di mana peruntukan sebanyak RM242,770 adalah dikehendaki segera untuk menampung perbelanjaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan membaik pulih pili-pili bomba di seluruh negara yang telah dilakukan secara mendesak berikutan daripada teguran Ketua Audit Negara mengenai keadaan pili-pili bomba yang kurang memuaskan. Ini kita lihat bahawa bukan sahaja rakyat yang menegur dan bukan sahaja kita yang menegur di Parlimen ini tentang pili-pili bomba yang terdapat di seluruh negara tetapi telah ditegur secara jelas oleh pihak Ketua Audit Negara sendiri.

Saya mengambil kesempatan ini untuk melihat beberapa peristiwa yang berlaku akibat daripada kesan pili bomba yang tidak begitu baik penyelenggaraannya sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Umpamanya, pernah berlaku di kawasan saya rumah kedai sederet enam tingkat....ha, bukan enam tingkat, enam pintu dua tingkat telah berlaku kebakaran tetapi malangnya bomba di kawasan Parlimen Tanah Merah yang datang untuk memberi bantuan tidak dapat menyelamatkan keadaan sepenuhnya.

Kemudian dapatlah bantuan daripada pihak Bomba Daerah Machang ataupun kawasan Machang yang datang dengan penuh - maknanya, mempunyai air yang cukup dan sebagainya. Tetapi bila orang ramai melihat bahawa kegagalan yang dibuat, yang dilakukan oleh pihak bomba tempatan, pihak tertentu telah meletakkan kesalahan ini kepada orang lain. Umpamanya, dia kata, "tidak ada air kerana masalah air yang berlaku di Kelantan akibat daripada Kelantan Water." Ini

keluar dalam akhbar dan kita rasa kecewalah kalau pihak berkenaan tidak mempunyai kemampuan, tidak mempunyai kelengkapan, peralatan yang cukup, jangan kita salahkan kepada orang lain ataupun mengambil kesempatan kepada masalah air yang berlaku di Kelantan waktu itu. Kerana masalah air di Kelantan ini selalu ditimbulkan, maka pihak bomba pula mengambil kesempatan mengatakan "inilah masalah air yang berlaku di Kelantan sehingga bomba tidak boleh menggunakan air untuk menyelamatkan kebakaran" sehinggalah enam buah bangunan sederet dua tingkat musnah.

Kalau kita lihat juga, saya ingin mengambil perhatian ini kerana kes-kes lain juga yang sering berlaku. Umpamanya, di kawasan luar bandar terutama sekali masalah kebakaran ini kita sering dengar, tetapi yang mendapat perlindungan ataupun bantuan bomba secara secepat mungkin dan sebagainya kita akui, tetapi ada beberapa kelemahan. Umpamanya, yang pernah saya sendiri alami, semasa rumah ibu mertua saya terbakar ataupun mengalami kebakaran, pihak bomba dihubungi tetapi pihak bomba datang hanya di jalan besar, jalan luar tetapi tidak masuk ke dalam sehinggalah rumah ranap semua sekali, apabila ditanya mengapa tidak masuk, kerana halangan wayar elektrik, wayar Tenaga Nasional, LLN waktu itu, TNB sekarang ini telah menghalang laluan. Makna bomba tidak boleh masuk dan kita tengok ada lagi alasan-alasan lain yang telah diberi oleh pihak bomba, umpamanya, keadaan jalan sempit, keadaan berlubang, tidak boleh dilalui.

Jadi, saya minta dengan adanya akademi bomba dan kecanggihan bomba pada hari ini, kelengkapan yang lengkap, janganlah menjadikan ini suatu alasan kalau kita tidak sempat untuk menyelamatkan harta benda dan juga nyawa orang-orang awam.

Kita rasakan pihak berkuasa tempatan melalui majlis daerah, majlis perbandaran, apatah lagi di bandar raya besar, kita selalu bermesyuarat umpamanya dalam majlis daerah, majlis tindakan jajahan yang diketuai oleh ketua jajahan, segala permasalahan perlu ditimbulkan kerana di situlah ketua-ketua jabatan di jajahan berkenaan, mendengar apa masalahnya.

Jadi, kalau kita bermasalah dengan TNB, kalau kita bermasalah dengan Telekom, dengan JKR, dengan pihak berkuasa tempatan itu sendiri, dari segi laluan, dari segi jalan yang kita tahu kalau berlaku kebakaran di dalam kawasan tersebut, maka pihak bomba sukar untuk memberi bantuan, maka kita perlu awal-awal lagi membincangkan perkara ini, janganlah bila berlaku sesuatu kebakaran, barulah kita

hendak menyalahkan pihak itu, menyalahkan pihak ini, menyalahkan orang awam kerana tidak tahu menjaga dan sebagainya.

Jadi, saya rasa ini perkara penting, lebih-lebih lagi kalau kita lihat, keadaan masyarakat kita hari ini, umpamanya keadaan perumahan di sekitar kawasan haram, umpamanya, keadaannya berhimpit-himpit sehinggakan tidak boleh hendak lalu, orang kata atap sama atap itu dia bersentuh, jadi perkara-perkara ini adalah suatu perkara yang menyukarkan sekiranya berlaku kebakaran.

Selain dari itu, saya pernah jugalah di dalam soal bomba ini kalau – kita menyokonglah pihak tertentu mengambil tindakan segera untuk mempertingkatkan lagi pegawai-pegawai bomba, dengan mengadakan akademi bomba dan sebagainya, kerana pernah suatu ketika dahulu, saya ingin menyentuh keadaan yang agak melucukan dan memalukan apabila berlaku suatu kebakaran, pihak bomba telah diberitahu melalui telefon tetapi malangnya kenderaan bomba sendiri tidak hidup, tak boleh hendak start, hendak pergi tolong orang macam mana?

Ini pernah berlaku dahulu, tetapi sekarang ini kawasan itu sudah elok dan pihak bomba telah pun bersedia. Saya minta kalau boleh jadikanlah contoh macam polis, sekarang ini polis kalau kita lihat kepada dua, tiga hari yang lepas, kenyataan polis untuk menghadapi Black 14. Pihak polis berkali-kali mengatakan, kami telah bersedia menghadapi segala rintangan, segala apa yang akan terjadi, siap sedia dengan polisnya, dengan kereta merahnya, dengan *water-cannon*nya, dengan anjing-anjing pengesan dan sebagainya, ini kita lihat yang belum berlaku, cara bertindak itu meyakinkan seolah-olah semua orang takut.

Tetapi malangnya, apabila perkara ini berlaku, saya mintalah pihak bomba ini begitu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang kita tahu ini adalah tugas kita dan amat malang kalau kita tidak dapat menyelamatkan harta awam lebih-lebih lagi nyawa

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut berdiri Yang Berhormat. Masa sudah nak habis dah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Yang Berhormat berhujah mengatakan mula-mula bomba dihalang oleh Telekom, Tenaga Nasional, Yang Berhormat memuji bomba. Sekarang pula Yang Berhormat mengatakan pula masalah hendak menghubungi bomba, talian terputus.

Sekarang ini pula Yang Berhormat mengatakan pihak polis sentiasa bersedia menghadapi segala macam ancaman, tetapi sebelum ini nampak pembangkang dok

hentam polis sahaja, mengatakan seolah-olah polis ini double standard, minta penjelasan sedikit, mana satu yang betul ini Yang Berhormat, adakah waktu petang ini.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat ini sudah minum kopikah? Tidak faham, saya cakap saya kata bomba ini sekarang ini bersedia ke arah itu, jadi jangan jadikan alasan, saya rasa orang lain faham, mungkin Yang Berhormat seorang tidak faham tak tahulah.

Saya kata jadikan contoh macam yang polis itu, polis itu bersedia dengan anjing, ini maksudnya anjing, untuk apa, anjing kerajaan, anjing swasta, saya pun tak tahulah, tetapi telah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Saya minta bomba pun mengikut langkah yang sama, itu sahaja. Biarlah itu, tidak apalah Yang Berhormat Larut, terima kasihlah atas perhatian Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Ada sedikit lagi, saya hendak buat penggulungan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan.

Tuan Saupi bin Daud: Satu lagi saya minta Tuan Pengerusi, masalah kebakaran, cara mana kita hendak menghadapi kebakaran yang berlaku di akhir-akhir ini melibatkan terutama sekali dari segi pengabaian, dari segi kecuaiannya, kita tidak dapat hendak mengklasifikasikan, tetapi yang berlakunya di kalangan anak-anak kecil dan juga orang tua yang terlalu kecil dan yang terlalu tua. Mereka ini sampai tak sempat lari dan sebagainya, dua, tiga orang rentung tetapi yang malangnya saya pernah lihat dan terbaca di dalam akhbar umpamanya, anak kecil terkunci daripada luar, dikunci daripada luar, ibu bapa pergi bekerja dan berlaku kebakaran dan anak-anak mati berdakapan, yang berumur dua tahun, empat tahun, jadi saya minta pihak-pihak yang terlibat cubalah cari jalan bagaimana kita hendak memberi kesedaran kepada orang ramai, bagaimana walaupun kita tahu bila kecil, kita anggap api ini sebagai kawan, tetapi bila besar kita anggap sebagai lawan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, dan akhir sekali Tuan Pengerusi, saya minta juga kursus-kursus kemahiran bomba ini bukan sahaja kepada perkara tadi, ia juga hendaklah meliputi perkara seperti menangkap ular, menangkap buaya dan juga yang satu lagi yang baru itu, tebuannya, sehingga kita dengar ada tebuannya yang

menggigit ataupun sampai mati, cuma saya rasa yang tidak perlu dipelajari oleh bomba, bagaimana hendak menangkap orang sahaja, tak payah belajar yang itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Temerloh.

2.52 ptg.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh maksud P.16 – Jabatan Bomba dan Penyelamat di bawah Penyelenggaraan Bangunan Bomba, Pili-pili Bomba.

Saya sedar jumlah RM242,770 ini telah pun dibelanjakan untuk menyelenggarakan pili-pili bomba di seluruh negara sebagaimana yang telah ditegur oleh Ketua Audit Negara.

Tetapi yang saya hendak sampaikan di sini Tuan Pengerusi, mengenai pili-pili bomba ini di kawasan-kawasan FELDA dan juga di kawasan-kawasan penempatan di luar bandar.

Saya amat bimbang kerana kalau berlaku kebakaran di kawasan-kawasan FELDA ini, jawabnya memang tidak boleh hendak diselamatkan dan saya yakin boleh kata sebahagian besar daripada kawasan-kawasan FELDA ini memang tidak ada pili-pili bomba. Di kawasan saya boleh kata 100% kawasan FELDA ini memang tidak ada pili bomba dan balai-balai bomba lazimnya letak di kawasan-kawasan bandar.

Jadi, bila berlaku kebakaran, memang tidak dapat hendak diselamatkan dan bila bomba sampai, memang tidak mungkin habislah semuanya selesai. Dan saya hendak cadangkan ke hadapan ini supaya kementerian ini ataupun Jabatan Bomba membuat peruntukan lebih awal, saya kira kawasan-kawasan luar bandar, kawasan FELDA, penempatan luar bandar, perlu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datoh berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Sekejap ye, saya hendak habiskan ayat ini dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak habiskan dahulu semua sekali.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:perlu dipasang pili-pili bomba ini dan kalau tidak cukup peruntukan bawa ke Parlimen, kita akan luluskan daripada banyak nyawa yang terkorban. Sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Temerloh, jika kawasan FELDA tidak mempunyai pili bomba dan balai bomba pun berada di kawasan bandar, adakah Yang Berhormat bersetuju jika pasukan bomba sukarela ini ditubuhkan di kawasan FELDA, di kawasan kampung-kampung, pekan kecil. Bersetujukah Yang Berhormat kalau kita minta Jabatan Bomba dan Penyelamat ini menyediakan kemudahan, peralatan khususnya hose untuk digunakan oleh bomba sukarela ini dengan topi penahan panas, dengan pakaian secukupnya. Mereka tidak perlu dibayar gaji pun, ramai orang yang boleh masuk, kemudian pili bomba itu kebanyakannya sudah tak service sudah lama, kemudian tekanan air pula rendah, ia menitis sahaja, jadi macam mana kawasan terbakar hendak diselesaikan. Saya minta pandangan Yang Berhormat Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datoh. Saya memang hendak cadangkan itu supaya ditubuhkan pasukan bomba sukarela di kawasan-kawasan FELDA dan juga penempatan di luar bandar. Dan lengkapkan mereka ini dengan kelengkapan secukupnya, dengan kasutnya, topinya, uniform yang cukup, latihan-latihan yang cukup. Sekarang ini ada, baru ini ada satu kebakaran saya lihat, bomba tak sampai dan bomba sukarela ada, yang pergi memadam api ini, Tuan Pengerusi, dia pakai selipar sahaja. Tak cukup latihannya. Kita sendiri, saya sendiri pun merasa malu, takkan kita boleh lulus hari ini sahaja, kita lulus RM21 juta ini, ini pun telah dibelanjakan ini.

Saya minta sungguh, ini penting sangat, ini keselamatan rakyat, kita hendak jadi negara maju, hendak jadi negara maju ini satu daripada cirinya Tuan Pengerusi, kita punya keselamatan ini, peranan bomba ini mesti world class, kalau boleh saya pinjam perkataan itu, world class, mesti up to date. Peralatannya, pilinya, kecekapannya, latihannya, pancutan airnya mesti kuat, kalau meleleh tidak boleh itu bukan standard negara maju itu. Negara India pun dia punya pancutan air kuat, dia punya bombanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau meleleh api tak padam Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tak padam api, saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi, saya minta sungguh. Ya, saya minta sungguh jabatan ini tak cukup duit bawa ke Parlimen, kita akan luluskan. Kita hendak supaya rakyat Malaysia

keseluruhannya tidak ada rasa tidak yakin, rasa tidak agu, Malaysia boleh tidak yakin bahawa kita punya bomba ini tidak boleh padamkan api.

Tuan Pengerusi, minggu lepas, di kawasan saya, satu penempatan kawasan RISDA, rumah terbakar, habis, buku anak-anak habis, licin, tidak sempat, bomba hendak sampai hendak cari air di mana. Dan bayangkan kalau tiga, empat cases macam ini, tidak seronok, kita sepatutnya tidak lagi berada di tahap itu. Saya minta supaya pimpinan Jabatan Bomba lebih dinamik menghadapi masalah ini. Mari kita pertingkatkan keupayaan kita untuk mencegah kebakaran. Bukan sahaja di kampung di bandar pun begitu. Kita mesti lengkap, computerised, kalau belum ada komputer, computerised, kita mesti ada mapping kita, mapping kawasan kita mesti tahu di mana kawasan yang boleh mudah terbakar, kita kena tahu. Terima kasih Setiausaha Parlimen baru sampai.

Kita kena tahu, supaya kita ada satu standard dari segi menghadapi masalah ini. Begitu juga Tuan Pengerusi, di kawasan-kawasan perkampungan baru Cina, ini rumah rapat-rapat, kalau saya lihat di kawasan saya itu, rumah di kampung baru ini rapat-rapat. Terbakar satu, dua, tiga minit bomba tak sampai, hendak ikhtiar hendak pasang air, jawabnya the whole row itu habis. Dan ini pernah berlaku dan bayangkan nyawa, harta benda, kerugian dan saya kira negara kita dari segi kerugian a waste kerugian akibat daripada inefficiency dari segi kita mencegah kebakaran agak tinggi, kalau dibandingkan dengan negara lain. Kita mesti bring down ini, kita mesti reduce kadar ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bentong berdiri Yang Berhormat. Sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Pengerusi, terima kasih Temerloh. Memang benar di kampung baru kalau satu rumah terbakar itu, dalam dua, tiga minit kita tidak dapat padamkan ia hanyutlah satu deret, satu kampung yang berlaku di Bentong juga di mana Kampung Perting berlaku dan 88 buah rumah yang terbakar dalam satu, dua jam dan apabila bomba sampai pun tidak dapat diselamatkan kerana menggunakan masa yang begitu panjang untuk menyelamatkan rumah-rumah yang sedia ada.

Ada aduan di mana pili-pili bomba ini airnya tidak sampai yang dikata air meleleh tadi itu, dia bukan sahaja meleleh, tidak ada air langsung kerana dia kata Jabatan Bekalan Air (JBA) tutup air kerana tidak cukup air. Air ini untuk kegunaan

orang ramai, ia tidak masuk ke paip bomba dan pihak Bomba menyalahkan JBA dan JBA menyalahkan pihak bomba.

Saya rasa apa cadangan Yang Berhormat untuk kita wujudkan satu jawatankuasa agar pastikan perkara ini tidak berlaku lagi di mana-mana tempat berlaku kebakaran.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira bukan sahaja jawatankuasa yang penting tetapi kesedaran ini, kesedaran dan persiapan kita sebagaimana yang saya sebut tadi.

Tuan Pengerusi, saya menyokong Belanjawan ini dan saya juga hendak minta Jabatan Bomba jangan bimbang, sediakan peruntukan kita hendak betul-betul ini, kita hendak betul-betul kita punya Jabatan Bomba ini *up-to-date* daripada segi dia punya kepakarannya, latihannya, peralatannya mesti mengikut standard yang tinggi dan pilih-pilih bomba di kawasan FELDA dan kawasan perkampungan baru Cina, juga penempatan-penempatan lain di luar bandar kita lengkapkan. Tidak cukup duit bawa ke Parlimen. Saya jamin kita akan dapat daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk yang sebelah sana sekali. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini saya beri Kuala Kedah.

3.02 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jabatan Bomba minta lebih kurang RM6 bilion untuk Rancangan Malaysia Kelapan.

Saya diberitahu mereka hanya dapat 10%. Jabatan ini jabatan yang dianggap tidak popular, tidak *glamour* daripada sudut politik sebab itu Belanjawan Tambahan kepada bomba ini cukup payah untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Temerloh.

Kita tengok PERWAJA, tiap-tiap kali Belanjawan Tambahan ataupun Belanjawan Negara bantu PERWAJA. PERWAJA bukan penyelamat tetapi pemusnah tetapi itu yang diberi sudah lebih RM6 bilion [*Ketawa*] Sedangkan Jabatan Bomba yang cukup penting menyelamatkan berbilion-bilion ringgit harta negara, hendak minta Belanjawan Tambahan cukup payah.

RM6 bilion dipohon, yang didapati hanyalah RM200 juta dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dapat hanya 10% daripada permohonan bomba. Perkara yang penting hendak lawan kebakaran, hendak jaga keselamatan diabaikan. Tiba-tiba beli kereta *water cannon* – RM8 juta lebih. Saya minta *water cannon* itu

kalau boleh *convert* juga untuk lawan kebakaran. *[Disorak] [Tepuk]* Bila tidak ada tunjuk perasaan guna *water cannon* itu untuk lawan kebakaran sebab ia boleh pancut 300 meter. *[Ketawa]* Ha, masa mereka duduk di masjid depan Universiti Malaya itu ia duduk jauh sana, boleh pancut air itu. *[Ketawa]*

Jadi, cukup baik yang kereta polis itu digunakan untuk lawan kebakaran. Boleh sokong, semua?

Beberapa Ahli Pembangkang: Sokong, sokong. *[Tepuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Dan saya tahu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]*Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: ...bomba minta RM6 bilion, saya minta dalam rancangan akan datang Belanjawan Tambahan dan Rancangan Malaysia Kelapan nanti tolong tambah, kurang-kurang tunaikanlah 50% permintaan mereka. Ini minta RM6 bilion beri 10%. Yang PERWAJA bila minta pun tidak tahu tiba-tiba tiap-tiap kali Belanjawan RM2 bilion, RM1 bilion, RM35 milion, PERWAJA, PERWAJA. Itu bukan penyelamat tetapi pemusnah wang negara.

Saya juga bersetuju supaya pihak Jabatan Bomba ini ditambah peruntukan dan mereka juga diberi banyak latihan kepada Pasukan Bomba Sukarela. Di Kuala Kedah Pasukan Bomba Sukarela cukup baik. Mereka memberi khidmat yang cukup cemerlang. Memanglah kalau ada kebakaran di Kuala Kedah bomba rasmi tidak sampai lagi, bomba sukarela telah bertungkus-lumus di situ.

Saya berbanggalah di kawasan Kuala Kedah, Pasukan Bomba Sukarela begitu cemerlang khidmat mereka dan saya sebagai wakil rakyat sentiasa memberi galakan kepada mereka. Mereka minta duit, saya kata saya tidak ada duit. Galakan boleh beri nanti saya minta melalui Parlimen ini, kalau tidak beri juga memanglah teruklah kerajaan ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Dan ...bertanya pula dah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menekan-nekan alat perakam suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tekan sedikit Yang Berhormat ya, sudah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Cakap begitu sahaja.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua,
.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah pinjam sebelah, itulah dia ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:terima kasih rakan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Tadi Yang Berhormat ada mencadangkan supaya *convert water cannon...* [Ketawa] Untuk diubahsuai menjadi kereta bomba.

Kalau Yang Berhormat tengok bahawa daripada segi perkhidmatan bomba ini, kadang-kadang macam Yang Berhormat sebut tadi, Bomba Sukarela di kawasan Yang Berhormat baik, bagus tetapi bomba yang rasminya kerajaan ini kadang-kadang sudah terbakar pun tidak sampai lagi, lambat tetapi kalau *water cannon* itu belum tunjuk perasaan sudah sampai. [Ketawa]

Jadi, adakah sesuai kita tukar dia punya jentera itu daripada FRU jadi bomba, bomba jadi FRU. Jadi, lambat sedikit untuk... [Ketawa] ...Usir orang berdemonstrasi [Ketawa].

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang itu saya serahlah pihak jabatan tetapi memanglah keselamatan negara dengan keselamatan perkara ini lain. Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini tahu tetapi buat-buat tanya. [Ketawa]

Memanglah, walau bagaimanapun saya akui di samping kelemahan pentadbiran, kursus perlu dipertingkatkan tetapi kena lihat daripada sudut peruntukan. Dalam PAC saya ditunjukkan gambar-gambar kepada kami pasukan Bomba, setengah itu zaman 'tok nadok', zaman sebelum Perang Jepun itu peralatan dia masih lagi dipakai. Bahkan tempat-tempat simpanan kereta-kereta bomba cukup usang, macam Panggung Rex lama tempat mereka simpan kereta-kereta bomba dan mereka minta peruntukan selalunya tidak dapat. Bayangkan me reka minta RM6 bilion yang diperolehi 10%. Kalau kita minta RM6 yang diberi hanya 60 sen, apa kita hendak buat.

Kalau kita perlu perbelanjaan RM6 bilion yang diberi hanyalah lebih kurang RM60 juta, RM70 juta. Apa jabatan ini hendak buat? Oleh itu kita harap jabatan seperti ini hendaklah diutamakan di samping pihak polis dan sebagainya perlu diperlengkap dari masa ke semasa.

Jadi, jabatan-jabatan seperti ini jangan – misalnya hendak beli kapal terbang, mereka hendak beli kapal terbang, bomba perlu kapal terbang, yang dapat sekarang hanyalah dua biji. Itu pun bukan kapal terbang yang canggih, kapal terbang yang

dianggap tidak berapa baik. Jabatan Bomba mahu kapal terbang yang lebih baik supaya sekarang ini lawan kebakaran bukan sahaja melalui kereta-kereta bomba biasa, kadang-kadang mereka perlu helikopter, mereka perlu kapal terbang terutama sekali helikopter yang amat mereka perlu sebab bangunan di negara kita sekarang makin hari makin tinggi. Makin hari makin tinggi sedangkan peralatan yang ada tidak sesuai dengan ketinggian bangunan yang ada dalam negara kita. Rayuan pihak bomba tidak dapat bahkan pihak bomba kata bangunan yang agak selamat untuk mereka sampai dengan cepat setakat 14 tingkat. Oleh itu siapa yang duduk lebih daripada tingkat 14 kalau berlaku kebakaran, ha! selamat tinggallah duniaku. *[Ketawa]* Sebab peralatan daripada sudut helikopter dan sebagainya tidak cukup.

Ini soal nyawa, soal bangunan, soal harta. Kita harap semua Ahli Parlimen desak Menteri-menteri walaupun mereka tidak dengar tetapi mereka baca *Hansard* tolong lulus, kalau mereka pohon RM6 bilion, saya minta paling kurang RM3 bilion lulus kepada Jabatan Bomba untuk mereka mempertingkatkan khidmat mereka kepada rakyat dan menaikkan prestasi pasukan bomba yang mereka selama ini pun telah berjaya menyelamatkan ribuan juta harta kerajaan dan harta orang awam. Dan bomba pula sekarang bukan setakat melawan kebakaran sahaja, *accident* mereka juga yang pergi gergaji kereta dan bawa keluar mangsa *accident*. Tangkap ular sawa pun bomba juga.

Jadi, kita tengok pasukan bomba sekarang ini dia betul pasukan pencegah dan penyelamat. Oleh itu mereka ini, pasukan bomba ini perlu permintaan mereka hendaklah ditunaikan oleh kerajaan. *Stop* lah beri dekat PERWAJA itu, perhabis duit sahaja. Beri kepada jabatan yang betul-betul memberi manfaat kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Batang Lupar dahulu.

3.09 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih sokongan kawan-kawan. Saya cakap sedikit sahajalah berhubung dengan bomba ini.

Saya mendengar hujah daripada kawan tadi dan saya juga menyokong, perkara yang baik yang disebut itu, baik jugalah. Saya bersetuju iaitu peruntukan diberi oleh pihak kerajaan 10% daripada permohonan yang dibuat oleh pihak bomba untuk memperlengkap bomba bukan sahaja daripada segi perumahan, kelengkapan

dan pemodenannya tetapi juga gaji kakitangan bomba mesti kena lihat juga. Ini yang tidak disebut.

Janganlah lihat kelengkapan, rumah itu 10% itu memang tidak cukup. 10% yang daripada permohonan asal daripada Jabatan Bomba ini adalah tidak mencukupi. Saya dengan kawan itupun memanglah duduk sama dalam PAC. Kita sudah buat cadangan dalam PAC supaya diperlengkap bomba ini kerana masalah bomba ini masih meningkat. Banyak rumah tinggi dibuat, latihan kena diberi lebih baik lagi, kelengkapan mesti lebih canggih lagi, peralatan mesti lagi dipermodenkan, rumah-rumah yang lama dan usang itu mesti digantikan.

Kalau kita lihat di rumah bomba ini dia ada buluh itu untuk orang turun daripada atas ke bawah, janganlah gunakan buluh daripada hutan, gunakanlah aluminium untuk dia turun ke bawah.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya memang menyokong supaya dipertingkatkan lagi peruntukan yang dicadangkan hendak diberi kepada pihak bomba ini daripada 10% ini kepada angka atau jumlah yang lebih sesuai lagi kerana kita lihat di negeri-negeri banyak rumah bomba yang masih usang dan menggunakan rumah zaman James Brooke dahulu kalau di Sarawak.

Jadi, rumah-rumah ini patutlah ditukar. Masalah yang saya dengar juga ialah masalah berhubung tanah apabila Kerajaan Pusat melihat, meminta untuk peruntukan-peruntukan dikeluarkan tetapi masalah tanah di negeri-negeri yang tertentu. Dan negeri ini pula kalau beri tanah, janganlah beri tanah dekat hutan tetapi bomba sepatutnya mesti strategik dalam bandar. Dan ini mestilah Kerajaan Pusat mengambil kira kos pengambilan tanah ataupun pembelian tanah di kawasan yang strategik di dalam bandar itu mestilah diambil kira.

Jangan pilih yang senang sahaja. Hendak beli tanah itu belilah tanah yang murah, yang di luar bandar yang mungkin tidak strategik untuk pihak bomba. Pihak bomba berkehendakkan tempat yang strategik, *high density growth area* mestilah diberikan kepada bomba dan bomba itu mesti menggunakan tanah dan tempat yang berkenaan.

Jadi, kalau kita tempat yang strategik di dalam bandar umpamanya kita hantar mereka ini di luar bandar yang mungkin lima kilometer ataupun enam kilometer di luar bandar, jadi, bila kebakaran berlaku di tengah bandar macam mana hendak berkejar ke dalam bandar, *traffic jam* lah semua macam-macam lagi.

Jadi, kalau jabatan meminta tanah-tanah yang strategik di dalam bandar kita kena *sacrifices*, bukan sahaja kementerian ini tetapi juga kerajaan negeri mesti dipinta supaya mewujudkan atau mengenal pasti tanah-tanah yang strategik di dalam bandar. Bukan kita hendak beri tanah yang mahal untuk bangunan yang tinggi-tinggi untuk bomba bersenang lenang bukan, kita hendak beri kedudukan yang strategik untuk mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai penyelamat dan pemadam api.

Jadi, saya berharap pihak kementerian mengambil kira perkara ini. Jangan dipandang daripada segi, ini yang murah, ini yang senang. Duit kita hanya 10% beri yang murah ini sahaja tetapi kalau bomba lambat datang mengejar ke tempat kebakaran nanti, kita marah orang bomba pula, bomba tidak efisien, bomba tidak cekap, bomba tidak buat kerja. Tetapi masalahnya *strategic planning* kita itu adalah tidak menepati kehendak-kehendak Jabatan Bomba itu sendiri. Jadi, kita kena dengar cadangan dan permintaan daripada jabatan yang mana mempunyai teknikal dan *expertise* yang berpatutan, itu yang pertama.

Yang kedua, soal gaji anggota bomba mestilah kena dilihat semula. Saya tidak tahu sama ada gaji bomba ini setaraf dengan gaji-gaji pegawai-pegawai yang beruniform lain tetapi dahulu dipandang bomba ini memanglah bukan sebagai orang yang macam askar dan polis, segak, glamor dan berbagai-bagai lagi. Kerana polis dan askar adalah ..., peperangan menunjukkan macam mana sofistikatednya askar ini dan soal penyelidikan detektif, cerita yang dipamerkan di dalam kaca TV itu menunjukkan macam mana polis itu dia glamor dan sebagainya. Jarang sekali kita menunjukkan anggota bomba ini, adalah sedikit, satu, dua cerita orang yang macam filem *Inferno* dan sebagainya menunjukkan macam mana orang bomba ini bertugas dan glamor dia orang, memadamkan api di hutan ataupun di bandar tetapi tidak dianggap begitu glamor tetapi glamor bomba ialah untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda, ini mesti dilihat. Nyawa mereka sendiri terkadai oleh kerana menyelamatkan harta benda orang lain.

Jadi, kena lihat semula gaji-gaji, struktur gaji bukan sahaja orang atasannya tetapi juga dilihat orang bawahannya, orang yang betul-betul akan memadamkan api atau penyelamat, berhadapan dengan buaya – kalau di Batang Lupar berhadapan dengan buaya pun ada, kalau di bandar mungkin ular, macam-macam lagi benda. Jadi, saya berharap pihak kerajaan akan melihat persoalan ini.

Tuan Pengerusi, yang ketiga yang saya hendak cadangkan di Sarawak itu sedikit sahaja bandarnya, yang banyak itu ialah luar bandar. Di luar bandar ini tidak mungkin kalau kawasan saya hendak diadakan, diwujudkan rumah-rumah bomba. Apa yang penting ialah bomba sukarela.

Saya sudah berbincang dengan Timbalan Menteri juga kepada pegawai-pegawai kerajaan, hingga sekarang ini hanya satu bomba sukarela diwujudkan di kawasan saya dengan bantuan kerajaan memberikan alat. Saya berterima kasih satu sahaja tetapi di kawasan saya mempunyai 100 buah kampung dan rumah panjang, macam mana satu bomba itu kalau diberi satu helikopter bolehlah angkat api dengan cepat sedikit tetapi sebelum helikopter datang rumah panjang pun sudah habis terbakar.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya meminta peruntukan yang ditetapkan diberi kepada tiap-tiap kawasan di luar bandar dan kawasan-kawasan yang strategik di luar bandar dengan penetapan daripada kementerian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bukan berlandaskan permohonan atau permintaan. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Bomba ini memang satu jabatan yang diperlukan dan dia memberikan khidmat kepada orang ramai tetapi kadang-kadang, setengah-setengah orang ramai tidak bertanggungjawab, mengganggu, mengacau bomba ini dengan panggilan-panggilan palsu. Jadi, soal panggilan palsu ini menjadi satu dilema kepada jabatan ini. Tengah-tengah malam yang sunyi dan kadang-kadang sengaja menelefon kepada jabatan bomba. Kadang-kadang ibu tunggal yang sunyi pun telefon kepada bomba ini, malam-malam ini. Jadi, apa agaknya ikhtiar kita hendak mengurangkan panggilan palsu daripada orang ramai ini?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Potong telefon.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Potong telefon kata seorang Yang Berhormat. Tetapi, kalau potong telefon, semua telefon di tiap-tiap tempat itu semua kena potonglah, dari rumah, dari pekan dan sebagainya. Tidak ada telefon lagi di negara kita Malaysia ini, tutuplah Telekom. Jadi, saya memang hendak menyentuh soalan panggilan palsu ini. Saya percaya beratus ribu satu tahun panggilan palsu yang bukan sahaja telah membuang masa dan duit kepada

pihak jabatan bomba, oleh kerana apabila panggilan palsu dibuat, bomba dan anggota dia akan berkejar ke tempat itu, bila sampai tidak ada kebakaran, tidak ada kemalangan dan tidak ada malapetaka yang hendak diambil tindakan. Jadi, ini mungkin sebagai satu benda yang ditertawakan oleh pihak yang membuat telefon sedemikian, tetapi adalah merugikan. Jadi, apa lagi Yang Berhormat? Silakan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, apa lagi Yang Berhormat? Silakan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik berhubung dengan unit bomba dan penyelamat sukarela ini kerana di tiap-tiap kawasan, ada ditubuhkan. Tahniah dan syabaslah kepada parti seperti MCA, SUPP. Tetapi DAP ini, apa dia buat? Minta penjelasan sikit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Selepas ini saya jawab soalan Yang Berhormat. Saya hendak habiskan jawapan saya dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Jadi.....*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Masa saya sudah habis?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, kena jawab Tuan Pengerusi. Ini masa Yang Berhormat bagi Larut yang saya hendak gunakan ini, jawab soalan dia. Yang Berhormat bagi Sri Gading mengatakan panggilan yang palsu ini, saya berharap kementerian atau jabatan mencari macam mana ada *monitoring* ataupun pemantauan yang boleh kita buat buat ataupun satu teknologi baru yang boleh kita cari, digunakan untuk memantau soalan panggilan palsu ini. Ini kerana panggilan palsu ini telah membuang masa dan tenaga dan juga telah menggugatkan kedudukan pihak-pihak bomba itu juga sendiri.

Kalau kita selalu menerima panggilan-panggilan palsu sedemikian, dengan sendiri apabila pihak bomba apabila menerima panggilan, dia akan berjaga-jaga. Dia selidik siapa nama yang panggil, daripada mana memanggil dan apa semua. Butiran-butiran ini dicari dahulu. Jadi ini melambatkan kerja dan ini juga akan menggugat ataupun mendatangkan masalah kepada masyarakat yang perlu kepada perkhidmatan apabila perkhidmatan itu memang perlu dikehendaki.

Sebagaimana Yang Berhormat bagi Larut itu sebutkan tadi, minta maaf Yang Berhormat, kerana dalam ini kalau kita tidak jawab, susah. Kawan keluar nanti susah, tanya saya kenapa tidak jawab? Jadi, dalam masalah bencana ini, masalah kita tidak ada parti politik, Yang Berhormat. Tidak ada sama ada SUPP, DAP ataupun PAS dan sebagainya. Apabila PAS dalam keadaan merbahaya, kita kena tolong juga. Pihak bomba kena berkejar ke tempat orang PAS, kalau orang ini minta tolong. Macam itu juga pertolongan diberi kepada pihak Barisan Nasional, begitulah akan diberi kepada DAP dan SUPP. Semua bagi sama. Saya menyeru supaya tidak ada perbezaan politik, persoalan untuk menyelamatkan sesiapa ini. Saya percaya pihak bomba tidak bertanya sama ada panggilan itu daripada SUPP ataupun DAP. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta maaf, lepas Bukit Mertajam, saya minta Menteri menjawab ya.

3.21 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jabatan bomba ataupun Balai Bomba Dan Penyelamat memang merupakan kemudahan asas yang penting. Saya sangat setuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat yang lain. Tidak kira mereka daripada pihak kerajaan ataupun pembangkang kerana yang kita dengar ini ialah kemudahan-kemudahan yang diberi kepada Pejabat Bomba Dan Penyelamat memanglah begitu kurang dan tidak sejajar dengan zaman ini.

Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah bahawa kita boleh menyelamatkan atau memberi peruntukan yang begitu banyak kepada PERWAJA dan juga menyelamatkan banyak syarikat-syarikat yang kepunyaan kroni tetapi ini kemudahan yang asas, kita tidak dapat memberi kepada rakyat yang memang perlu.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Temerloh bahawa di kampung-kampung, kampung baru di mana tidak ada langsung kemudahan seperti ini, tidak ada pili-pili bomba. Apabila berlakunya kebakaran, apa akan terjadi? Kita tidak boleh katakan *digital divide* dan kita katakan bahawa kita Barisan Nasional ini sangat prihatin kepada penduduk di luar bandar tetapi kita nampak pada hakikatnya kemudahan yang asas ini pun telah tidak disediakan ataupun tidak cukup disediakan.

Maka, apa hendak kita katakan *digital divide*. Ini pun pili bomba *divide* juga. Apa yang didapati di luar bandar, apa yang dibekalkan kepada bandar, ada begitu

jauh bezanya. Saya juga hendak memberitahu Dewan ini tentang keadaan di negeri Pulau Pinang juga kerana telah banyak kali kebakaran berlaku dan pili bomba didapati tidak berfungsi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain.

Kita juga dapati bahawa bilangan Balai Bomba dan Penyelamat tidak ditambah mengikut penambahan bilangan penduduk di satu-satu kawasan. Saya dapati bahawa di Pulau Pinang akan dibina satu balai bomba yang baru di Teluk Bahang. Ini memang sudah lama, banyak tahun telah dipohon, barulah sekarang diberi dan di Paya Terubong, ia merupakan satu kawasan kediaman yang baru, di mana begitu banyak bangunan ataupun taman-taman kediaman telah disediakan, telah diduduki juga tetapi tidak ada sebuah balai bomba di situ. Di kawasan saya Bukit Mertajam, pada dahulu ada sebuah balai bomba. Sekarang hampir era zaman yang baru pun, ada sebuah juga balai bomba. Pada hal, bilangan penduduk telah bertambah, berapa kali ganda.

Kami mendapati bahawa kerajaan menggalakkan mengadakan pasukan-pasukan bomba sukarela seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, saya pun menyanjung tinggi kepada ahli-ahli bomba yang sukarela ini. Di Bukit Mertajam juga apabila berlakunya kebakaran, pasukan bomba kerajaan belum sampai, pasukan bomba sukarela telah tiba di sana dan ini perlulah kita meninjau dan mengkaji apakah sebabnya mengapa ahli-ahli sukarela yang lebih berkesan daripada mereka yang makan gaji.

Saya juga mendapati bahawa pasukan sukarela ini tidak diberi peruntukan untuk membeli kereta bomba juga. Mereka perlu mencari wang untuk membeli kelengkapan-kelengkapan termasuk kereta bomba. Ini telah membebankan rakyat tempatan bahawa mereka telah membayar cukai. Membayar cukai itu termasuk untuk kerajaan membekalkan kemudahan-kemudahan asas termasuk kemudahan bomba dan penyelamat. Sekarang mereka sudah membayar cukai tetapi perlu juga mencari wang untuk menyelamatkan sendiri apabila berlakunya kebakaran, dan bukan sahaja mereka perlu mencari wang untuk membeli kelengkapan untuk membanteras kebakaran ini, mereka juga perlu mencari duit untuk menyediakan pusat-pusat dialisis. Mereka juga perlu mencari wang untuk membina sekolah dan mereka juga mesti mencari wang untuk membina tokong-tokong dan tempat-tempat kuil.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan ini walaupun mengatakan bahawa prihatin kepada rakyat dan mementingkan pembangunan luar bandar tetapi pada hakikatnya duit kerajaan dan duit rakyat banyak digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kroni dan juga untuk projek-projek yang mewah kerana projek yang mewah ada orang yang akan mendapat komisen yang banyak dan bukan projek-projek yang kecil di luar bandar.

Saya juga ingin...

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tampin berdiri hendak beri penjelasan.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, terima kasih.

Puan Chong Eng: Tidak ada masa lah ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya juga ingin memaklumkan...

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ...kepada Dewan ini bahawa pasukan bomba sukarela Bukit Mertajam telah mengambil inisiatif untuk memeriksa semua pili bomba di kawasan Bukit Mertajam dan terdapat lebih kurang 30% pili bomba ini tidak berfungsi, tidak boleh pakai.

Memorandum ini juga telah diberikan kepada Menteri yang berkenaan dan saya hendak tahu adakah tindakan telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini. Saya juga ingin merayu supaya pasukan sukarela ini jangan dibebankan juga mencari wang untuk membeli kelengkapan bahawa kelengkapan-kelengkapan ini perlulah disediakan oleh pihak kementerian dan kerajaan. Mereka telah mengorbankan masa mereka dan juga mungkin menghadapi apa-apa bahaya. Mereka perlulah dibekalkan dengan peruntukan untuk membeli kelengkapan yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin memberitahu khususnya di Kampung Macang Bubuk dan juga di kampung-kampung di kawasan Juru, Bukit Mertajam bahawa bukan sahaja tidak ada pili-pili bomba tetapi juga tekanan air di sana sebab begitu rendah, penduduk di sana telah lama mengadu tetapi masih tidak ada

sebarang tindakan diambil dan saya merayu supaya kemudahan-kemudahan asas ini diberi terlebih dahulu sebelum kita menyediakan projek-projek mewah ataupun kita memberi komputer di tempat-tempat atau kampung-kampung yang tidak ada bekalan letrik, apa gunanya. Inilah yang lebih penting.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta kementerian menjawab.

3.30 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan ini untuk membahas perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian saya khususnya berkaitan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan telah menyentuh beberapa perkara dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang berucap adalah Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Tanah Merah, Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, Yang Berhormat bagi Batang Lupa dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, mereka sama-sama ada menyentuh tentang bomba sukarela.

Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi sedikit-sebanyak maklumat kepada Ahli Yang Berhormat mengenai tajuk ini iaitu bomba sukarela. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bomba sukarela n memang seperti namanya ialah pasukan yang ditubuhkan secara sukarela oleh rakyat khususnya di dalam kampung atau di luar bandar di mana mereka berminat untuk menubuhkan pasukan itu supaya mereka boleh menolong menguruskan perkara-perkara yang berlaku apabila ada berlakunya kebakaran.

Tuan Pengerusi, pasukan bomba sukarela ini, peranan mereka ialah sebagai pasukan secara sukarela untuk cuba menolong pihak-pihak anggota yang beruniform untuk mencegah kebakaran. Sebenarnya peranannya yang terbesar ialah untuk menjadi *front liners*, dengan izin, iaitu anggota-anggota yang boleh sampai ke tempat kejadian kebakaran supaya mereka boleh memberikan satu penilaian yang dahulu kalau dapat menggunakan alat-alat yang mereka sedia ada untuk cuba melawan api

tetapi mereka tidak diminta bertindak sebagai pasukan yang beruniform iaitu mereka perlu masuk ke tapak-tapak kebakaran yang berkenaan supaya mereka mengadakan risiko yang tinggi terhadap nyawa mereka.

Mereka juga diminta untuk cuba mengawal orang ramai yang selalu berkumpul di tempat-tempat kejadian kebakaran supaya ada satu keadaan yang terkawal dan apabila pasukan beruniform itu sampai ke tapak itu, pasukan yang beruniform itu boleh bertindak secara bebas, tidak ada gangguan daripada orang ramai. Oleh sebab itu, maka apabila pasukan bomba sukarela ini ditubuhkan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memberi latihan yang kita rasa cukup atau memadai untuk mereka bertindak dalam peranan yang saya sebutkan tadi.

Mereka tidak dilatih sebagai pasukan beruniform dan oleh sebab itu, maka kelengkapan yang diberikan kepada pasukan-pasukan bomba sukarela ini adalah memadai untuk menjalankan peranannya dan tidak seperti anggota bomba yang beruniform. Daripada peranan itu, maka pasukan ini diberi pam angkut di mana mereka boleh gunakan pam angkut ini yang senang diangkut ke tapak kebakaran dan menggunakan pam itu untuk cuba melawan kebakaran yang mana mereka mampu dan tidak digalak untuk memasuki tapak atau bangunan tersebut supaya jangan sampai nyawa mereka terancam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, ahli-ahli pasukan bomba sukarela ini sebab mereka ditubuhkan dengan prinsip sukarelawan maka mereka tidak dibayar gaji atau diberi kemudahan-kemudahan seperti bayaran wang ringgit seperti yang diterima oleh anggota bomba beruniform. Sebab itu kita cuba dalam kementerian ini menyediakan alat-alat yang kita rasa memadai untuk menjalankan peranan mereka. Dan sekali lagi saya hendak terangkan mereka tidak diminta berfungsi sebagai pasukan beruniform. Walau bagaimanapun, saya memang faham dan sedar...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, nanti saya habis dulu ya. Walau bagaimanapun, saya sedar dan faham memang ada pasukan bomba sukarela seperti di Kuala Kedah, tadi MP dari Kuala Kedah ada menyebutkan pasukan bomba sukarela di Kuala Kedah. Memang betul Yang Berhormat, pasukan bomba sukarela itu yang dalam perhatian saya ialah antara pasukan bomba sukarela yang terbaik di seluruh negara. Sebab anggota-anggota pasukan itu berminta dan rela untuk

mengutip derma dari orang ramai di Kuala Kedah dan lain-lain tempat supaya mereka boleh membiayai aktiviti-aktiviti mereka seperti latihan, anjuran untuk sebagai satu persatuan mereka boleh pergi melawat headquarters atau ibu pejabat bomba di Kuala Lumpur dan sebagainya. Mereka minat, mereka ingin hendak belajar. Dan saya rasa itulah sikap yang kita hendak pupuk kepada semua bomba sukarela ini di seluruh negara supaya mereka boleh secara sukarelawan cuba bertindak meminta rakan-rakannya bekerjasama minta rakyat yang di dalam kawasannya memberi sokongan dari segi wang ringgit dan sebagainya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Kita tahu setiap yang sukarela itu adalah merupakan kerja sukarela tetapi masalah keselamatan, ancaman kebakaran Yang Berhormat, waktu kecil menjadi kawan, besar menjadi lawan. Dia tidak kenal lelaki perempuan, tidak kenal kerajaan dan pembangkang. Yang saya maksudkan di sini apa salahnya kalau disediakan elaun-elaun khas kepada mereka yang terbabit dalam badan-badan sukarela bomba dan penyelamat ini sebagaimana yang dibuat oleh kerajaan kepada askar-askar wataniah sebagai contohnya dan juga badan-badan lain. Kerana kita tahu hari ini, tahniah dan syabas kepada kementerian dan juga Kementerian Pendidikan kerana di sekolah pun telah mula ada briged atau kumpulan bomba dan penyelamat yang digalakkan sebagai kokurikulum di peringkat sekolah. Tadi Yang Berhormat mengatakan di Kuala Kedah merupakan salah satu yang terbaik. Adakah yang terbaik sewaktu wakil hari ini atau wakil sebelum ini? Minta penjelasan sedikit sebab ada kutip derma tadi. Minta penjelasan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasukan bomba sukarela di Kuala Kedah itu sudah lama ditubuhkan, sudah bersejarah, bersejarah. Dan sampai hari ini mereka mampu untuk membeli kereta bomba dari Jepun secara sukarelawan. Saya hendak pujilah pasukan seperti itu. Ada juga banyak lagi pasukan-pasukan yang bersifat macam itu di Kuala Selangor umpamanya, di Benut, Johor umpamanya. Banyak lagi pasukan-pasukan yang mereka mampu menjalankan tugasnya dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak sebut Kulai ya.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Pulai ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kulai, Kulai.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Kulai ya. Ada juga. Betul tanyalah Yang Berhormat Timbalan Speaker kerana ada satu pasukan yang saya rasa amat aktif di Senai.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kementerian Yang Berhormat bercadang memberi insurans kepada pasukan bomba sukarela bahawa jika berlaku apa-apa kemalangan mereka ada di dalam perlindungan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okey, terima kasih. Sebenarnya saya akan menjawab perkara ini sebab ini juga disentuh oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk cuba mempertingkatkan lagi skim perkhidmatan bomba sukarela ini kementerian telah menubuhkan satu pasukan petugas (task force) untuk meneliti skim pasukan bomba sukarela ini supaya kita boleh mengambil satu gambaran yang menyeluruh supaya kita dapat memberi satu rangsangan kepada ahli-ahli pasukan bomba sukarela dari segi pakaian seperti yang disebutkan tadi iaitu uniform, safety boots, dengan izin, helmets dan insurans. Dan kalau kita mampu juga kita akan cuba meneliti sama ada pasukan bomba sukarela ini boleh diserapkan dalam satu skim bomba bantuan iaitu di mana mereka boleh katakan separuh kerja dan separuh sukarela.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batang Lupar bangun.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, nanti sekejap saya habiskan. Memang Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian adalah memang betul sampai sekarang pun kita memberi sokongan dan kerjasama kepada pasukan-pasukan ini tetapi masih belum memuaskan. Kita cuba mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan daripada pasukan-pasukan bomba sukarela ini khususnya di luar bandar, di skim FELDA, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi di rumah panjang dan sebagainya. Kita rasa perlulah kita memperluaskan skim. Kita perlu juga skim ini diberi pengiktirafan oleh pihak kerajaan supaya mereka boleh dilayani dari segi peruntukan dan sebagainya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Datuk. Saya hendak tanya satulah. Apakah kriteria supaya bomba sukarela ini dipanggil yang terbaik, yang baik ataupun bagaimana. Oleh kerana Datuk kata tadi boleh beli

kereta daripada Jepun dan sebagainya. Kalau di luar bandar, Datuk, saya minta maaf kalau di rumah panjang dan di luar bandar tidak berkemungkinan kita berkemampuan hendak kumpul duit daripada masyarakat di kampung hendak beli kereta. Jadi ciri kebaikan bomba ini bukan beli kereta, saya ingat menolong orang dalam keselamatan dan kesusahan. Jadi ciri ini sepatutnya diperjelaskan yang mana satu bomba yang boleh dikatakan baik, yang mana yang tidak baik. Kalau di Sebuyau memang kita tidak mampu hendak beli kereta atau kapal terbang tetapi saya ingat prestasinya patut dinilai daripada segi prestasi menolong dan menyelamatkan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya rasa cadangan yang membina, konstruktif yang kita akan menimbang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua lagi, Yang Berhormat bagi Larut dan Tebrau.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat bagi Larut.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat bagi Larut banyak kali.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, walaupun tadi Yang Berhormat tidak menyentuh fasal insentif elaun untuk menarik lebih ramai yang bertanggungjawab dalam badan-badan sukarela tetapi kita tahu salah satu punca kebakaran ini ialah *wiring* dengan izin pendawaian. Saya ingin tahu sistem di Parlimen ini kerana sebagai sebuah bangunan yang terpenting, pembuat dasar penggubal saya ingat sudah tiba masanya satu unit bomba dan penyelamat disediakan di kawasan Parlimen ini. Kerana macam-macam boleh berlaku maklum sahajalah semua penggubal dasar negara ada di sini termasuk pemerhati. Ini satu perkara yang serius Yang Berhormat.

Jadi selanjutnya saya ingin bertanya satu akta berhubung dengan bangunan-bangunan dan pusat tempat-tempat kediaman sama ada diwajibkan tempoh pendawaian *wiring* dengan izin, dan juga alat-alat pemadam api ini. Kalau perlu di rumah disediakan, disediakanlah kerana cukup mustahak Yang Berhormat. Maklum sahajalah soal kebakaran ini sebagaimana yang kita sering perkatakan bila besar dia menjadi lawan. Kadang-kadang kita asyik berceramah seperti pembangkang,

kita lupa tanggungjawab kita untuk menyelamatkan nyawa, kerana ini adalah lebih penting. Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, mengenai insentif ini memang kita buat masa sekarang, memang kita ada menyediakan insentif tetapi bukan berbentuk wang ringgit. Sekarang kita pun ada insentif, insentif daripada segi pingat, daripada segi kita membuatkan satu majlis untuk mengumumkan mereka sebagai ahli bomba sukarela. Seperti yang kita buat dalam Hari Bomba setiap tahun. Kita hendak mengkaji balik macam mana kita hendak mewujudkan satu skim yang lebih menarik dan menyeluruh supaya pasukan bomba sukarela ini akan dilihat sebagai satu pasukan yang efektif di masa yang akan datang. Mengenai *wiring* ini memang kita, buat masa sekarang dengan undang-undang yang sedia ada memang memadai untuk mengawal perkara-perkara ini dan kementerian saya tidak ada cadangan untuk meminda akta-akta mengenai perkara *wiring* yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, pasukan sukarela bomba ini secara sukarela dan kerajaan pun telah menyebut untuk memberikan jalan untuk membantu memberi uniform, alat-alat dan sebagainya. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, ini masalah tempat hendak membina balai bomba, peruntukan payah hendak dapat. Banyak tempat meminta balai bomba di kawasan yang begitu pesat membangun, di mana hendak menyuruh membina balai bomba ini cukup payah. Boleh tidak kerajaan memberi peruntukan khas untuk membina sebuah balai yang kecil, bukan balai bomba untuk memberi peluang kepada pelatih-pelatih bomba sukarela ini, ada tempat dia mungkin di masa petang di mana dia ada tempat untuk berhimpun, berjumpa berlatih daripada segi praktikal dan juga teori.

Jadi kerajaan dapat menyediakan sedikit peruntukan, kalau tidak nanti ia tidak ada tempat, sudahlah uniform pun payah hendak dapat, kadang-kadang dia meminta bantuan wakil rakyat kena mengeluarkan peruntukan. Jadi yang ini saya ingat kerajaan boleh mempertimbangkan, Yang Berhormat setuju ya.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ok.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sila jawab setuju.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, cadangan ini juga baik sebenarnya kita memang sudah ada, yang saya sebut tadi kita hendak mengkaji skim ini dan antara perkara-perkara yang kita akan cuba laksanakan di masa akan datang ialah stesen

bomba. Kita akan mewujudkan lebih stesen yang kecil iaitu di mana-mana ada tempat risiko yang besar. Kita akan membuat stesen yang kecil supaya stesen ini boleh dijaga atau pasukan bomba sukarela ini boleh ditempatkan dengan segelintir kecil pasukan yang beruniform yang bekerjasama dalam satu keadaan stesen yang kecil itu.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak menyentuh juga tentang balai-balai bomba yang disebut oleh Yang Berhormat tadi seperti kelengkapan yang ada di dalam balai ini tidak cukup, kereta bomba, tangga berputar itu tidak berfungsi dan sebagainya. Ini memang kita ambil perhatian tentang perkara ini apabila kita ada *feedback* daripada pihak rakyat ataupun pihak Yang Berhormat sekalian, kita memang mengambil tindakan untuk mencuba membetulkan mana-mana kelembapan atau mana-mana yang kita rasa masih perlu dipertingkatkan lagi, kita sememangnya mengambil tindakan. Daripada segi peruntukan, ini saya berterima kasihlah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana saya rasa semua yang bercakap tadi pun menyokong untuk kementerian saya mendapatkan lebih peruntukan supaya kita boleh membina lebih balai bomba di seluruh negara, peruntukan bagi membeli kereta bomba dan juga alat-alat yang kita perlukan.

Memang saya akui ada tempat-tempatnya balai bomba itu masih usang dan perlu diubahsuaikan dan diberikan alat-alat pemadam api dengan lebih baik, kereta bomba yang lebih canggih dan sebagainya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ini kita akui memang kita tidak pernah berkata di seluruh negara balai-balai bomba kita memang lengkap dengan semua peralatan. Kita tidak menyebutkan macam ini tetapi dalam masa yang sama kita perlukan peruntukan yang lebih banyak. Kalau ada peruntukan, saya rasa kita tidak ada masalah untuk membina lebih lagi balai-balai bomba dan membeli alat-alat yang lebih canggih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Persoalan yang timbul sekarang ini adalah saya melihat kepada satu kajian yang dibuat terhadap bomba ini sendiri, di mana bomba ini dia ada *international guide line* dia dan kajian yang dibuat di Malaysia antara 50% hingga 86% bomba ini atau pun *fire truck* ini dia sampai lewat daripada apa yang diperlukan di dalam *international guide line, between 50% to 86%* Tuan Pengerusi, minta maaf. Ini suatu yang begitu tinggi dan telah pun ada kajian dibuat dan telah pun diberikan kepada kerajaan, sedangkan peruntukannya terlalu amat sedikit.

Saya ambil beberapa contoh yang ada di sini, daripada 160 stesen yang dikaji, 146 daripada stesen bomba ini tidak ada *fire truck* yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki oleh *international guide line* dan 65% daripada 160 stesen ini hanya ada satu *fire truck*. Satu lagi 264 biji *fire truck* ini ataupun 65% daripada *fire truck* di negara kita berusia lebih daripada sepuluh tahun sebagaimana Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah sebut.

Ini telah pun diketahui oleh kerajaan kerana ada kajian, fasal kajian yang dibuat dan diserahkan kepada kerajaan terhadap perjalanan bomba ini sendiri dan permintaan bomba lebih daripada 6B dan ini satu perkara yang begitu penting dari segi kerugian yang kita terpaksa alami, bukan sahaja kerugian harta benda tetapi nyawa. *We are talking about*, kita bercakap tentang nyawa manusia di sini dan saya ingat kerajaan kena menilai balik peruntukan yang diberikan terhadap bomba ini sendiri. Kalau sekadar jawapan kita memang perlu peruntukan banyak tetapi tidak memberikan peruntukan, sedangkan telah ada kajian-kajian yang dibuat di negara kita terhadap perjalanan bomba di negara kita sendiri, ini tidak akan menyelesaikan masalah di negara kita walaupun telah ada kajian-kajian yang telah dibuat sendiri.

Saya minta penjelasan dengan kajian-kajian dan cadangan-cadangan yang dibuat kepada kerajaan sendiri terhadap peningkatan *effectiveness* bomba ini sendiri. Jadi kalau boleh pihak kerajaan memberikan perhatian yang khusus kepada nyawa manusia dalam hal ini, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, ingin saya sebut di sini kalau kita hendak ubahsuaikan atau kita hendak naik taraf pasukan bomba atau Jabatan Bomba dan Penyelamat di Malaysia ini sampai ke *international standard* yang you sebut tadi, saya rasa kita kena banyak bilion lagi untuk mencapai hasrat itu tetapi kita mestilah fikir yang lain-lain pihak pun kena diberikan peruntukan. Oleh sebab itu maka dalam kementerian ini kita memang cuba dengan apa yang diluluskan oleh

pihak kerajaan, kita cuba meningkatkan keupayaan kita supaya kita boleh meningkatkan tahap perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang bercakap dengan pihak Treasury untuk mendapatkan lebih lagi peruntukan daripada yang diluluskan sekarang supaya kita boleh membeli lebih alat-alat kebombaannya. Helikopter yang hari ini luluskan itu, itupun satu langkah yang kita ambil untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Pasukan Bomba dan Penyelamat di Malaysia dan kita haraplah apabila kita ada tambahan-tambahan seperti ini yang kita bahaskan petang ini, Yang Berhormat sekalian akan beri sokongan, jangan bantah tetapi sebaliknya beri sokongan yang padu supaya kita dapatkan peluang-peluang untuk mendapatkan peruntukan yang lebih.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: *[Bangun]*

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi ada menyatakan mengenai peruntukan-peruntukan yang dipohon oleh pihak kementerian bagi jabatan ini. Pihak kita walaupun tidak berpeluang untuk berbahas memang menyokong permohonan ini. Saya ingin tanya pihak Timbalan Menteri dan Kementerian khususnya, setiap tahun kita melihat, meninjau bahawa Jabatan Bomba sebenarnya telah lama tahun demi tahun untuk memohon peruntukan-peruntukan sesuai dengan keperluan jabatan.

Namun demikian, tindak balas dari pihak Kementerian Kewangan begitu sejuk sekali di mana tidak sampai kepada 50% daripada yang dipohon itu diberi setiap tahun. Saya ingin bertanya bagi Rancangan Malaysia Kelapan, walaupun ini belum diumumkan, pihak kita difahamkan RM8 juta permohonan. Bagaimana pendekatan pihak Kementerian Kewangan, adakah dalam pandangan Timbalan Menteri mereka akan memberi tindak balas yang lebih positif dari masa-masa yang lampau ataupun seolah-olah masalah bomba ini dan keperluan mencegah kebakaran ini tidak penting kerana sekadar 30% daripada yang dipohon setiap tahun diberi. Kenapa ini terjadi dan apa tindakan untuk memberi keyakinan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk membekal apa yang sebenarnya perlu. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, mengenai RMK8 ini saya tidak dapat memberi angka-angka di sini tetapi saya minta Yang Berhormat sabarlah, minggu hadapan kita akan membahaskan perkara ini dan saya rasa Yang Berhormat

boleh ambil kesempatan itu untuk meneliti jumlah peruntukan yang diperolehi oleh Kementerian saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pokok Sena.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sedikit ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Datuk, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa kalau kita hendak sampai kepada peringkat *international standard*, kita memerlukan banyak bilion dan ini sudah tentu tidak mampu dibiayai kerana kita ada lagi kementerian-kementerian yang lain yang memerlukan tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa sememangnya untuk Jabatan Bomba ini kita perlu walaupun satu jumlah yang lebih besar kerana kepentingan untuk menjaga harta benda dan bukan sekadar harta benda tetapi nyawa manusia sebab kita tengok di sini.

Saya percaya bahawa Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya pada hari ini. Dalam Perbekalan Tambahan yang akan kita luluskan dalam sidang ini, satu perbezaan yang sangat jelas, jurang yang terlalu jauh, antara peruntukan kepada bomba yang berjumlah RM45 juta dengan peruntukan kepada Tajudin Ramli [*Tepuk*] RM1.2 bilion hanya untuk hendak menyelamatkan kehidupan seseorang iaitu Tan Sri Tajudin Ramli sedangkan untuk harta benda manusia, untuk harta benda Yang Berhormat, untuk nyawa Yang Berhormat, untuk nyawa kita semua, harta benda kita hanya RM45 juta. Ini satu jurang yang sangat berbeza yang menunjukkan bahawa kerajaan tidak serius. Sebab itu saya minta supaya kementerian Yang Berhormat lebih serius untuk memastikan sejumlah peruntukan yang lebih besar untuk kepentingan seluruh masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, kalau kita hendak bahas tentang soal menyelamatkan nyawa dan sebagainya, pihak tentera, pihak polis, pihak hospital dan sebagainya, semua ini ada agensi-agensinya untuk menyelamatkan nyawa dan mereka juga perlu ada peruntukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau kita tengok statistik kehilangan nyawa akibat kebakaran. Saya rasa di Malaysia sekarang, kita bukan dalam tahap yang tinggi dalam perkara ini. Saya rasa kalau kita hendak sokong pejabat ini supaya pejabat ini lebih berkesan, saya puji Yang Berhormat tetapi jangan kaitkan

perkara ini sebab kita lalai atau kita tidak memberikan kepentingan, ini tidak ikhlas, Yang Berhormat, tidak ikhlas.

Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat sekalian, akhir sekali saya hendak cakap tentang skim gaji yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batang Lupar ini....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan minta laluan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Memang ini adalah satu perkara yang kita sudah kaji.

Tuan Lim Hock Seng: Dia kata akhir sekali, Tuan Pengerusi, tetapi semua Yang Berhormat ada menyentuh pili-pili bomba, langsung tidak jawab pili-pili bomba.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okay, okay,

Tuan Lim Hock Seng: Ha, jangan cakap akhir sekali, janji punya pasal. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mungkin akhir sekali juga termasuk pili-pili bomba *[Ketawa]*

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Saya hendak sebutkan skim gaji ini. Skim gaji ini memang kita sudah ada satu kajian tentang skim gaji ini sebab kita tahu dan kita sedar hari ini pihak anggota bomba menghadapi masalah-masalah yang lain kalau banding dengan masa 60-an atau 50-an sebab sekarang setiap anggota ini disifatkan *multiskill* dan oleh sebab itu maka kementerian saya akan cuba sedaya upayanya menyokong kajian skim ini supaya elaun-elaun yang spesifik, yang khas bagi anggota bomba ini boleh diluluskan dengan segera supaya kita boleh memberikan anggota bomba ini satu rangsangan sebab kita tahu mereka hari ini bukan mudah hendak kerja sebagai satu anggota bomba. Kalau kita dahulu anggap ahli bomba ini goyang kaki sahaja di balai, tunggu ada kebakaran, hari ini lain. Dia kena bertindak apabila ada kemalangan, mereka kena bertindak kalau ada masalah-masalah untuk menyelamatkan seseorang yang menghadapi bencana dan sebagainya.

Okey. Akhir sekali, pili bomba ini, ya, tidak ada lain lagi, pili bomba, ya. *[Ketawa]* Pili bomba ini, Yang Berhormat, kita memang sudah ada satu peruntukan khas ditubuhkan untuk jaga perkara-perkara pili bomba yang tidak berfungsi. Pili-pili bomba yang

Dato' Yap Piau Hon: *[Bangun sambil ketuk pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sekejap, sekejap, ya. Pili-pili bomba yang sudah usang, sudah lama, sebab dia ditanam di bawah jalan-jalan yang sudah *direpair* dan sebagainya. Kita sekarang sudah ada satu peruntukan khas, di mana pihak Jabatan Bomba akan menjalankan tugasnya menggunakan peruntukan-peruntukan ini.

Walau bagaimanapun, peruntukan ini bukan sangat besar, sebab kita tahu juga ada lain-lain unsur yang dalam peruntukan ini, perbelanjaan ini yang kita perlu beri *priority* yang lain. Oleh sebab itu, saya rasalah, Yang Berhormat, kalau ada pili-pili bomba yang berdekatan dengan kawasan anda dan tidak berfungsi, beri laporan kepada....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: ... balai yang berdekatan supaya kita boleh ambil tindakan yang segera. Kalau dahulu, pihak bomba tidak ada peruntukan untuk menyalurkan kepada JBA tetapi hari ini kita bolehlah, walaupun wang ini tidak terlalu banyak, tetapi ada peruntukan untuk menyalurkan kepada JBA supaya mereka boleh memasang pili bomba baru.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Serdang dahulu.

Dato' Yap Pian Hon: Nanti dahulu, minta maaf, Serdang dahulu. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi soalan saya tadi masih belum jawab walaupun akhirnya – jadi, pentingnya bilakah Balai Bomba Sri Kembangan akan berfungsi dan akan berkhidmat kepada rakyat di kawasan itu dan bolehkah tempat itu dijadikan latihan kepada pasukan sukarela di Sri Kembangan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasihlah, saya memang ada jawapannya tertulis di sini – okey, saya baca, ya. *[Ketawa]* Balai Bomba Sri Kembangan di jangka mula beroperasi sepenuhnya pada Julai tahun ini. *[Disampuk]* Ha! Okey. Dan, kita bolehlah gunakan tempat itu untuk melatih pasukan-pasukan bomba sukarela.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Akhir sekali.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, terima kasih, Yang Berhormat. Pasal pili bomba ini, saya terima kasihlah kerana Yang Berhormat menjelaskan tadi bahawa ada unit khas yang hendak menjaga, memantau tentang

soal pili bomba yang rosak tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa setakat 15 Mei 2000, sebanyak 1,541 pili bomba yang rosak di seluruh negara. Maknanya, [*Disampuk*]yang tidak dibaiki. Dan, apa yang saya hendak sebut di sini bahawa mengikut apa yang tercatat di dalam butiran Projek 00400 ini, peruntukan ini hanya diminta kerana setelah ditegur oleh Ketua Audit Negara.

Maknanya kalau Ketua Audit Negara tidak tegur, tidak mencatatkan di dalam laporannya, ini bermakna seolah-olah Jabatan Bomba tidak akan mengambil apa-apa tindakan. Seolah-olahnya begitu. Jadi, sebab itu saya mengharapkan supaya untuk pada masa yang akan datang pihak Jabatan Bomba di bawah kementerian Yang Berhormat tidak sepatutnya menunggu apa-apa teguran daripada mana-mana pihak tetapi mestilah ada satu unit untuk memantau, buat *check-list* terhadap mana-mana pili bomba yang rosak.

Di samping, saya mengharapkan supaya satu bentuk program pendidikan untuk rakyat, untuk orang ramai, untuk masyarakat perlu diberi. Sebab itu saya juga ingin menegur pihak Jabatan Bomba kerana apabila ada parti-parti politik khususnya PAS, kita membuat program-program yang berkaitan dengan soal Hari Keluarga, Hari Masyarakat dan sebagainya, kita panggil pihak bomba untuk memberikan ceramah ataupun taklimat tentang keselamatan daripada kebakaran ini, pihak Jabatan Bomba tidak bersedia memberikan kerjasama, sedangkan kami berusaha untuk mendekati pihak Jabatan Bomba dengan masyarakat, sebagai sumbangan kami kepada masyarakat.

Jadi, saya mengharap untuk ke hadapan ini, janganlah kerana program-program tersebut dianjurkan oleh parti politik lalu pihak Jabatan Bomba atau pihak kementerian kerana takut nanti dilihat pengaruh PAS, pengaruh parti-parti Barisan Alternatif ini akan berkembang, lalu mereka tidak memberikan kerjasama. Ini satu sikap yang tidak baik.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, mengenai pili bomba ini, memang setiap kali kita ada soalan di dalam Parlimen, ada perbahasan di dalam Parlimen, kita memang catit fakta-fakta tersebut. Pegawai-pegawai saya sekarang di belakang sana, mereka memang catit apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat di sini. Semua ini adalah kita anggap sebagai *feed-back* daripada rakyat dan kita gunakanlah *feed-back* ini untuk memperluaskan skim kita, untuk mendapatkan peruntukan dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya rasa, hari ini kita patutlah merasa

bangga sebab kita dapat peruntukan untuk memperbaiki dan juga memasang pili-pili bomba yang sudah usang dan sudah rosak.

Mengenai tindakan oleh rakyat sekalian, memang kita ada skim, Skim Pili Angkat, *adoption scheme*, dengan izin. *[Disampuk]* Pili anak angkat. *[Disampuk]* *Scheme adoption*, *[Ketawa]* di mana pihak JKK, di peringkat kampung atau di peringkat kawasan perumahan, mintalah kerjasama dengan kita dan juga kita juga minta pihak bomba sukarela supaya mereka bekerjasama dengan pihak jabatan supaya meneliti mana-mana pili bomba yang sudah rosak.

Setakat itu sahajalah, Tuan Pengerusi, yang saya boleh jawab. Dan, akhir sekali saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian. Dalam hati saya, terima kasih sebab hendak sokong peruntukan tambahan dalam kementerian ini khususnya dalam tajuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM180,700 untuk Maksud B.15; dan RM2,961,400 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM180,700 untuk Maksud B.15; dan RM2,961,400 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.14; dan RM41,540,751 untuk Maksud P.16 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.14 dan RM41,540,751 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada usul, ya.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.45 malam dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan."

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.45 malam dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan."

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2001] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

4.16 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam Maksud P.17 Kementerian Belia dan Sukan di bawah Butiran 01800 – Penyediaan Sukan Komanwel di mana RM60 juta dikehendaki untuk membuat pembayaran kepada Syarikat United Engineers Malaysia Berhad bagi Projek Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Nampaknya kalau untuk syarikat-syarikat kroni begitu senanglah, wang pun diperuntukkan begitu banyaklah berbanding dengan keperluan-keperluan asas yang dikehendaki oleh rakyat.

Oleh kerana tidak ada butiran yang lanjut mengenai 01800 ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai butiran-

butiran ataupun perkara-perkara yang berhubung dengan perbelanjaan ini iaitu mengapa tambahan sebanyak RM60 ini dikehendaki untuk membayar Syarikat United Engineers Malaysia. Sama ada pembayaran ini adalah termaktub ataupun terkandung dalam syarat-syarat dalam perjanjian *concessionaire* antara kerajaan dengan Syarikat United Engineers. Mengapa peruntukan ini dikeluarkan melalui Kementerian Belia dan Sukan dan bukan melalui Kementerian Kewangan.

Saya juga ingin tahu berapa banyakkah sudah dibayar kepada Syarikat United Engineers bagi Projek Kompleks Sukan Negara ini dan berapa banyak lagi, kalau ada, kena dibayar kepada Syarikat United Engineers Malaysia bagi Projek Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, sebab apa yang saya fahami bahawa bukannya mengikut perjanjian di antara kerajaan dengan Syarikat United Engineers, Syarikat United Engineers ini ditawarkan tapak Stadium Negara dan Stadium Merdeka sebagai satu gantian untuk Syarikat United Engineers membuat atau membina Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil.

Saya ingin tahu apakah perkembangan dari segi pembangunan tapak Stadium Negara dan Stadium Merdeka yang harus dijalani oleh Syarikat United Engineers. Saya juga difahamkan bahawa baru-baru ini, kerana masalah kewangan seperti lain-lain syarikat penswastaan kemungkinan tapak ini pun akan dijual kepada syarikat-syarikat yang lain. Saya tidak faham bahawa seringkali kita mendengar pihak kerajaan melaung-laungkan kejayaan penswastaan, tetapi apa yang dibangkitkan oleh pihak sini adalah penswastaan yang selama ini cuma membebankan rakyat di mana apabila sesuatu projek penswastaan gagal, akhirnya pihak kerajaan perlu menggunakan wang rakyat untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang menghadapi kesulitan kewangan apabila menjalankan projek-projek penswastaan mega, mewah dan raksasa.

Jadi, apabila kerajaan menyatakan bahawa penswastaan akan jimatkan wang rakyat, mengapa peruntukan-peruntukan tambahan perlu diberikan kepada Syarikat United Engineers di bawah butiran ini. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi penjelasan yang munasabah kepada perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

4.20 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak beralih kepada satu permainan yang

begitu popular di negara dan di dunia dalam menyentuh tentang P.17 ini. Bola sepak di negara kita ini amat mengecewakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Tak nampaklah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ada kaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, P.17 yang kita bangkitkan adalah berkaitan dengan institut kemahiran...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada kaitan dengan sekolah kemahiran, pusat kemahiran...*[Disampuk]* Ya, ada kaitanlah...ada kaitan dengan stadium kerana stadium ini sebahagiannya digunakan untuk permainan bola sepak.

Biar kita beralih pula daripada isu politik kepada sukan. Dulu permainan bola sepak ini begitu diminati dan pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh FAM ini saya hendak bertanya kepada kementerian dan juga Majlis Sukan Negara, kalau ada sahaja pertandingan, orang Tampin pun datang ke Kuala Lumpur untuk menyaksikan, sampai tiket pun dijual di pasar gelap.

Hari ini, di Stadium Bukit Jalil itu, orang Sungai Besi pun tidak tengok...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, P. mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini...nak sampailah dia punya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, belum sampai. Jadi, tolong cepat sikit sampai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akan sampailah. *[Disampuk]* Tak sabar betul..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, Tidak apalah Tuan Pengerusi. Saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian kenapa pertandingan-pertandingan dan permainan ini dan mutu permainan ini jauh sudah merosot. Kita sedar bahawa negara kita sudah tidak ditakuti dan tidak digeruni oleh negara-negara lain dalam pertandingan peringkat wilayahkah, peringkat benuakah, jauh sekalilah di peringkat dunia kerana mutu permainan bola sepak kita ini begitu merosot. Dulu FAM menganjurkan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada berkaitan dengan butiran yang kita bangkitkan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, saya akan sampai Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin Yang Berhormat boleh bangkitkan semasa Rancangan Malaysia Kelapanlah. *[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kerana ada kaitan ini, kalau misalan....kerana saya fikir sukan bola sepak ini satu perkara yang menjadi perbualan rakyat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Topik memang baik, Yang Berhormat tetapi tidak kena.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:jadi saya bangkitkan di Dewan ini...apadia?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:...pada tempatnya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Sri Gading. Ha, sesat jalan Tuan Pengerusi tadi tetapi tidak apa, saya ingin meminta penjelasan. Memandangkan Yang Berhormat menceritakan tentang bola sepak di Bukit Jalil, jadi ada kaitan sikit-sikitlah.

Saya ingin tanya Yang Berhormat, memandangkan setelah Sukan Komanwel itu dilaksanakan, Bukit Jalil sebenarnya jarang-jarang digunakan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tanya siapa, Yang Berhormat?

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sri Gading. Saya minta jalan. Mahu membantu sedikit. Sebenarnya Stadium Bukit Jalil sana jarang-jarang digunakan secara keseluruhannya walaupun begitu besar peruntukan yang digunakan oleh kerajaan untuk membinanya. Jadi, dari sukan bola sepakkah atau apa pun tidak begitu banyak sekali. Bahkan rakyat yang datang untuk meninjau dan melihat acara-acara sukan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tidak begitu banyaklah dibandingkan dengan stadium yang kecil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat pun tidak ada kena mengena dengan tajuk.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jadi, penjelasan saya begini,...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payahlah.....

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak, saya mahu tanya dia Yang Berhormat bagi Sri Gading, memandangkan Kompleks Sukan Bukit Jalil yang meminta peruntukan RM17 juta untuk bayaran balik kepada UEM, adakah Yang Berhormat

bersetuju memandangkan stadium jarang-jarang digunakan, bagus benarkan rakyat untuk disewakan untuk membuat demonstrasi secara damai, secara *peaceful* sebab kita semua bersetuju memberi ruang kepada rakyat bersuara dan rakyat pun rela juga untuk bersuara melakukan demonstrasi secara tidak ganas tetapi yang *peaceful* atau damai, benarkan untuk digunakan tujuan itu, senang dikawal supaya kita nyanyi dan semuanya, bersetujukah Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Ketawa*] Jawapan yang tegas, tidak bersetuju kerana demonstrasi ini akan mengakibatkan kerosakan dan mungkin akan terbakar negara ini. Stadium yang diwujudkan kerana sukan dan sukan itu juga membawa kepada perpaduan, ia bercanggah dengan *nawaitu* atau niat asal stadium itu dibina, ia tidak bertepatan kalau hendak digunakan untuk demonstrasi kerana ia dibina untuk memupuk perpaduan kerana sukan itu sendiri sebenarnya ialah untuk perpaduan.

Jadi, Yang Berhormat bagi Bandau, saya tadi kata kita hendak bersukan, ia tetap juga hendak masuk dalam lapangan politik kerana parti pembangkang apa pun mesti hendak kait dengan politik, ya kalau dapat ia untung untungnya tetapi nampaknya setakat ini rakyat pun dapat menilailah semua hujah pembangkang yang hendak untung politik sebenarnya, sudah muak rakyat mendengar kerana alasan-alasan yang tidak berapa munasabah.

Tuan Pengerusi, jadi saya oleh sebab saya hendak bercerita tentang bola sepak sahaja sebenarnya pada petang ini kerana hendak mewakili golongan yang begitu minat tentang bola sepak kerana bola sepak hari ini sudah begitu merosot.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang ada peluang untuk Yang Berhormat berucap dalam perkara ini. ...

Tuan Haji Cik Ghani bin Che Ambak: Saya bantu. Boleh saya bantu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang ada peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi saya tengok tadi Yang Berhormat yang lain dalam isu yang lain, membangkitkan perkara yang lain pun dapat juga peluang, jadi saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tajuk yang tertentu. Jadi, sekarang Yang Berhormat...

Tuan Haji Cik Ghani bin Che Ambak: Tuan Pengerusi, boleh tanya sedikit,...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: boleh rujuk kepada P.17.

Tuan Haji Cik Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kalau saya melihat kepada Butiran 01800, berhubung dengan penyediaan Sukan Komanwel tambahan sebanyak RM60 juta kepada UEM ini, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang disebut oleh rakyat selama ini bahawa projek-projek besar diberikan kepada kroni, maka dengan peruntukan ini *confirm* bahawa memang jelas bahawa syarikat kroni yang memperoleh projek-projek begini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu istilah pembangkang. Kalau beri kepada seseorang dengan mudah sahajalah disebut kroni. Bagi sesiapa pun akan disebut kroni. Dalam melaksanakan pembangunan negara, kita kena memberi ataupun meng'*offer*' kan kepada pihak-pihak yang tertentu untuk membangunkan. Jadi, kerajaan yang memberikan peruntukan tidak dapat elak, kalau hendak mengikut kayu ukur pembangkang akan dituduh kroni, siapa sahaja yang dapat, akan dituduhkan kroni. Inilah modal parti pembangkang.

Kalau kita takut hendak berdepan dengan istilah ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya menjawab kepada Yang Berhormat bagi Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, Timbalan Menteri akan jawab nanti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, lambat sangat Timbalan Menteri menjawab, saya jawab dahululah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa. Nanti sekejap lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab. Cukuplah Yang Berhormat. Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri atau Timbalan Menteri lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri. Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukup? Saya belum sampai matlamat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa pun sudah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya patuh sebagai anggota Parlimen yang begitu baik, patuh atas arahan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Ya, Kepong. Selepas Kepong, Timbalan Menteri boleh menjawab. Kepong, sila.

4.29 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, secara ringkasnya P.17 ini ada terlibat dengan Institut Kemahiran Belia Negara.

Tuan Pengerusi, sukalah saya menanya Yang Berhormat, bilangan peserta di dalam institut-institut tersebut yang bermaksud untuk meningkatkan kemahiran di kalangan belia supaya mereka berupaya menyumbang secara produktif kepada ekonomi negara ini.

Yang Berhormat bagi Sri Gading, inilah yang dibincangkan sekarang, bagaimana kita melatih belia-belia kita pelbagai kaum untuk meningkatkan tahap produktiviti di dalam bidang ekonomi.

Tuan Pengerusi, sukalah saya menanya bilangan peserta dan sama ada ini bercorak pelbagai kaum ataupun satu etnik, dua etnik sahaja yang menyertai institut ini di dalam latihan kemahiran secara formal.

Dan ini memang saya boleh menyokong hal ini kerana kita perlukan lebih ramai bilangan belia yang mahir untuk memberi sumbangan kepada negara kita dan yang penting sekali saya hendak menanya, bagaimana pihak kementerian memantau prestasi latihan ini. Ini memang satu perkara yang penting, saya mencadangkan supaya kita ada kaedah yang efektif, yang berkesan untuk memantau segala kursus latihan di dalam beberapa bidang termasuklah bidang *motor mechanical*, bidang komputer pun ada saya diberitahu dan sebagainya, pelbagai bidang ini kita perlu ada kaedah untuk memantau semua ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai bayaran RM60 juta kepada UEM bagi projek Kompleks Sukan Negara. Sekarang sejak Sukan Komanwel kita, saya belum lagi dengar daripada Yang Berhormat akaun bagi sukan tersebut. Memang ada akaun mengenai syarikat-syarikat swasta yang terlibat dan sebagainya, memang ada akaun kita. Berapakah jumlah wang yang telah pun digunakan bagi projek kompleks sukan negara ini dan Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak ada, inilah masalah yang

kita bincangkan mengenai perbelanjaan dan akaun yang perlu dikemukakan untuk memastikan akauntabiliti bagi projek sukan tersebut.

Seterusnya, penyelenggaraan kompleks ini. Walaupun saya telah membangkitkan hal ini, saya nampak tidak begitu berkesan lagi daripada pelbagai aspek termasuk padang, struktur yang ada di kawasan kompleks sukan tersebut dan walaupun pihak Yang Berhormat pernah menjawab bahawa semua pun dalam keadaan terkawal tetapi saya nampak tidak. Ini masalah kita, bagaimana kita boleh meningkatkan penyelenggaraan bagi projek kompleks sukan negara kita.

Tuan Pengerusi, sebab kita belanjakan dengan banyak dan Yang Berhormat bagi Tanjong pun sebutkan jumlah wang yang digunakan untuk membina kompleks tersebut dan seterusnya kita mestilah menggunakan kompleks ini dengan sepenuhnya termasuklah menjadikannya satu destinasi sukan antarabangsa bagi atlet-atlet, ahli-ahli sukan daripada negara-negara beriklim sederhana supaya mereka pilih Malaysia, untuk datang ke kompleks sukan di Bukit Jalil untuk latihan, untuk promosi sukan dan sebagainya.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Bukit Jalil juga boleh dijadikan satu pusat bagi jurulatih daripada negara-negara yang beriklim sederhana kerana kita dengan iklim tropika, kita mempunyai suasana yang berlainan dan sering kali nampak di negara-negara seperti Amerika Syarikat, seperti negara China, mereka ada iklim yang sejuk, iklim yang sederhana dan iklim tropika. Dan bagi mereka tidak susah, mereka boleh melatih atlet-atlet mereka di dalam iklim yang ada di negaranya tetapi bagi kebanyakan negara-negara beriklim sederhana, mereka tidak mempunyai kawasan tropika. Dan itulah saya berharap Yang Berhormat boleh memberi tahu Dewan yang mulia ini, bagaimana pihak kementerian dapat meningkatkan destinasi ini supaya pihak ahli sukan dari negara-negara beriklim sederhana dapat menyertai.

Tuan Pengerusi, di Bukit Jalil juga saya nampak ada beberapa program, pelbagai program untuk membentuk barisan bakat muda. Setakat manakah kita dapat melaksanakan program-program seperti program persediaan atlet sukan Asia Tenggara.

Program bakat dan pembangunan sukan yang telah pun dijalankan dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan dan pihak saya membangkitkan hal ini kerana saya nampak dari masa ke semasa kompleks itu tidak digunakan dengan sepenuhnya. Kalau tidak diguna dengan sepenuhnya ini memang satu pembaziran,

pemborosan yang banyak dan walaupun pihak kerajaan sudah pun mengumumkan pelbagai program untuk membentuk barisan bakat muda di dalam bidang-bidang sukan yang tertentu, saya tidak nampak keberkesanannya.

Ada berita yang baik juga Tuan Pengerusi, termasuklah pencapaian kita setakat ini di dalam bidang badminton pun menggalakkan, memang menggalakkan. Ini menunjukkan ada sedikit kemajuan di dalam pihak kementerian untuk mengendalikan setengah-setengah sukan termasuk badminton.

Saya berharap prestasinya akan meningkat lagi dengan kerjasama semua pihak tetapi walau bagaimanapun, ada program-program yang lain yang saya hendak saksikan dengan tingkatkan usaha untuk menjayakan termasuklah Program Pembangunan Sukan Pilihan. Sukan ini kita gunakan Kompleks Bukit Jalil kita untuk melengkapkan atlet bagi Sukan Asia 2006 dan juga bagi Sukan Olimpik pada tahun 2008, walaupun beberapa tahun ke hadapan.

Saya berharap dengan penggunaan destinasi sukan ataupun pusat sukan di Bukit Jalil kita boleh menjayakan semua program yang telah saya sebutkan tadi dan sepatutnya pihak kementerian ada kaedah untuk memantau semua kerana masalahnya ialah keberkesanan untuk memantau semua aktiviti dan program yang bagi saya tidak begitu memuaskan. Walaupun Yang Berhormat akan menafikan kelak tetapi bagi saya, saya pun sangat prihatin kepada kemajuan dan perkembangan sukan di negara ini.

Jangan lupa itu, tiap-tiap hari saya ada baca sebab di dalam akhbar kita, Tuan Pengerusi, kalau perkara-perkara politik susah hendak kita mendalami, mendapat bayangan yang memaparkan keadaan yang sebenar tetapi bagi sukan lebih senang sebab itu halaman yang pertama – saya baca akhbar tempatan iaitu halaman sukan kerana inilah boleh membayangkan keadaan yang sebenarnya. Jangan Yang Berhormat kata kita tidak prihatin kepada aktiviti dan program sukan.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab soalan-soalan yang telah saya bangkitkan termasuk kaedah pemantauan institut kemahiran dan juga usaha untuk mempertingkatkan penyelenggaraan kompleks sukan di Bukit Jalil serta menjadikan Bukit Jalil sebagai destinasi bagi ahli sukan antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang membahaskan mengenai peruntukan yang dikhususkan untuk kementerian saya dalam Supplementary Bill, dengan izin, ini. Tetapi dari apa yang diujahkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Kepong misalnya, saya tidak mempertikaikan keprihatinan mereka terhadap pembangunan sukan negara termasuk juga pembangunan dari segi prasarana sukan negara tetapi malangnya pendekatan untuk menunjukkan keprihatinan itu agak mengelirukan.

Sebelum Yang Berhormat yang berkenaan mendapatkan butiran yang sebenar tentang peruntukan yang dibahaskan kali ini, rupa-rupanya mereka telah pun cuba hendak buat kesimpulan iaitu kesimpulan yang berupa dakwaan, seolah-olah terdapat sesuatu yang tidak kena, sesuatu yang boleh disifatkan sebagai penyelewengan dan sebagainya.

Saya hendak ambil kesempatan ini untuk memberikan butiran-butiran yang diminta sebentar tadi oleh Yang Berhormat bagi Tanjong supaya Yang Berhormat yang berkenaan dan juga Dewan yang mulia ini dapat memahami secara mendalam tentang peruntukan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, demi ketelusan perkara ini, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pembiayaan kos untuk projek ini sesungguhnya bukan diuruskan oleh Kementerian Kewangan tetapi oleh kementerian saya kerana kementerian sayalah yang bertanggungjawab atas projek pembinaan Kompleks Sukan Negara ini.

Kos asal untuk projek ini adalah sebanyak RM554,535,000 dan seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pihak syarikat kontraktor yang bertanggungjawab adalah UEM dan ianya telah pun dibayar melalui pemberian tanah di Stadium Merdeka dan Stadium Negara yang seluas 32 ekar dan sebidang tanah lagi seluas 153.32 ekar di Bukit Jalil. Nilai tanah-tanah ini adalah sebanyak RM423 juta sedangkan bakinya dibayar secara tunai dan kos muktamad untuk projek ini perlulah dirunding selepas enam bulan kontrak yang berkenaan ditandatangani dan untuk makluman Yang Berhormat, kontrak yang berkenaan telah pun ditandatangani pada 6 September 1994.

Dalam hubungan ini, ingin juga saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa skop ataupun perangkuman kerja itu sesungguhnya terdapat perubahan yang tertentu. Walaupun sebelum penganjuran Sukan Komanwel pada tahun 1998

projek ini perlu disegerakan sedangkan ini tidak bermakna bahawa usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi kemudahannya berhenti dengan begitu sahaja. Dalam erti kata lain, selepas penganjuran Sukan Komanwel, usaha-usaha yang berkenaan tetap diteruskan.

Umpamanya, usaha untuk melengkapkan lagi dari segi integrasi *Information Technology* (IT) di antara semua kemudahan di Kompleks Sukan Negara. Pada hakikatnya kerajaan telah pun bersetuju pada tahun 1999 bahawa tambahan kerja berkaitan integrasi IT perlu dilaksanakan. Di samping itu, beberapa kerja ataupun beberapa perubahan juga telah pun dibuat khususnya kerja-kerja tambahan yang dibuat di stadium utama. Antara lain, termasuk kerja mempertingkatkan kapasitinya dari 70,000 kepada 100,000. Ini yang pertama.

Yang keduanya, kerja menambah bilangan *score board*, dengan izin, dari satu kepada dua.

Yang ketiga, pertambahan trek dari lapan lorong kepada sepuluh lorong selaras dengan permohonan dan nasihat dari Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM).

Yang keempat, membekalkan kemudahan-kemudahan untuk orang cacat supaya ianya lebih *disavow friendly*, dengan izin.

Yang kelima, pintu gerbang juga, pintu gerbang berhadapan dengan pintu utama ini juga disediakan dan sedemikian juga penyediaan *royal boards*, dengan izin, dan *corporate boards*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, beralih kepada soalan yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Tanjong khususnya yang menjurus kepada perangkaan-perangkaan ataupun jumlah peruntukan ini, suka saya memaklum Dewan yang mulia ini bahawa kos muktamad untuk projek ini yang telah pun diputuskan pada bulan Julai tahun 2000 adalah sebanyak RM1.029 bilion, ini kos muktamad ya. Sebab tadi Yang Berhormat juga bangkitkan sama ada ianya akan ditokok tambahkan lagi atau tidak? Jadi, jawapan saya, ini adalah kos muktamad, yang saya terima dan baki yang perlu dibayar kepada UEM adalah sebanyak RM71 juta. Di sini terdapat beberapa butiran ataupun pecahan yang boleh saya maklumkan kepada Yang Berhormat berkenaan. Di antara bayaran-bayaran yang telah pun dibuat..... *[Disampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa kos muktamad adalah RM1.029 bilion. Jadi, mengikut perbandingan dengan kos asal, ini

melibatkan satu jumlah lebih kurang RM500 juta. Tetapi, apa yang sudah dibayar melalui tanah Stadium Negara, Stadium Merdeka, Bukit Jalil dan bayaran tunai, nampaknya bakinya lebih kurang dalam lingkungan RM500 juta juga. Tetapi melalui tambahan RM60 juta dan saya tidak nampak mengapa baki kepada UEM cuma tinggal RM71 juta dan bukan satu jumlah yang lebih besar melainkan jumlah itu sudah pun dibayar terlebih dahulu.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih. Sebenarnya saya belum lagi, tidak sempat lagi hendak sebutkan pecahan-pecahan yang diminta itu.

Ya, biar saya sambung, ya. Sebenarnya pembayaran yang telah dibuat kepada pihak UEM itu patut juga mengambil kira nilai tanah yang terlibat. Di sini terdapat beberapa butiran yang saya hendak maklumkan di Dewan yang mulia ini. Antara lain, termasuk nilai tanah yang berjumlah RM423 juta. Bayaran yang dibuat pada 1 Disember 1997 adalah sebanyak RM377 juta, sedangkan bayaran pada 19 Oktober 1999 adalah sebanyak RM120 juta. Selain daripada itu, potongan pampasan untuk pengambilan balik tanah untuk projek perkampungan Sukan Komanwel adalah sebanyak RM38 juta. Dalam erti kata lain, jumlahnya menjangkau RM958 juta. Jadi, kalau Yang Berhormat buat kira-kira yang wajar.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dahulu. Yang Berhormat akan mendapat angka yang saya sebutkan tadi iaitu RM71 juta. Di sini, sukalah saya *highlight* dengan izin, bahawa Kementerian sebenarnya telah pun memohon peruntukan sebanyak RM60 juta untuk tahun 2000 sepertimana yang kita bantangkan pada kali ini. Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, apa yang dihuraikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, sebenarnya boleh didapati di dalam dokumen-dokumen tertentu dan telah pun dibelanjakan. Adakah perlu untuk Timbalan Menteri menghuraikan perkara ini sekadar untuk memenuhi cita rasa pihak pembangkang yang tidak ada di sini pada tahun 1997 pun dan untuk menyelamatkan masa Dewanlah, sekiranya bolehlah. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, selagi ianya *relevan* dan selagi ianya adalah berkaitan, saya rasa itu adalah tanggungjawab saya untuk menjawab. *[Tepuk]* Tetapi dalam hubungan ini juga, ingin saya ingatkan Yang Berhormat berkenaan bahawa sekiranya seseorang itu hanya hendak dapatkan *political mileage*

ataupun hendak cari kepentingan politik dengan membuat dakwaan yang bukan-bukan, yang tidak *relevant*, sudah tentu saya akan menangkisnya habis-habisan.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jika mengikut logik, Yang Berhormat bagi Parit Sulong janganlah belanja wang terlebih dahulu, minta kelulusan Dewan sebelum belanja wang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Menyampuk*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Menyampuk*]

Tuan Chow Kon Yeow: Belanja, baru minta. Jadi, mengenai nilai tanah, apabila tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengenai nilai tanah, saya rasa Yang Berhormat akan sebut bahawa sama dengan variasi dalam kos projek ini, juga ada variasi dari segi nilai tanah sebab apabila kontrak ini ditandatangani pada tahun 1994, nilai tanah itu ditetapkan sebanyak RM423 juta. Ataupun sama ada kementerian juga menetapkan bahawa memandangkan ada variasi dari segi kos projek, mengapa tidak juga ada variasi dari segi nilai tanah? Sebab penilaian dibuat beberapa tahun dahulu dan sememangnya ada perubahan dari segi nilai tapak tanah-tanah tersebut.

Saya juga ingin tahu bahawa bukannya ini menandakan satu kelemahan yang besar bahawa kos asal RM554 juta tetapi kos muktamad meningkat satu kali ganda. Ini menunjukkan *projections* ataupun kerja-kerja pemulihan projek ini jauh beza dengan apa yang akhirnya kita dapat. Bukankah ini satu kelemahan yang harus diakui oleh kementerian? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, itulah sebabnya saya kata tadi. Yang Berhormat, kiranya hendak bahas secara bernas, takkanlah Yang Berhormat cuba hendak buat kesimpulan sebelum dapat sebarang butiran dan apatah lagi banyak dakwaan yang dibuat itu adalah semata-mata berasaskan kepada tanggapan sendiri yang tidak berasas sama sekali. Apabila kita menyentuh soal *variation order* ataupun kerja-kerja tambahan itu, Yang Berhormat hanya mempertikaikan dari segi bertambahnya wang ringgit, tetapi Yang Berhormat tidak memandangkan kepada perangkuman kerja-kerja tambahan yang terlibat sepertimana yang saya sebutkan tadi sebelum penganjuran Sukan Komanwel pada tahun 1998.

Pada masa itu, jadual adalah begitu ketat dan kita perlu menyegerakannya dengan seberapa cepat yang boleh. Tetapi apabila Yang Berhormat menyentuh tentang nilai tanah, itu telah pun ditetapkan sejak awal lagi. Ianya tidak mempunyai sebarang unsur *variation*, dengan izin, dan apa yang kita nampak berbeza itu hanya

bersangkutan dengan kerja-kerja tambahan dan bukannya unsur-unsur yang lain. Saya berharap Yang Berhormat boleh faham apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, ada sedikit pertanyaan. Saya buat satu cadangan. Untuk menjimatkan masa, adakah pihak Kementerian Belia dan Sukan boleh beritahu sama ada akaun pendapatan dan perbelanjaan Sukan Komanwel sudah siap dan jika sudah siap, kalau boleh dikemukakan kepada semua Ahli Parlimen dan dari sana kita pun tahu sama ada wajar diberikan tambahan sebanyak RM60 juta untuk bayaran kepada syarikat UEM. Ini saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, pihak kementerian tetap mengalu-alukan sebarang teguran atau sebarang pertanyaan yang dibangkitkan bersabit dengan soal ini. Itu sebabnya saya kata, demi ketelusan ianya boleh saya umumkan seperti yang saya buat sebentar tadi tanpa sebarang tingkah laku berselindung.

Berbalik kepada satu lagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong yang menyentuh tentang tapak Stadium Negara dan Stadium Merdeka sebab rupa-rupanya syarikat yang berkenaan menghadapi masalah kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat, transaksi ini tidaklah terangkum dalam projek yang berkenaan. Itu sebabnya saya tidak berhajat hendak menyentuh tentang butirannya walaupun saya mempunyai maklumat yang berkenaan.

Beralih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya cukup menghargai keprihatinan...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Silakan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat walaupun agak terlambatlah. Masalah Stadium Merdeka dan Stadium Negara ini, kenapa sebelum ianya dirancang untuk diganti dan dirobuhkan untuk laluan kepada *commercial complex* dan sebagainya, kenapa kementerian tidak mencadangkan supaya dua bangunan terpenting ini dikekalkan sebagai warisan sebagaimana yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan ke atas stesen kereta api. Cuma itulah sedikit Yang Berhormat.

Kalau boleh di masa akan datang, perancangan kita mesti ada satu warisan sebab Stadium Merdeka ini pernah dahulu dipertikaikan oleh pembangkang tetapi

akhirnya diterima kerana ianya merupakan satu warisan sejarah kemerdekaan. Tadi saya dengar ada Yang Berhormat bagi Sri Gading bercakap pasal bola dan sebagainya. Jadi, salah satu pendapat. Saya minta satu penjelasan di masa yang akan datang, kalau boleh Yang Berhormat sebagai satu projek warisan amanah.

Sekarang mungkin telah dirancang untuk diberi laluan kepada usaha-usaha projek pembangunan yang lain. Jadi, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, walaupun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut itu, itu juga diminati ramai tetapi saya rasa ianya tidak bersangkut-paut secara langsung dengan apa yang kita bahaskan sekarang. Dari apa yang saya amati, apa yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang itu adalah semata-mata untuk menghubungkaitkannya dengan unsur-unsur ataupun kontroversi kewangan, itu sahaja, bukannya dia menghargai sangat usaha-usaha untuk mengekalkannya dan sebagainya.

Beralih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya cukup menghargai keprihatinan beliau terhadap prestasi bola sepak kita. Mungkin Yang Berhormat cuba hendak menyentuh soal pembangunan bola sepak tetapi itu ada bezanya berbanding dengan pembangunan yang kita maksudkan dalam perbincangan ini.

Yang Berhormat bagi Kepong cuba hendak menghubungkaitkan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dengan penglibatan belia dalam bidang ekonomi. Saya rasa mungkin Yang Berhormat tidak baca apa yang pernah diedarkan ataupun apa yang telah disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan selama ini khususnya risalah-risalah dan maklumat-maklumat yang bersabit dengan IKBN. Sebab ekonomi untuk belia sebenarnya telah pun banyak kali saya menjawab soalan-soalan yang berkenaan di Dewan yang mulia ini dan ianya berbeza daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh IKBN.

Yang Berhormat juga bangkitkan soal sama ada kursus-kursus IKBN ini disediakan untuk satu-satu kaum sahaja, itu adalah tidak benar sama sekali sebab selama ini, pengambilan pelajar-pelajar ataupun peserta-peserta dari kalangan belia untuk menyertai kursus-kursus IKBN itu adalah terbuka kepada semua kaum dan semua golongan yang berkelayakan dari segi umur.

Prestasi kursus IKBN juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Saya suka memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa selama ini kesesuaian kursus yang ditawarkan oleh IKBN-IKBN di bawah jagaan Kementerian Belia dan

Sukan tetap mengambil kira keperluan pasaran dan juga keperluan kumpulan sasaran kita iaitu kaum belia. Itu tetap dipantau dan bukannya kursus-kursus yang ditawarkan itu direka cipta oleh sesetengah golongan pegawai sahaja, tidak. Itu tidak timbul sama sekali Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kepong juga menyentuh tentang penyelenggaraan stadium, penyelenggaraan Kompleks Sukan Negara. Ini juga pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sama pada masa yang lampau. Walaupun setakat ini masih terdapat ketidaksempurnaan yang perlu disusuli dan dipertingkatkan prestasinya dari masa ke semasa tetapi ianya tidak bermakna bahawa pihak pengurusannya tidak berbuat apa-apa.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat aturkan satu hari kita pergi bersama-sama menyaksikan bagaimana pihak pengurusan dengan berkesannya mengendalikan semua struktur di Bukit Jalil, itu lebih baik. Setakat jawapan tadi, saya pun tidak begitu menerima kerana itu jawapan rasmi (formal) sahaja tetapi pada hakikatnya ada cacat cela di situ dan ada baiknya Yang Berhormat adakan satu hari kita bersama-sama Ahli Parlimen pergi menyaksikan kerana ini pusat sukan yang terbesar di negara kita.

Datuk Ong Tee Keat: Setakat ini walaupun Yang Berhormat terus membangkitkan ketidaksempurnaan yang terdapat dari segi penyelenggaraan kompleks yang berkenaan tetapi setakat ini belum pernah pihak pengurusannya dan juga belum pernah Kementerian Belia dan Sukan menerima sebarang teguran bertulis ataupun catitan bertulis daripada Yang Berhormat sendiri. Kalaulah Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Nanti dulu Yang Berhormat. Kalaulah Yang Berhormat benar-benar prihatin dan benar-benar membuat pengamatan yang sewajarnya, takkanlah Yang Berhormat tidak berbuat demikian.

Akhir sekali Yang Berhormat juga

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat:menyentuh... Ya, Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Minta penjelasan ya. Saya tertariklah dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kepong yang senantiasa terkepong pemikirannya. Sebab Yang Berhormat mencadangkan semua ahli Dewan termasuk Yang Berhormat Menteri dengan Menteri sekali ini pergi turun ke bawah

melihat perjalanan operasi. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apa beza tentang perkara yang berhubung kait dengan dasar dan perkara yang berhubung kait dengan operasi ini. Saya ingat Yang Berhormat bagi Kepong ini terkepung pemikirannya. Dia tidak tahu yang mana satu yang dasar, mana satu yang operasi. Kalau semua Ahli Parlimen hendak dibawa hendak tengok itu sampai bila kita hendak habis tentang perkara-perkara yang dasar dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Sebenarnya saya rasa Yang Berhormat belum lagi tahu membezakan peruntukan untuk penyelenggaraan (*maintenance*) dengan izin, tidak tahu membezakannya daripada peruntukan yang kita bahaskan sekarang. Itu sebabnya Yang Berhormat cuba hendak hubung kaitkannya. Pada hakikatnya ia tidak terangkum sama sekali dalam peruntukan kali ini.

Ya, beralih kepada satu lagi soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong iaitu Yang Berhormat mengharap-harapkan agar Kompleks Sukan Negara akan menjadi destinasi sukan antarabangsa. Itu adalah sesuatu yang saya hendak puji. Ini demi kepentingan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, selama ini kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan tetap berusaha menjurus ke arah itu. Itulah sebabnya Yang Berhormat, kalaulah Yang Berhormat cuba prihatin tentang jadual-jadual aktiviti yang ada sekarang, Yang Berhormat akan kagum dengan adanya pelbagai aktiviti yang berlangsung di Kompleks Sukan Negara dan ianya tidaklah sama seperti apa yang didakwa oleh Yang Berhormat pada suatu ketika dahulu bahawa ianya adalah *under utilize* dan sebagainya. Itu tidak benar Yang Berhormat.

Dan Yang Berhormat juga mengesyorkan agar atlet-atlet dari negara-negara yang beriklim sederhana dapat juga datang ke mari untuk menyertai acara-acara sukan yang berlangsung di Kompleks Sukan Negara. Sebenarnya kalau Yang Berhormat ingat lagi penganjuran Piala Thomas itu tetap membabitkan pemain-pemain daripada semua benua termasuk juga negara-negara yang beriklim sederhana dan ianya diadakan di Stadium Putra yang berhawa dingin. Dan itulah bezanya Yang Berhormat. Kalau hendak kira perbezaan itulah perbezaan yang paling ketara sekali. Dahulu bila kita menganjurkan Piala Thomas misal kata pada tahun sudah ianya bukanlah berlangsung dalam keadaan yang berhawa dingin, sedangkan tahun lepas ianya berlangsung di Stadium Putra yang berhawa dingin. Itulah satu-satunya perbezaan yang ketara.

Tuan Pengerusi, setakat ini sahajalah saya dapat menjawab butiran-butiran ataupun soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Dan kiranya terdapat mana-mana butiran yang tercicir, saya akan cuba menyediakan jawapan saya pada masa depan.

Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM67,072,938 untuk Maksud P.17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM67,072,938 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000.

Maksud B.18 [Jadual Pertama] –

Maksud B.18 [Jadual Kedua] -

Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Ya, Setiu, oh! Bachok.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ya, Bachok.

5.10 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya merujuk kepada Maksud P.18 Kementerian Perusahaan Utama butiran projek 11200 iaitu Pusat Latihan Kerja Kayu. Mengikut peruntukan tambahan untuk kali ini, Kepala ini mendapat peruntukan sebanyak RM13,383,460 iaitu untuk membeli lima tingkat ruang pejabat di Menara Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Kuala Lumpur. Sejumlah RM13.38 juta ini jelas sekali akan dibayar kepada pihak Parti Gerakan yang memiliki bangunan lima tingkat tersebut. Daripada pembelian ini jelas ada sedikit hubungan kerana kita lihat Menterinya adalah daripada Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia yang juga adalah Menteri Perusahaan Utama.

Isunya, sukacita saya mendapat penjelasan daripada pihak kementerian tidak adakah bangunan lain yang layak selain daripada bangunan Parti Gerakan Rakyat Malaysia ini untuk dibeli oleh pihak kementerian ini untuk dijadikan ruang pejabat lain yang sesuai dan lebih ekonomik. Atau lebih murah dari sudut nilai ringgitnya, lebih

ekonomik dari sudut strategik pengurusan dan pentadbiran. Maka tidak payah memperuntukkan RM13.38 juta bagi tujuan ini.

Walau apa pun, di sebalik isu pembelian bangunan dan untuk ruang pejabat bagi pengurusan kementerian ini khusus kepada Pusat Latihan Kerja Kayu ini yang penting untuk dilihat ialah industri kayu dalam negara kita mempunyai satu potensi pada masa kini dan masa depan. Kerana kita yakin dan percaya di sebalik usaha kerajaan untuk menggalakkan industri utama dalam negara yang berasaskan kepada sumber asli dalam negara kita, kita yakin usaha-usaha untuk mewujudkan tenaga pakar di sebalik Pusat Latihan Kerja Kayu ini boleh memastikan masa depan yang lebih cerah.

Soalan yang belum habis untuk kita tanya ialah, apakah Pusat Latihan Kerja Kayu yang ada di seluruh negara memerlukan kepada satu ruang pejabat yang lebih khusus kerana kita tahu di Pusat Latihan Kerja Kayu itu mempunyai ruang pentadbiran yang tersendiri dan tidakkah kawasan-kawasan Pusat Latihan Kerja Kayu itu mempunyai suatu ruang keselesaan yang khusus untuk menguruskan pentadbiran.

Sebenarnya industri kayu dalam negara kita mempunyai suatu nilai tambah yang begitu baik. Daripada rizab ataupun hutan simpan kekal yang ada dalam negara kita, negara memiliki RM14.33 juta hektar ternyata ianya memberi satu jaminan kepada industri kerja kayu dalam negara kita. Ini membuktikan potensinya masih ada dan sektor ini paling baik untuk dimajukan memandangkan negara kita masih begitu giat di dalam sektor pembinaan dan perabot yang menggunakan bahan asasnya adalah daripada kayu kerana kayu dalam negara kita mempunyai nilai kayu keras dan kayu lembut yang mempunyai kualiti yang baik dibandingkan dengan jenis-jenis kayu lain di Eropah ataupun di negara asing.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beritahu berkenaan dengan Maksud B.18 itu iaitu sebanyak RM30,800 dikehendaki untuk menampung pembayaran imbuhan tahunan 2000. Imbuhan apa itu?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: B.18 dan P.18 yang kita bincang di sini.

Tuan Pengerusi: Ya, B.18.

Datuk Anifah Aman: Tuan Pengerusi, imbuhan yang diperlukan itu ialah untuk membayar gaji dan KWSP dan juga imbuhan tetap perumahan.

Tuan Pengerusi: Gaji, lagi...

Datuk Anifah Aman: KWSP dan imbuhan tetap perumahan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berkenaan dengan kayu tidak ada Yang Berhormat. Bawah P.18 ya. *[Disampuk]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Butiran Anggaran Pembangunan di bawah (Bil. 3) 2000 muka surat A4 Kertas Perintah 8A Tahun 2001. P.18 Butiran projek 11200 Pusat Latihan Kerja Kayu. Saya boleh sambung, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sekejap, sekejap. Muka surat berapa itu?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: A4.

Tuan Pengerusi: RM13 juta ini untuk membeli lima tingkat ruang pejabat, ya, adakah bersangkutan dengan kayu itu?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ya, untuk Pusat Latihan Kerja Kayu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila, sila teruskan jangan panjang sangat ya. Macam mana sangkut saya tidak tahu. Baiklah, jalanlah.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Kepentingan kepada Pusat Latihan Kerja Kayu jelas memandangkan masa depan ekonomi kita dalam sektor ini, sektor perkayuan khususnya begitu cerah. Hujah yang saya gunakan berdasarkan kepada - pertama, kita mempunyai sumber hutan yang masih luas.

Datuk Anifah Aman: Tuan Pengerusi, peruntukan ini adalah untuk perkara spesifik iaitu untuk membeli ruang pejabat sahaja. Jadi, saya ingat soalan Yang Berhormat kalau boleh teruskan dan tetapkan kepada sebab-sebab kenapa kita membeli ruang pejabat itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, boleh tidak bercakap benda yang bersangkutan dengan perkara yang disebut di situ?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Soalan-soalan yang saya bangkitkan saya ingat di dalam spesifik, maknanya perkara itu telah terlalu spesifik kerana saya mengungkitkan hujah-hujah rasional kepada pembelian kepada ruang pejabat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat bagi Bachok, boleh saya bertanya?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Adakah bangunan Parti Gerakan ini tidak laku, ruang pejabat tidak boleh disewa maka dipaksa kerajaan membelinya, ha! macam itu. *[Ketawa]*. Minta jawab itu.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Soalan ini memberi sebab provokasi sedikit....

Tuan Pengerusi: ... perkara-perkara yang bersangkutan ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Oleh kerana perjalanan ucapan saya tadi ada kekeliruan sedikit, saya cuba mengulangi balik beberapa soalan yang saya bangkitkan. Pertama hujahnya bangunan ini dijadikan pilihan, adakah ada kaitan langsung dengan Presiden partinya yang juga Menteri kepada kementerian ini?

Yang keduanya, bangunan ini telah dibuat suatu penilaian yang tepat untuk dibeli. Adakah bangunan-bangunan lain yang lebih murah tidak ditemui ataupun tidak economic dilihat pada ruang pejabat yang lain. Lima tingkat yang diungkitkan di sini adakah cukup untuk memastikan pengurusan seperti yang dikehendaki oleh pihak kementerian ini tercapai menerusi pembelian bangunan ini. Dan lagi, sebagaimana yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi adakah ianya dibeli terpaksa kerana didorong oleh pengaruh pihak Menterinya adalah Presiden kepada parti yang memiliki bangunan ini.

Jadi berdasar kepada keadaan itu, saya ingat ianya telah menyentuh beberapa perkara spesifik, cuma bayangan hendak pergi kepada sesuatu perkara spesifik itu, saya sebutlah kepentingan kepada Pusat Latihan Kerja Kayu ini diurus tadbir dengan baik memandangkan masa depan industri kayu yang begitu cerah.

Jadi, saya tidaklah melihat perkara-perkara begini terkeluar daripada perbincangan. Memandangkan lagi kita lihat pertumbuhan industri kayu ini adalah kebelakangan ini kurang diberikan perhatian kerana berbanding dengan sektor lain pertumbuhan eksport untuk industri kayu hanya 6.5% berbanding dengan elektronik ialah 19%. Begitu juga kita melihat pertumbuhan untuk perusahaan kerja-kerja kayu dalam negara kita nampaknya tidak diberi perhatian yang baik dari sudut pentadbirannya dan juga pengurusannya sedangkan setakat yang kita keluarkan daripada perabot dan hasil kayu kerja tangan tempatan kita boleh menyaingi mutu barangan hasil kerja kayu di peringkat antarabangsa, kerana hasil perabot kita sahaja telahpun memasuki pasaran Eropah dan juga Timur Tengah.

Jadi, berdasar kepada hujah-hujah sebegini, saya melihat perkara ini perlu diambil perhatian yang serius walaupun peruntukannya hanya berjumlah RM13.38 juta sahaja. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Bandau.

5.20 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sekadar untuk memberi sumbangan kepada perbahasan, pendek sahaja saya akan

membangkitkan. Di bawah Maksud Pembangunan P.14 di bawah Butiran Projek 00100 Lembaga Koko Malaysia dan sedia maklum bahawa dua hari yang lalu kita membahaskan Rang undang-undang Lembaga Koko Malaysia iaitu mengubah beberapa perkara dalam Rang Undang-undang asal tersebut dan melihat di sini bahawa pihak Lembaga telah membuat keputusan membeli sebuah pejabat di ruang bangunan Sepco di Kota Kinabalu yang berharga RM3.5 juta dan pada masa yang sama memohon RM790 ribu untuk menyiapkan kemudahan makmal di Kompleks Penyelidikan Kualiti di Tawau.

Saya ingin membangkitkan beberapa soalan di sini, Tuan Pengerusi. Satu, biasanya apabila sebuah badan kerajaan itu ingin membeli sebuah pejabat yang hanya membelinya apabila kewangan itu kukuh dan telah menunaikan tugas, fungsi dan tanggungjawab sepenuhnya. Kelmarin kita telah membincangkan masalah-masalah lain tentang koko dari segi masalah pasaran antarabangsa, penyakit-penyakit yang dihadapi oleh benih ataupun tanaman koko dan soal pasaran dan seterusnya. Saya ingin bertanya apakah rasionalnya untuk pihak Lembaga membeli sebuah pejabat pada peringkat ini khususnya di Kota Kinabalu.

Adakah ini pada jangka panjang boleh menjimatkan perbelanjaan Lembaga ataupun seharusnya dalam keadaan sektor ini keadaan yang tidak juga dikatakan merosot, tetapi tidak juga mengatakan dalam keadaan yang indah, lebih murah baginya untuk terus menyewa daripada mengeluarkan perbelanjaan tetap. Saya rasa rasional ini perlu diperjelaskan di dalam keadaan suasana industri pada saat ini.

Pada masa yang sama, Tuan Pengerusi, memandangkan dengan ada perubahan-perubahan kepada undang-undang atau Akta Lembaga Koko Malaysia, satu tingkat ini adakah ia mencukupi untuk jangka panjang? Saya mahu bertanya berapa luas pejabat ini tetapi sekadar untuk membuat pelaburan, membeli harta hanya sesuai untuk beberapa tahun sahaja, maka ini mengikatkan kewangan kerajaan.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, bahawa wang seperti ini barangkali lebih baik digunakan untuk soal menambahkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penyebaran maklumat dan hasil penyelidikan pihak Lembaga daripada melabur di dalam, dengan izin, asset yang kemungkinan satu tingkat ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan ruang pejabat pihak Lembaga pada jangka panjang.

Dalam masa yang sama juga kononnya menyiapkan kemudahan makmal di Kompleks Penyelidikan Kualiti, Tawau. Saya ingin bertanya sudahkah Kompleks ini selesai dan siap? Dengan pemberian tambahan RM790,000 ini bilakah pusat makmal tersebut atau Pusat Penyelidikan Kualiti akan memulakan operasi. Banyak pihak industri mengatakan memandangkan sebenarnya kebanyakan kawasan-kawasan koko di Sabah ini dan masih lagi yang terbesar di Malaysia terletak di sebelah Tawau, barangkali begitu elok bagi pihak Lembaga mencari ibu pejabatnya di kawasan Tawau daripada datang ke Kota Kinabalu walaupun di sana adalah pusat pentadbiran.

Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada Butiran 5.3 iaitu di bawah Butiran (Projek) 11200 yang diberi tajuk Pusat Latihan Kerja Kayu tetapi isi kandungannya di sana nampaknya untuk RM13.383 juta untuk membeli lima tingkat ruang pejabat di Menara Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Kuala Lumpur. Saya ingin penjelasan dalam perkara ini. Apa tajuk sebenar, adakah ini pusat latihan kerja kayu, pusat latihan sebenar ataupun sekadar ruang pejabat kementerian? Perlu dijelaskan supaya kita tidak bingung di dalam perkara ini. Kalau ianya pusat latihan kayu, tidak tepatlah buat di bandar, ia harus di persekitaran di mana ada tanaman-tanaman ataupun industri kayu-kayan dan bukan di pertengahan Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam perkara ini saya berterus terang bertanya memandangkan Menteri di Kementerian Perusahaan Utama adalah Presiden Parti Gerakan dan bangunan ini adalah juga bangunan parti Gerakan, saya berharap bahawa hal-hal tertentu telah pun dilakukan supaya keputusan ini telah dibuat dengan telus dan berdasarkan kepada harga pasaran pejabat tersebut. Saya berharap ini bukan tolong parti sendiri, Tuan Pengerusi.

Jadi saya mahu bertanya, adakah penilaian-penilaian tertentu telah dibuat, berapa penilaian? Biasanya dalam soal begini, tidak kurang tiga penilaian hendaklah dibuat daripada pakar-pakar penilai supaya harga yang berpatutan itu dilaksanakan. Dalam soal ini saya berharap bahawa di dalam semua mesyuarat memutuskan pembelian pejabat ini oleh pihak kementerian bahawa menteri yang berkenaan telah melakukan hal-hal pengecualian diri dari segi membuat keputusan supaya kementerian ini mengambil ruang di dalam bangunan yang milik parti menteri berkenaan. Saya rasa ini sangat penting dan perlu dijelaskan kepada Parlimen dan rakyat keseluruhan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bagan. Selepas itu menteri menjawab, Yang Berhormat.

5.27 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bersependapat dengan Yang Berhormat Bachok dan Bandau hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama menjelaskan mengapa Kementerian Perusahaan Utama boleh membeli bangunan milik parti Gerakan Rakyat Malaysia ia itu Parti Gerakan dan kebetulan pula Menteri Perusahaan Utama dari Beruas ialah Presiden Parti Gerakan. Sama ada satu konsultan penilaian hartanah yang bebas telah dikaji untuk membuat penilaian supaya nilai adalah setanding dengan barang yang diperolehi.

Saya juga bersependapat dengan Bandau sama ada bangunan yang dibeli itu ialah satu pusat latihan kerja kayu atau untuk ruang pejabat sahaja. Sekiranya mengikut butiran ini, pusat latihan kerja kayu maka kerja-kerja kayu itu adalah perabot dan jikalau perabot, ia kena gergaji kayu, ketam kayu, asah kayu, jadi ini sudah jadi satu kilang haram [*Ketawa*] sebab menara itu ialah menara untuk pejabat dan menjadi satu bengkel atau satu kilang kayu itu nanti kena saman.

Seorang Ahli: Habuk dia.

Tuan Lim Hock Seng: Ha, habuk dia. Nasib baik Butiran 00100 di mana parti Gerakan tiada di Sabah. Kalau parti Gerakan ada di Sabah, dia ada memiliki bangunan, maka Lembaga Koko pun akan beli menara atau ruang pejabat di Sabah ini.

Tuan Pengerusi, saya perlu.....

Tuan Ng Lip Yong: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun di belakang Yang Berhormat ya.

Tuan Ng Lip Yong: Penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat Bagan bahawa parti Gerakan ada di Sabah. [*Ketawa*] [*Disampuk*]

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya lupa tanya dia sama ada ada bangunan kah?

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, kalau ada bangunan, mungkin boleh jual kepada Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi: Ini Yang Berhormat, barangkali bangunan ini tidak boleh didaftarkan di dalam nama sebuah parti kerana ia bukanlah satu badan korporat.

Jadi barangkali ia didaftarkan di dalam nama *trustee* dia ataupun nama orang lain. Hanya bangunan itu sahaja yang dipanggil Bangunan Gerakan. Saya tidak tahu tetapi mengikut undang-undang, ia tidak boleh didaftarkan dengan nama satu parti.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, kalau baca dalam butiran ini.....

Tuan Pengerusi: Saya tahu, saya baca juga Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng:dia kata di Menara Parti Gerakan Rakyat Malaysia, jadi walau bagaimanapun dia tidak boleh lari ke mana-mana pun sebab bangunan itu tetap harta parti Gerakan dan Menteri Perusahaan Utama adalah Presiden Parti Gerakan. Jadi di sini, Tuan Pengerusi, Parlimen ini perlulah menitikberatkan perkara ini kerana ini juga berlaku kepada UMNO di mana kami tengok agensi-agensi kerajaan, mereka semua menyewa ruang pejabat di wisma-wisma UMNO di semua negeri, di Pulau Pinang, di Butterworth. Di Butterworth ada satu wisma UMNO di mana MPSP, semua pejabat MPSP terletak di bangunan UMNO di Butterworth dan saya yakin dan percaya di lain-lain tempat pun demikian juga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Suatu hari nanti Menteri Pengangkutan akan membeli bangunan MCA untuk tujuan menguji lesen memandu. *[Ketawa]* Ini kemungkinan besar sebab ini tidak ada sekatan. Semua yang pegang jawatan-jawatan tertinggi boleh dan berebut-rebut untuk menawar bangunan mereka atau menyewa bangunan mereka untuk kegunaan kerajaan dan saya berharaplah supaya kerajaan boleh buat satu penjelasan yang sejelas-jelasnya mengenai hal ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun sambil mengetuk mikrofon]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanjong Karang berdiri, Yang Berhormat. Tidak payah ketuk Yang Berhormat, tidak payah ketuklah. Tanjong Karang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, boleh.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak minta penjelasan. Adakah salah daripada segi mana-mana peraturan bahawa kerajaan tidak boleh menyewa bangunan-bangunan. Adakah ia tetap tidak boleh menyewa bangunan daripada mana-mana parti. Kalau sewa bangunan biasa pun, sewa kena bayar juga, Yang Berhormat. Bukan duduk bangunan itu boleh dapat percuma.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, walaupun tidak ada peraturan mengatakan agensi-agensi kerajaan tidak boleh menyewa ataupun membeli bangunan-bangunan kepunyaan parti-parti politik tetapi untuk mengelakkan sebarang syak wasangka, untuk mengelakkan segala-gala tanda tanya. Bukankah ini perlu ada satu ketulusan, *transparent* dan dari segi moral pun, macam mana hendak kata? Ini serupa, ambillah sahaja. Kalau semua orang dalam negara kita ini berbuat demikian, cuba ingatlah apa yang akan terjadi kepada negara kita ini. Sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih rakan saya daripada Bagan. Berkaitan dengan soal pembelian lima tingkat ruang pejabat di Menara Parti Gerakan ini, adakah Yang Berhormat setuju bahawa sepatutnya kes ini hendaklah dirujuk kepada BPR untuk menyiasat sama ada ketelusan pembelian jual beli tersebut sebab ini sudah berlaku *conflict of interest* di mana Menteri dan Pengerusi Presiden Parti Gerakan adalah orang yang sama.

Tuan Lim Hock Seng: Saya juga ingin menanya satu pertanyaan dalam perbincangan hal membeli bangunan ini sama ada Menteri Perusahaan Utama terlibat secara langsung dalam perbincangan ini. Sekiranya ada, maka ini ada satu kemungkinan di mana ada penyelewengan dan kalau negara kita mengamalkan satu negara yang selalu dikatakan berwibawa maka semua kementerian apabila disoal dalam Dewan ini berkata bekerjasama tanggungjawab, *collective responsibility*. Sekiranya ada *collective responsibility*, dengan izin, maka sesiapa yang bertanggungjawab khasnya Yang Berhormat bagi Tanjong Karang di mana beliau menjawat di Jabatan Perdana Menteri di mana ACA atau BPR juga di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri membuat satu siasatan mengenai, bukan ini tuduhan, satu yang benar-benar berlaku, bukan dakwaan sahaja. Yang ini ialah kenyataan, buat satu siasatan dan mengumumkan bahawa segala-gala transaksi ini dijalankan secara telus dan tidak ada apa-apa penyelewengan. Yang mustahak sekali sama ada *amount* yang dibayar iaitu RM13 juta ini nilainya setanding dengan barang yang dibeli. Kalau setanding, mungkin Yang Berhormat bolehlah *argue*, kalau tidak setanding mungkin ada udang di sebalik batu. Jadi dengan ini saya minta buat penjelasan. Terima kasih .

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta kementerian menjawab.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bachok, Yang Berhormat bagi Bandau dan Yang Berhormat bagi Bagan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya sangkaan ahli-ahli Yang Berhormat itu memang tidak berasas. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya pembelian bangunan ruang pejabat itu bukanlah dibeli daripada parti Gerakan tetapi ruang pejabat itu yang dibeli oleh MTIB adalah daripada *Malaysian Timber Council*, itu adalah hak milik *Malaysian Timber Council*.

Jadi, sangkaan ahli-ahli Yang Berhormat sama ada Menteri terlibat dan sebaliknya pula, itu memang tidak betul. Saya amat dukacita sekali bahawa setiap langkah kementerian atau kerajaan mengambil untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti bagi keuntungan rakyat maka ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang selalu mempunyai sangkaan yang jahat. Dan, nyata sekali pada hari ini, nampak sekali bahawa apabila ruang pejabat itu secara kebetulan ialah Menara Parti Gerakan Malaysia, maka ahli-ahli Yang Berhormat agak emosi sekali mengatakan bahawa ruang pejabat itu dibeli daripada parti Gerakan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bandau minta penjelasan, ya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, saya ingin bertanya sedikit lagi. Sebab kita memang tidak ada soal sangkaan jahat, kita ingin satu transaksi yang *transparent* dengan izin, telus dan supaya kita puas hati bahawa wang rakyat itu dipakai dengan betul. Saya ingin bertanya, berapa lamakah bangunan itu di dalam tangan *Malaysian Timber Council* sebab ada kemungkinan juga barangkali ada pakat-pakat beli dahulu lepas itu kasi pas, *[Ketawa]* selalu jadi kepada pembeli. Jadi, saya ingin tanya berapa lama di situ supaya lebih telus dalam pengertian kita. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat tentang pakat-pakat itu adakalanya ada pakat-pakat, adakalanya tidak ada pakat-pakat. Jadi, kita pun kadang-kadang dalam politik ada pakat-pakat juga, tetapi dalam masalah ini tidak ada pakat-pakat Yang Berhormat. Biarkan saya beri sedikit sejarah. Untuk makluman Yang Berhormat, MTIB telah pun ditubuhkan pada tahun 1973 dan sejak itu MTIB telah menyewa ruang pejabat untuk dijadikan ibu pejabatnya dan pejabat-pejabat cawangan.

Pada masa sekarang MTIB sedang menyewa tingkat 13, 17 Menara PDRM tetapi daripada MTC. Dan daripada sewa yang telah dibayar maka justifikasinya bahawa ada perlunya kita mengadakan pejabat sendiri. Dengan adanya bangunan sendiri MTIB akan mempunyai imej yang tersendiri dan seterusnya dapat memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai agensi, teraju dan pembangunan industri perkayuan negara.

Saya telah nyatakan di Dewan yang mulia ini beberapa bahawa peranan MTIB dan perkayuan ini bahawa dalam masa tahun 2000 ini industri perabot sahaja sudah pun melebihi RM4 bilion dan kita anggapkan bahawa dalam tahun 2005 akan melebihi RM7 bilion daripada satu aspek sahaja. Jadi, oleh kerana itu, saya berpendapat bahawa kita harus mempunyai satu imej, satu ibu pejabat yang boleh kita banggakan dan boleh memberi satu imej yang positif kepada pasaran antarabangsa.

Agensi kerajaan seperti MTAB ini bukanlah *operators fly by night*. Jadi oleh itu, Yang Berhormat, saya ingat bersetuju dengan saya bahawa berapa pentingnya imej, agensi kerajaan seumpama MTIB itu. Juga dengan adanya bangunan sendiri, ahli-ahli Yang Berhormat maka MTIB tidak perlulah berpindah ke bangunan lain apabila tempoh sewa tamat dan ianya terus dapat mengelakkan kos yang terlibat untuk masuk dan keluar pejabat dan untuk ubahsuai dan lain-lainnya lagi.

Oleh itu, dengan mempunyai bangunan sendiri dan tetap, akan memudahkan pihak MTIB untuk merancang program-program pembangunan untuk industri kayu dengan lebih teratur dan berkesan. MTIB boleh melengkapkan bangunan sendiri dengan peralatan dan kemudahan untuk manfaat industri itu sendiri. Juga adalah didapati semua persatuan utama di dalam industri perkayuan mempunyai pejabat mereka dalam bangunan Menara PDRM itu. Ini memudahkan MTIB berurusan dengan mereka bagi membangunkan perusahaan kayu-kayuan keseluruhannya, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bachok tadi.

Jadi, Menteri memang tidak terlibat. Ini adalah urusan di antara MTIB dan juga MTC. Dan secara kebetulan pula Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi yang menyuarakan pengarah itu adalah berasal daripada Kelantan. Saya ingat orang-orang Kelantan memang bijak sekali, dan penilaian telah pun dibuat mengikut daripada jurunilai Jabatan Penilaian Wilayah Persekutuan. Jadi, ini semua dibuat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi secara *transparent*. Jadi, tidak adalah berlakunya apa-apa yang disangka oleh ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan

ingin saya tegaskan di sini bahawa Menteri tidak terlibat dari segi pembelian ruang pejabat ini. Saya harap itu telah pun menjawab soalan ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bagan, Bandau dan juga Bachok tadi.

Tentang pembelian pula pejabat di SEDCO, saya agak kecewa sedikit dengan ahli Yang Berhormat bagi Bandau, bahawa menyuarakan kenapakah ibu pejabat koko dibeli di Kota Kinabalu, kenapalah kita ingin membeli pejabat sedangkan industri koko berpusatnya di Kota Kinabalu, sebahagian besar daripada keluasan industri koko adalah di Sabah. Jadi, saya berpendapat bahawa biarpun Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang, tetapi oleh kerana ianya melibatkan negeri Sabah dan satu aspek yang positif dan juga pembeliannya begitu, justifikasinya begitu ketara sekali, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat begitu bangga apabila kita membeli ruang pejabat untuk koko supaya ibu pejabat koko itu bertapak di Sabah.

Dan, keduanya, kenapa di Kota Kinabalu tidak di Tawau. Yang Berhormat, ibu pejabat tidak semestinya di kawasan yang tertentu. Dalam Kota Kinabalu oleh kerana satu pusat di mana kita boleh mengendalikan pengurusan dengan sempurna dengan terperinci maka ada baiknya kita adakan ibu pejabat Kota Kinabalu dan bukan di Tawau. Dan, untuk maklumat ahli Yang Berhormat, ...

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Datuk Anifah Aman: Tunggu sekejap, biar saya jawab dahulu – bahawa ada perusahaan-perusahaan termasuk di Malaysia dan di Singapura, perusahaan atau kilang-kilang mereka bertapak di Malaysia tetapi ibu pejabat mereka di Singapura, misalnya. Jadi, oleh itu Yang Berhormat, saya ingat untuk mengadakan ibu pejabat di Kota Kinabalu tidaklah begitu anih sekali. Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya memang turut merasa bangga bahawa ibu pejabat Lembaga di Sabah dan sudah begitu selama tahun 1989.

Saya yang persoalkan ini soal membeli pejabat, sebab ibu pejabat masih boleh berfungsi dengan menyewa, kecuali bahawa ini dijangka sebagai satu penubuhan yang baik, jadi saya hendak tegur dari segi memandangkan industri koko adalah dalam keadaan serba tidak juga berapa maju, tidak juga berapa teruklah, jadi, banyak sungutan-sungutan daripada penanam-penanam koko mengatakan,

“Dalam keadaan begini harus Lembaga memberi tumpuan kepada fungsi daripada membeli harta.”

Jadi, itulah kita minta tahu rasional sebaliknya walaupun kita terus sokong supaya ibu pejabatnya hendaklah di Sabah. Tetapi tidak semestinya di Kota Kinabalu kerana saya percaya ada juga alasan kalau mengadakannya di tempat di mana kawasan koko itu ditanam secara luas. Setujukah Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat bersetuju bahawa kita juga tidak ada masalah untuk kita membeli ruang pejabat di Kota Kinabalu dan kita Yang Berhormat, bahawa dalam Lembaga Koko Malaysia, dengan izin, *we don't want to be pennywise pound foolish*. Kita tidak hendak membayar sewa sebegini lama sedangkan industri koko kita begitu giat sekali untuk memperkembangkannya. Jadi, yang saya katakan tadi bahawa di negeri Sabah dan di Malaysia ini bahawa *cocoa is here to stay*, dengan izin. Jadi, oleh itu kita perlu mempunyai, yang saya katakan tadi juga sama dengan industri kayu – mempunyai imej dan pasaran yang begitu giat sekali.

Satu lagi soalan Yang Berhormat, tentang makmal. Kompleks itu terletak di Batu 10, Jalan Nafas, Tawau. Projek ini telah pun disiapkan pada bulan Disember 1999 dan telah pun diserahkan kepada LKM mulai April 2000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak bagi pembinaan kompleks ini bernilai RM4,247,524.83 dan peruntukan tambahan sebanyak RM790,000 ini ialah untuk maksud kerja-kerja menyiapkan kemudahan-kemudahan makmal di Kompleks Pengawasan dan Penyelidikan kualiti itu.

Jadi, itu adalah langkah-langkah Lembaga Koko Malaysia untuk mempertingkatkan lagi aktiviti dan penyelidikan koko dan secara langsung akan membawa dan meningkatkan pendapatan dan juga pekebun-pekebun kecil yang menghadapi masalah. Jadi, daripada segi itu Yang Berhormat, bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian tentang pembelian ruang pejabat MTIB dan juga koko telah pun dikaji kebaikan dan keburukannya dan untuk jangka masa panjang, maka kita mendapati kebaikan itu lebih jauh daripada keburukan, maka itulah keputusan-keputusan yang dibuat dan mengikut peraturan-peraturan yang telah pun ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM30,800 untuk Maksud B.18 di bawah Jadual Pertama; dan RM300,000,000 untuk Maksud B. 18 di bawah Jadual Kedua di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30,800 untuk Maksud B.18 di bawah Jadual Pertama; dan RM300,000,000 untuk Maksud B. 18 di bawah Jadual Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan Kedua..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM17,673,470 untuk Maksud P.18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM17,673,470 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2000.

**Maksud B.19 [Jadual Pertama] –
Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2001 -**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.19 dan Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Jangan pusing-pusing...Bandau, sila.

5.50 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Ingat diberi kepada Kepong tetapi okaylah terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam perkara ini di bawah Maksud khusus saya ingin membuat beberapa persoalan di bawah Maksud P.19 iaitu Kementerian Pertanian khusus berasas kepada projek Butiran 00925 di mana mengikut Kertas Perintah 9A iaitu tahun 2001, ini adalah diperlukan untuk tanaman dan aktiviti pembelbagaian bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara dan pendapatan petani-petani. Saya ingin tekankan di sini bahawa ini masih awal di dalam tahun 2001, baru kita masuk di dalam bulan April dan nampaknya di dalam perkara ini pihak kementerian sudah pun memohon peruntukan RM100 juta, ini bukan sedikit, untuk tujuan mempertingkatkan pengeluaran makanan negara dan pendapatan petani-petani.

Maka, berasaskan kepada ini, saya ingin mengemukakan beberapa persoalan rasional sebab kenapa peruntukan ini diperlukan khusus pada saatsaat sektor-sektor lain seperti kelapa sawit dan getah telah pun dengan begitu luas sekali, pihak kerajaan telah mengeluarkan wang yang banyak untuk membantu petani-petani kecil dalam sektor ini. Jadi, persoalannya nombor satu, apakah sebenarnya aktiviti-aktiviti yang DIA mengenai peruntukan ini. Dikatakan bahawa ini berasas kepada usaha mempelbagaikan pengeluaran makanan negara. Apa jenis-jenis makanan yang dirangkumi di bawah projek ini dan kenapa peruntukan yang begitu besar sekali dipohon untuk projek ini khususnya bagi tahun 2001 ini pihak kerajaan membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan dan pasti peruntukan-peruntukan yang besar akan dipohon.

Seterusnya persoalan saya di manakah projek-projek ini dilakukan, melibatkan kawasan-kawasan di mana dan apa matlamat dari soal mempelbagaikan makanan. Apa jenis-jenis tanaman yang dibuat dan apa sasaran dari segi peningkatan pendapatan petani-petani kerana nampaknya RM100 juta ini dikhususkan untuk tujuan ini.

Di dalam soal ini, saya dan beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dalam seminggu ini mulai dari minggu lalu menekankan pentingnya soal diversifikasi, soal mempertingkatkan pengeluaran makanan demi untuk mengurangkan tanggungan kerajaan dari segi import dan seterusnya. Tetapi kita melihat bahawa setakat ini usaha kerajaan untuk mempelbagaikan pengeluaran makanan dan khususnya dari segi mengurangkan import bahan makanan, khususnya dari segi bahan-bahan, dengan izin, *foodstuff feeds* untuk makanan-makanan binatang, ternakan dan seterusnya tidak kelihatan dan saya mahu bertanya adakah ini termasuk di dalam projek Butiran 002925 ini yang memohon RM100 juta daripada pihak kerajaan.

Jika ini berkaitan dengan makanan seperti sayur-sayuran dan juga bahan-bahan untuk membuat makanan ternakan dan seterusnya kita mahu bertanya setakat ini berapakah pencapaian negara di dalam bidang-bidang ini iaitu khususnya dalam menanam bahan-bahan yang digunakan untuk bahan mentah bagi makanan-makanan ternakan khususnya.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama dalam soal kerajaan berusaha mempelbagaikan dan meningkatkan pengeluaran makanan, saya ingin sentuh di sini soal pentingnya bagi kerajaan untuk mengamalkan practices, dengan izin, ataupun

cara-cara (methods) pengeluaran yang selamat dan khususnya metode yang tidak menggunakan baja dan racun-racun kimia. Saya rasa ini sangat penting dan saya melihat, I told you lebih awallah, tetapi ini termasuk di dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga pun soal *organic farming*, dengan izin, tanaman secara organik tidak diberi penekanan sama sekali. Saya melihat juga di dalam Rancangan Malaysia Kelapan pun yang kita bahas minggu hadapan tidak ada menyentuh, walhal, dengan izin, this is the 'in thing' dari segi negara-negara Eropah yang ingin membuat satu penukaran cara pengeluaran makanan daripada yang berasas daripada baja dan racun kimia kepada pengeluaran bahan makanan secara organik di mana dalam proses ini dia menggunakan bahan-bahan tradisi yang selamat, yang asli, yang semula jadi dan dalam soal ini Eropah bercadang untuk memperluaskan usaha mereka dan bahkan Germany, dengan izin, setakat ini sudah 20% daripada keluaran bahan makanan mereka ini menggunakan metode organik ataupun pertanian secara organik.

Saya berharap bahawa dalam soal kerajaan menambahkan bahan makanan dan seterusnya perkara ini haruslah diambil kira, kita tidak ingin ketinggalan zaman kerana apabila ini melarat kepada ataupun menjadi mengembangkan secara meluas di peringkat khususnya di negara-negara yang membangun, pelancong-pelancong yang melawat negara Malaysia, akan pasti meminta supaya bahan-bahan sayuran dan seterusnya itu mereka akan cari bahan-bahan yang ditanam secara organik.

Saya mahu bertanya pihak kementerian apa usaha kerajaan di dalam perkara ini, apa dasar kerajaan, apa aktiviti-aktiviti penyelidikan dilakukan di dalam perkara ini kerana ini tidak boleh diabaikan dan tidak boleh dikeluarkan daripada usaha pada masa yang sama ia meningkatkan bahan makanan, pengeluaran makanan dan khususnya dalam soal mempelbagaikan seperti mana perkataan yang digunakan di dalam butiran projek ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi fakta ataupun perkara yang ada kaitan dengan perkara ini ialah bahawa dalam soal *organic farming* ataupun pertanian secara organik, maka soal *certification*, dengan izin, sangatlah penting. Itulah penting persatuan-persatuan berkaitan dengan pengeluaran makanan secara organik ini haruslah diberi sokongan dan dalam soal ini apa persiapan-persiapan yang dibuat oleh pihak kerajaan supaya memastikan makanan yang dikatakan Rancangan Malaysia Kelapan itu haruslah berkhasiat, haruslah selamat dan saya berharap

dalam soal ini, soal pertanian secara organik dimasukkan terus termasuklah dalam projek yang dijalankan yang memohon RM100 juta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong.

5.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, P.19 mengenai pencegahan *brucellosis*. *Brucellosis*, ini satu penyakit bakteria yang berjangkit, yang boleh memusnahkan haiwan kita dan saya juga tertarik kepada peruntukan lagi yang telah pun digunakan untuk operasi mencegah bapa Nipah virus, kedua-duanya Tuan Pengerusi, saya hendak tahulah setakat mana penyakit *brucellosis* itu yang berjangkit di negara ini dan di kawasan-kawasan mana juga, kita mesti tahulah kerana saya sebutkan hal ini kerana bagi saya walaupun pihak kementerian terutamanya Jabatan Perkhidmatan Haiwan ada menjalankan tugas, tetapi bagi saya langkah-langkah yang diambil oleh pihak jabatannya, tidak mencukupi.

Ini termasuklah pencegahan dan rawatan untuk penyakit-penyakit yang lain termasuk kuku dan 'besi', penyakit kuku dan 'besi' yang sedang melanda Eropah sekarang terutamanya United Kingdom dan walaupun di United Kingdom mereka mempunyai kepakaran dan kemampuan untuk mencegah penyakit berjangkit dengan haiwan tetapi mereka masih mengalami mala petaka ini dan begitu juga bagi pihak Malaysia, kita tidak mempunyai alat ataupun cara-cara yang begitu canggih berbanding dengan pihak United Kingdom dan sebab itulah saya menyeru supaya pihak kementerian mengambil lebih perhatian di dalam pencegahan penyakit-penyakit haiwan di negara ini sama ada untuk khinzir, lembu, kambing, itik, ayam dan sebagainya.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengangguk, tetapi ini bermakna prestasi di kementerian itu tidak cukuplah, tidak cukup untuk menghadapi masalah-masalah di Malaysia sekarang ini.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak menekankan bahawa walaupun beberapa tahun yang lepas saya ada soal mengenai ujian-ujian ke atas binatang-binatang liar dan juga binatang-binatang ternakan, ujian-ujian yang dijalankan oleh pihak Jabatan Haiwan kita adakah kaedah baru dan cara baru dapat digunakan untuk memperbaiki prestasinya.

Tuan Pengerusi, misalnya bagi penyakit Nipah virus, setakat ini pihak kementerian pun belum lagi mengumumkan puncanya sama ada daripada kelawar, daripada pulau Malaysia ini, daripada mana virus ini berasal, puncanya, kerana satu

ceritanya ialah daripada kumpulan kelawar, kalau tidak silapnya iaitu di pulau di luar pantai Johor, kalau tidak silap saya, dan kelawar ini membawa virus keluang, kalau tidak silap saya keluang yang membawa virus ini, dan setakat ini pihak kementerian tidak memberi maklumat kepada rakyat Malaysia puncanya dan mungkin keluang ini ada di Tambun dan Tambun pun tidak mengambil perhatian mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tambun.

Dr. Tan Seng Giaw: Daripada Tambun virus ini, ya, ya ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Terus, saya hendak teruslah. Saya teruskan kerana pihak Tambun itu ia mungkin bermula daripada situ penyakit Nipah virus kita ini, mungkin baik dinamakan virus Tambun bukan virus Nipah. Itu masalah kita sekarang ini kerana pihak Kementerian Pertanian tidak begitu telus mengenai hal penyakit dan penyakit termasuk virus Nipah ataupun virus Tambun dan mungkin ada keluang di Tambun yang menyebarkan penyakit virus ini.

Inilah berpunca daripada kelemahan di dalam Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mengesan dan mengekori penyakit virus yang telah saya sebutkan tadi dan seterusnya saya menyerulah supaya kita boleh meningkatkan prestasi kita dalam menangani pencegahan penyakit-penyakit berjangkit haiwan kita.

Tuan Pengerusi, mengenai pembangunan kawasan pertanian moden yang tambahan sebanyak RM100 juta, di negara kita, kita pun menumpukan perhatian kepada ICT, teknologi maklumat dan komunikasi, ICT kita, itu memang kita perlu buat untuk menghadapi globalisasi sekarang dengan k-ekonomi dan *e-commerce* nya.

Walau bagaimanapun, Dasar Pertanian Ketiga, kalau tidak silap saya yang bermula daripada tahun 1998 dan saya ada nampak di dalam sebaran bukunya Dasar Pertanian Ketiga yang menggalakkan industri makanan, tanaman untuk industri makanan dan saya bersetuju juga kita tidak boleh menekankan sangat, menitikberatkan kepada ICT sahaja, kita mesti menumpukan perhatian tenaga kita kepada sektor pertanian terutamanya sektor makanan kerana kita mengimport sampai RM15 bilion, berapa bilion yang diimport sekarang ini, RM15 bilion ya, import makanan, yang sebahagian besar itu makanan ternakan seperti soya pun kita tidak mampu untuk menanam soya di sini, cuma mungkin *piece meal* kita boleh keluarkan sendiri juga, tetapi mungkin tidak begitu ekonomik untuk kita dan juga jagung pada

satu ketika semasa krisis ekonomi ada diheboh-hebohkan tetapi sekarang ini nampak senyap sahaja pihak Kementerian Pertanian sama ada kita boleh tanam jagung secara besar-besaran, berskala besar saya pun tak tahu, mungkin tidak begitu ekonomik.

Tetapi daripada RM15 bilion import makanan daripada luar berapa peratus kita boleh tanam sendiri. Jadi, saya hendak tahu Yang Berhormat kerana kita heboh-hebohkan sangat dengan kemampuan kita untuk menanam tanaman makanan. Mungkin 40% daripada import kita boleh tanam sendiri, mungkin ataupun 50%, kalau 100% itu mustahil kerana soya tidak sesuai ditanam di negara kita.

Tuan Pengerusi, sukalah saya hendak menanya Yang Berhormat fikiran daripada kementerian satu cadangan untuk menjadikan Kementerian Pertanian incorporate, hendak mengkorporatkan Kementerian Pertanian itu satu konsep yang dikemukakan oleh sesetengah pihak di dalam Kementerian Pertanian. Macam mana kita boleh mengkorporatkan terutamanya untuk industri makanan kerana mereka hendak bekerjasama dengan syarikat-syarikat konsortium multinasional kita seperti Sime Darby, Guthrie dan Golden Hope Plantation, ketiga-tiga konsortium yang besar di negara kita dan berjaya.

Bagaimana kerjasama dapat diadakan dengan Sime Darby, Guthrie dan Golden Hope kita?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat, masa sudah

Dr. Tan Seng Giaw: Ini satu perkara yang sangat penting hendak mengkorporatkan Kementerian Pertanian dan juga di dalam kementerian itu ada pusat pembangunan perniagaan pula kerana hendak adakan kerjasama yang erat dengan sektor korporat kita.

Di sinilah saya hendak menanya Yang Berhormat setakat mana kita berjaya mengadakan kerjasama korporat dengan konsortium-konsortium tersebut kerana ini memang penting. Saya hendak mencadangkan supaya jangan kita adakan kerjasama ataupun perkongsian dengan korporat-korporat sahaja bahkan juga sebahagian besar pengeluar makanan dan bahan-bahan pertanian kita ialah dengan sektor skala kecil (*small scale*).

Saya mencadangkan supaya kita adakan insentif-insentif yang cukup dan latihan-latihan dan juga satu cadangan sebelum ini ialah untuk mengumpulkan tenaga daripada pengusaha-pengusaha kecil, kumpulkan seperti koperasi ataupun

cara-cara untuk menggembungkan tenaga dan keluasan tanah supaya menjadi skala besar sedikit, menjadi lebih ekonomik. Setakat manakah kejayaan pihak kementerian untuk berbuat demikian?

Saya akhiri dengan seruan supaya jangan kita menumpukan perhatian semata-mata ke atas mengkorporatkan Kementerian Pertanian bahkan juga kita menumpukan lebih perhatian kepada pengusaha-pengusaha skala kecil juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, Tambun.

6.08 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, di bawah P.19 pertama sekali saya bersetuju Kementerian Pertanian sekarang lebih dinamik, mempunyai banyak idea dan juga perancangan.

Mengenai dengan RM100 juta ini saya ingin mendapat penjelasan serta menyatakan rasa kekhuatiran saya RM100 juta ini tidak digunakan secara optimum dan ini saya akan bincang.

Pertama sekali, dari segi pelaksanaan RM100 juta ini bagaimana sistem pelaksanaannya? Adakah ia – sebab di sini ada dua matlamat. Satu untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara dan kedua untuk pendapatan petani. Adakah ia diberi kepada agensi, agensi beri kepada petani?

Kedua, mengenai dengan agensi-agensi pelaksanaan. Di sini yang saya nyatakan saya rasa bimbang dan saya cuba kaitkan dengan kementerian yang sekarang lebih dinamik, ini berasaskan kepada apa yang saya lihat dengan izin, *observation* saya ke atas sektor pertanian ini. Apa yang terjadi di peringkat bawah kadangkala idea yang hendak dilaksanakan oleh kementerian bila pergi ke peringkat bawah di peringkat agensi pelaksana, ia tidak mencapai apa yang dihasratkan.

Di tiap-tiap negeri ada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri dan biasanya segala perancangan kementerian ini akan dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri. Yang menjadi masalah di sini, saya dapati sebahagian besar daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri (PPPN) ini sebenarnya tidak mempunyai kemahiran tentang pelaksanaan program-program atau perancangan pertanian.

Saya ambil contoh apabila kita merasa gempar di atas bil import makanan sebanyak RM11 bilion. Kementerian mahu mengatasinya dan membuat

perancangan untuk negara kita terlibat dalam pelbagai bidang makanan. Ada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri terlibat dalam bidang penanaman bawang. Selama ini kita import bawang dari negara India dan akhirnya oleh kerana bidang ini tidak begitu *viable* dengan kos yang begitu tinggi, perbelanjaan dikeluarkan ada yang melibatkan juta. Ada salah satu PPPN ini sampai RM3 juta digunakan untuk melaksanakan program ini iaitu tanaman bawang atas hasrat apabila bawang ditanam di negara kita, kita tidak perlu import, maka bil import makanan ini dapat dikurangkan. Tetapi akhirnya kerana ia tidak *viable* masih lagi lebih menguntungkan kalau kita import dari India dan sebanyak RM3 juta telah digunakan.

Saya tahu sekarang ini PPPN oleh kerana mendapat arahan daripada kementerian sudah begitu berjiwa besar, ada yang hendak buat, hendak melaksanakan program ikan dalam sangkar, *ostrich* dan banyak lagi. Yang menjadi masalah di sini, PPPN ini apabila menerima arahan daripada kementerian dia menjadi macam seolah-olah arahan itu satu *absolute proof* yang mesti dilaksanakan tanpa dilakukan sebarang kajian *feasibility*.

Di sini yang menjadi masalah, ada PPPN yang bercita-cita besar ingin menceburi usaha ikan dalam sangkar pada hal tidak ada sebarang pengalaman hendak melaksanakan. Dan saya bimbang jikalau duit RM100 juta ini diturunkan kepada PPPN ini dan oleh kerana *feasibility study* tidak dilaksanakan, terus disalurkan kepada projek ikan dalam sangkar. Akhirnya wang ini akan kerugian begitu sahaja seperti mana projek tanaman bawang tadi.

Ini yang saya bimbang, saya berharap pihak kementerian sebelum menyalurkan wang saya tidak tahu sistem apa yang dilaksanakan, ke PPPN ataupun agensi-agensi lain pastikan terlebih dahulu badan-badan yang menerimanya melakukan *feasibility study* yang akan melihat bukan sahaja dari segi keupayaan projek berdaya maju tetapi juga dari segi kebolehan dan kemampuan agensi tersebut sebagai badan pelaksana projek tersebut. Kalau tidak jangan diberikan wang kepada pihak berkenaan kerana ia akan rugi macam mana projek bawang tadi.

Di samping itu, kementerian perlu melakukan pemantauan ke atas pelaksanaan projek-projek tersebut. Projek herba umpamanya, saya tahu Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri begitu berminat dalam bidang tersebut tetapi kita belum lagi membina infrastrukturnya, *networking* dari segi penanamnya kepada pasaran. Ada dua syarikat yang mengeluarkan alat-alat untuk kegunaan

mencantikkan badan dan sebagainya menggunakan herba ini, tetapi dua syarikat ini bukan dua syarikat yang mempunyai potensi besar.

Jadi, jikalau semua Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri melaksanakan projek herba hendak jual semua kepada dua syarikat ini tidak mampu untuk dilaksanakan. Ini bermakna ada projek-projek ini yang belum lagi ada infrastrukturnya, tidak ada *networking*, kita hanya tanam dan kita jual, kita tanam dan hendak jual, akhirnya tidak ada pembeli. Jadi, saya harap pemantauan ini dilakukan oleh pihak kementerian.

Lagi satu, saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan pelaksanaan program mengeluarkan makanan ini. Saya ada mendengar daripada kementerian menyatakan bahawa hendak menggalakkan sektor swasta untuk terlibat dalam bidang ini dan apakah status penglibatan pihak swasta? Apa yang saya tahu, bidang pertanian ini sebenarnya bukan bidang yang dapat memberi margin yang tinggi kepada perusahaan-perusahaan yang dijalankan dan ini tidak begitu menarik kepada pihak swasta kerana ia tidak *commercialize*. Jadi, bagaimana statusnya dan apakah langkah yang hendak diambil oleh kerajaan ke arah untuk meningkatkan sektor swasta dalam bidang ini. Adakah RM100 juta ini turut melibatkan pihak swasta dalam pelaksanaan projek tersebut. Terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar.

6.18 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya melihat peruntukan yang disediakan untuk projek pembangunan kawasan pertanian moden. Memang sudah jelas semenjak kebelakangan ini, Kementerian Pertanian telah dilanggar oleh arus pemodenan, arus yang dianggap dinamik, cepat dan efisien.

Jadi, kalau kita lihat, bidang pertanian di negara kita ini ada dua bahagian. Yang satu bahagian yang mana pihak swasta terlibat. Umpamanya penanaman kelapa sawit dan sebagainya telah mendatangkan hasil yang begitu lumayan kepada pihak negara. Jadi, ada juga di bidang yang lain iaitu pengeluaran makanan yang lain yang diusahakan dengan cara tradisional dan secara kecil-kecilan, makin hari semakin ke belakang. Pembangunan kawasan pertanian moden ini boleh mencetuskan satu *dynamism* baru dengan izin, dalam bidang pengeluaran barang makanan.

Jadi, dalam konteks pertanian *incorporate*, ini membawa pihak-pihak swasta diajak bersama membangun industri pemakanan di negara ini tetapi, dalam keadaan yang sedemikian, banyak perkara yang berlaku. Yang pertama sekali daripada segi dasar dan perundangan negara, yang mana dalam soal industri pemakanan ini ada terlibat, yang mana undang-undang ini telah membataskan satu-satu perkara dalam industri itu. Dalam masa yang sama, penglibatan pihak swasta juga ada melibatkan soalan dasar dan undang-undang. Jadi, dasar dan undang-undang ini telah menjadi satu sempadan kepada pihak swasta dan boleh membataskan pihak swasta terlibat dengan mendalam dalam soal pengeluaran ini.

Jadi, ini juga telah dipandang sebagai satu fakta yang boleh membantutkan usaha kerajaan. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah pihak kementerian bersedia untuk menggubal dasar baru, menggubal undang-undang baru, membuatkan dasar-dasar baru supaya tindakan pertanian *incorporate* untuk memajukan industri pemakanan di negara ini tidak terbantut oleh kerana dasar yang lapuk, dasar yang tidak dinamik, dasar yang tidak membantu industri pemakanan menjadi lebih maju lagi.

Yang kedua, saya ingin bertanya di pihak kementerian, kita melihat Menteri, Timbalan Menteri, mungkin juga pegawai-pegawai atasan begitu dinamik sekali tetapi, keseluruhannya sebagaimana Yang Berhormat bagi Tambun sebut tadi, adakah kita telah melihat, bolehkah kita berjalan serentak dengan pihak swasta? Adakah kita boleh respons dengan pihak swasta dengan begitu cepat? Ini kerana pihak swasta hari ini memberi keputusan, esok berkehendakkan jawapan tetapi adakah pihak kementerian boleh membuat jawapan yang sedemikian kerana tiap-tiap hari kelambatan dibuat, itu juga menunjukkan *lost opportunity* dengan izin, hilang peluang dan hilang sumber kewangan.

Jadi, kalau ini tidak dilihat, kalau pihak pegawai-pegawai kerajaan tidak diajak bersama dalam konteks pertanian *incorporate* ini, nescaya sekali lagi kita akan melihat RM100 juta pun ataupun RM200 juta pun akan hilang begitu sahaja dan industri pemakanan kita sentiasa membeli dari luar RM11 bilion.

Jadi, kita percaya industri ini boleh dimajukan. Walaupun semua orang percaya yang industri ini tidak membuat satu margin yang besar tetapi kalau kita boleh respons dengan cepat dan padu kepada pihak swasta yang betul-betul berkehendak, perkara ini boleh diatasi. Jadi, saya berharap dua perkara ini, satu dasar, kedua undang-undang, ketiga respons pegawai-pegawai mesti diajak

bersama melihat apa ertinya pertanian *incorporate* ini supaya industri makanan kita boleh dimajukan dengan seberapa cepat yang mungkin.

Sekian, terima kasih. .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

6.23 ptg.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran Projek 00925 - Pembangunan Kawasan Pertanian Moden.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, apakah rancangan-rancangan atau aktiviti yang telah disediakan atau telah dijalankan di bawah Butiran ini, iaitu Pembangunan Kawasan Pertanian Moden dan sejauh manakah ia akan menggugat atau mengancam petani-petani yang mengerjakan tanah kerajaan, mencari makan dengan mengerjakan tanah-tanah kerajaan. Sebab baru-baru ini saya telah menerima banyak aduan daripada petani-petani di mana atas alasan untuk membangunkan tanah bagi tujuan membolehkan lebih makanan dikeluarkan. Tanaman ditambahkan daripada sesuatu kawasan itu, sebaliknya kerajaan mengambil tindakan mengambil balik tanah tersebut dan memberi kepada SADC. Ini telah membawa banyak kesulitan kepada petani-petani yang sepanjang masa ini mengerjakan pertanian di atas tanah kerajaan.

Saya boleh bagi contoh, di kawasan Tambun, di Chemor. Baru-baru ini di mana petani-petani ini telah diberi notis untuk meninggalkan tanah kerajaan tersebut dan di mana selama ini mereka mencari kehidupan di atas tanah kerajaan tersebut. Yang amat mengecewakan ialah sebenarnya sebelum ini, mereka telah membuat permohonan tetapi tidak diluluskan. Ini adalah salah satu contoh.

Contoh yang kedua, adalah yang berlaku juga di kawasan Tambun, di Chemor. Saya telah menghadiri satu perjumpaan dengan penduduk di tempat tersebut. Mereka telah membuat permohonan sejak 1980-an dan permohonan itu sebenarnya adalah atas permintaan Jabatan Pertanian dan mereka telah dijanjikan akan diberi satu ekar tanah. Akan tetapi, baru-baru ini, ada sekumpulan yang mendakwa mereka telah diberi tanah tersebut. Kontraktor telah datang untuk membincangkan bagaimana bayaran ganti rugi akan dilakukan. Apabila satu carian dibuat di pejabat tanah, mendapati tanah itu sebenarnya belum diluluskan. Ini adalah menjadi syak wasangka mengapa begitu berani kumpulan ini datang untuk cuba menyelesaikan mengenai isu tanah ini dengan petani-petani ini.

Contoh yang ketiga adalah berlaku di Lawan Kuda yang saya percaya wakil-wakil MCA dari Perak juga agak ambil berat mengenai perkara ini di mana juga perkara yang sama. Perbincangan ini hanya berlaku pada minggu yang lepas di mana saya telah berjumpa dengan petani-petani di sana di mana SADC telah mengatakan akan memberi tanah, menjual balik tanah yang telah diambil dan diberi oleh kerajaan kepada SADC dan menjual balik kepada petani-petani ini dengan harga satu ekar RM10 ribu, pajakan selama 30 tahun.

Jadi, ini secara tidak langsung kerajaan telah membenarkan satu pihak untuk mengaut keuntungan tanpa sebarang pembangunan ke atas tanah tersebut. Jadi, saya ingin tahu daripada kementerian, sama ada perancangan pembangunan kawasan pertanian ini, bagaimanakah ia akan dilindungi? Apakah langkah yang dicadangkan akan diambil untuk melindungi petani-petani yang sepanjang masa ini mengerjakan tanah, mencari makan di tanah kerajaan. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bachok.

6.27 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ucap terima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian yang telah pun mengeluarkan peruntukan sebanyak RM528,500 ini untuk bayaran pampasan kepada penternak-penternak lembu kerana perkara ini saya ingat, saya telah bangkitkan sebelum ini dan pihak Timbalan Menteri sendiri pun menjawab tidak ada peruntukan untuk membayar ternakan-ternakan lembu yang menghadapi bermacam masalah penyakit. Akhirnya perkara ini diluluskan juga. Terima kasihlah saya bagi pihak penternak.

Kemudian merujuk kepada Maksud P.19 juga iaitu di bawah Butiran 00925 yang berkait dengan pembangunan kawasan pertanian moden ini telah diperuntukkan RM100 juta. Peruntukan ini dari sudut gerak kerjanya adalah kecil tetapi pengharapannya amat besar kerana ia bersangkutan dengan persoalan yang menyentuh kepentingan seluruh negara.

Kemudian lagi dari sudut kita merasai peruntukan ini kena pada tempatnya juga kerana isu DPN3, Dasar Pertanian Negara Ketiga yang menyentuh satu tempoh yang agak panjang daripada 1998 hingga 2010 ini. Isu-isu memenuhi keperluan makanan negara ini satu isu yang perlu disegerakan, melihat kepada cabaran-cabaran yang ada pada hari ini.

Pertamanya, kita melihat bekalan makanan di peringkat antarabangsa sendiri pun didapati dari sudut pertumbuhannya tidaklah sepesat yang kita harapkan iaitu sekitar 1.8% hingga 2.1% sahaja dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. Begitu juga kita menghadapi isu import makanan negara yang bertambah dan paling tidak memberi keselesaan lagi ialah ekoran daripada kejatuhan nilai ringgit dan pertukaran wang asing dan terpaksa kita membayar lebih terhadap import kita yang kita dapati dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, peningkatan kepada import makanan sampai kepada peringkat nilai ringgitnya RM13 bilion mengikut perangkaan tahun 2000.

Demikian lagi disokong oleh perubahan Indeks Harga Pengguna yang kita yakin di antara peningkatan harga makanan itu terlibat sama dalam perubahan itu yang kita merasai kesannya perlu juga diselesaikan dengan menambahkan lagi pengeluaran bekalan makanan dalam negara ini kerana misalnya dalam tempoh tahun 1997, didapati peningkatan harga makanan di negara kita ini meningkat sampai 51.9%.

Cabaran yang keempat yang harus diselesaikan juga ialah daripada sudut kesedaran kepada mutu pemakanan itu sendiri kerana kita yakin di sebalik isu pemakanan, kita perlu kepada makanan berzat. Maka, yang berzat ialah yang boleh dihasilkan dalam negara kita sendiri, oleh petani kita sendiri yang dipantau oleh pihak kerajaan dan kerajaan sendiri dengan kemajuan petani moden ini boleh memastikan mutu beras, sayur-sayuran, buah-buahan dan seumpamanya adalah lazat-lazat semuanya.

Berdasar kepada peruntukan RM100 juta ini juga, saya ingin tahu daripada sudut pengagihan sebenar sebab seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi, isunya nampak kepada kita peruntukan ini menjurus kepada dua aspek. Berapakah peruntukan yang difokuskan kepada usaha untuk peningkatan produktiviti tanaman ataupun pertanian yang menghasilkan makanan dan yang keduanya juga berapa peruntukan sebenarnya daripada RM100 juta ini untuk aktiviti-aktiviti kepelbagaian daripada sudut usaha-usaha memodenkan lagi sektor pertanian bagi menghasilkan tanaman ini.

Kemudian saya juga mengharapkan pihak kementerian dapat memperincikan apakah maksud pemodenan daripada sudut usaha-usaha pertanian di bawah Butiran 00925 ini iaitu yang dimaksudkan dengan pertanian moden yang difokuskan kepada kita. Apakah yang terfokus kepada usaha untuk memodenkan sektor padi sahaja

sebagai satu tanaman asasi untuk makanan ataupun ia melibatkan sama usaha-usaha penghasilan tanaman makanan-makanan lain?

Demikian juga ianya adakah disokong oleh usaha-usaha untuk memodenkan sektor ini oleh pihak agensi-agensi *research and development* (R&D) dengan izin, kerana kita yakin dan percaya di sebalik usaha untuk menambahkan bekalan makanan dalam negara, pemodenan pertanian khususnya daripada sudut penanam padi, misalnya, ataupun hasil-hasil yang berkaitan dengan pemakanan ni, tidak boleh tidak, harus kita mengambil perhatian kepada R&D dalam sektor ini.

Yang penting lagi untuk saya mendapat perhatian dan jawapan daripada pihak kementerian ialah sektor penanaman padi itu sendiri adalah satu sektor yang memang diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Soalannya, adakah dengan peruntukan tambahan yang ada ini, ianya boleh membawa suatu perubahan kepada produktiviti padi sebab saya melihat hasil padi yang ada dalam negara tidak mampu lagi untuk menyaingi mutu beras daripada negara jiran khususnya daripada negara Thai, lebih-lebih lagi kami di negeri Kelantan yang terlalu ketagih kepada beras Siam ini kerana kualitinya dianggap sedap untuk makan, perut pun kenyang dan tubuh pun jadi sihat.

Jadi, perkara ini menjadi suatu cabaran kepada KADA di Kelantan sebenarnya, sebab setakat ini KADA bukan setakat tidak berjaya daripada sudut target untuk mendapat 10 tan bagi satu hektar pengeluarannya, ianya hanya berada pada tahap maksimum sekitar 6.69 tan sahaja dan KADA juga tidak mampu untuk menghasilkan beras yang berkualiti.

Sementelah pula budaya baru sekarang ini, ramai di kalangan kita yang suka makan nasi beriani dan nasi beriani pula tidak boleh dimasak dengan sedap dan lazat dibuat dengan beras tempatan. Ianya beras import iaitu dari India iaitu beras basmathi. Jadi, di sini saya merasai KADA sendiri kalau difokus di Kelantan ataupun MADA di Kedah, yang fokusnya mesti membuat satu usaha R&D yang lebih baik lagi berprestasi bagi memastikan mutu beras kita menyaingi mutu beras di negara jiran, Thailand dan juga daripada India.

Oleh kerana itu, kita merasai pendekatan terbaik pihak MARDI dapat ditangani jika MARDI itu diiktiraf sebagai agensi penyelidikan dan pembangunan kepada pihak Jabatan Pertanian.

Satu perkara lagi saya ingin bangkitkan ialah sektor pemakanan kita dalam negara sebenarnya dapat digarap dengan lebih baik lagi menerusi pertumbuhan

industri-industri pemakanan yang berasaskan kepada bahan tempatan ini. Misalnya, dalam kawasan Parlimen saya, Bachok terkenal dengan pengeluaran ubi keledek dan labu. Dua hasil tanaman makanan yang bermutu tinggi. Baru-baru ini Jabatan Pertanian bersama dengan MARDI telah melancarkan satu baka ubi keledek yang terbaik yang daripada sudut isi ubinya bermutu dan saiznya lebih montel daripada yang sebelum ini, menyaingi kemontelan ubi kentang.

Oleh kerana itu, kita melihat dengan keupayaan yang ada di kawasan Parlimen saya, Bachok ini, seharusnya disokong oleh satu industri sokongan yang baik untuk memastikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: ...satu industri pemprosesan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Oh gulung sudah. Lebih sedikit boleh kot. Tidak ada orang hendak berucap sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Menteri hendak dengar lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi Yang Berhormat ingin berucap.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ok terima kasih, sekejap lagi. Sedikit sahaja saya hendak gulung.

Oleh kerana itu, daripada sudut ini bagaimana pula tanaman-tanaman yang boleh menghasilkan makanan-makanan sampingan (*secondary*) ini dapat kita aktifkan lagi bagi membantu bukan setakat petani tetapi jumlah pilihan makanan dalam negara kita ini.

Kemudian, apakah pula yang dimaksudkan dengan aktiviti kepelbagaian dalam peruntukan tambahan RM100 juta ini? Kita ingin tahu sedikitlah sebab kita yakin dan percaya kepelbagaian di sini adalah penting bagi memastikan petani itu terbela daripada pelbagai sudut dan ianya akan memastikan juga petani dapat menyaingi bersama dalam arus pemodenan sektor pertanian ini supaya petani Malaysia menjadi contoh kepada petani-petani lain di luar negara.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sipitang.

6.35 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud P.19 Kementerian Pertanian dan juga butiran 00925 Pembangunan Kawasan Pertanian Moden. Saya menyambut baik atas peruntukan tambahan RM100 juta untuk pembangunan kawasan pertanian moden ini dan mungkin inilah jawapan yang kita tunggu-tunggu apabila kita sebut kemiskinan ia bersangkutan dengan petani. Dengan peruntukan ini, dengan proses ini mungkin dapat menyelesaikan masalah kemiskinan kaum petani yang bersangkutan dengan kemiskinan di negara ini.

Tetapi saya juga mempunyai beberapa kebimbangan dan juga beberapa concern, dengan izin, Tuan Pengerusi, iaitu apakah kaedah untuk menjayakan program ini. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian dari segi kaedahnya ataupun *modus operandi*, dengan izin, bagaimanakah cara pelaksanaan kerana kita berhadapan dengan beberapa masalah yang besar untuk melaksanakan perkara ini. Apakah jenis persediaan-persediaan yang kita buat misalnya kita berhadapan dengan masalah sikap petani itu sendiri? Apakah golongan ini telah pun diberi persediaan dari segi sikap mereka? Sanggupkah mereka ini berubah sikap daripada petani tradisi kepada petani moden. Dan apakah jenis kursus ataupun pemangkin ataupun pemberi motivasi supaya mereka dapat menyertai program ini.

Masalah yang kedua ialah dari segi kumpulan mana yang kita akan modenkan ini. Di sini ada tiga kumpulan yang saya dapat lihat dan minta kementerian dapat melihat perkara ini dan saya minta penjelasan sama ada kita ini mengubah petani miskin yang tradisional ini yang membuat pertanian secara lama kita suruh mereka menyertai program ini. Ataupun kumpulan yang kedua adalah sama ada kita menjemput usahawan-usahawan yang telah mahir dalam perniagaan dan juga pengurusan pertanian untuk menceburi bidang ini. Ataupun kumpulan yang ketiga ialah kita membuat persediaan di peringkat pengajian tinggi, misalnya di peringkat diploma ataupun ijazah apakah kita mengubah bentuk kursus yang mereka jalankan. Yang saya difahamkan pada masa ini misalnya Universiti Putra Malaysia ataupun lain-lain institusi cuma mereka ini melatih pegawai-pegawai pertanian yang mungkin akan bertugas sebagai pegawai di Jabatan Pertanian ataupun bekerja dengan orang lain sebagai pentadbir. Tidak diubah silibus ataupun isi kandungan pembelajaran mereka supaya mereka faham dengan pertanian ataupun penternakan tetapi mereka juga mahir untuk mengurus pertanian itu menukar daripada pertanian kepada suatu bentuk komersial ataupun yang mendapat pulangan kepada

kewangan. Bukan cuma bekerja dengan jabatan kerajaan, swasta ataupun menjadi pengikut tetapi mereka dilatih sebagai usahawan. Apakah persediaan ini? Misalnya di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Putra ini pun saya tidak begitu setuju. Sepatutnya nama Universiti Pertanian itu adalah lebih cantik sebenarnya daripada Universiti Putra kerana kita akan menghasilkan petani-petani yang bertaraf antarabangsa.

Kemudian, cabaran yang lain iaitu dari segi pasaran. Apakah kerajaan telah bersedia untuk mengambil ataupun mengatur bagaimana petani yang dimodenkan ini menukar hasil pertanian mereka kepada bentuk tunai ataupun bentuk wang ringgit. Tidak apabila kita mengatur program pertanian moden ini mereka mempunyai pertanian moden tetapi hasil ini tidak dapat diterjemahkan dalam bentuk wang ringgit ataupun yang dikatakan di sini meningkatkan pengeluaran dan juga meningkatkan pendapatan. Keluaran meningkat tetapi pendapatan mereka tidak meningkat malah apa yang mereka dapat ialah penat jerih daripada usaha mereka yang bersungguh-sungguh tanpa dapat ditukar kepada wang ringgit. Jadi inilah kita minta kementerian dapat menjelaskan apakah persediaan kerajaan ataupun kementerian supaya duit RM100 juta ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Dan apakah target kita ataupun sasaran kita? Berapa orangkah ataupun berapa banyakkah kumpulan yang dapat dimodenkan dengan peruntukan RM100 juta ini dan apakah kalau misalnya ini berjaya apakah ada lagi diperuntukkan RM100 juta yang lain ataupun RM200 juta yang lain supaya program ini benar-benar berjaya. Inilah kebimbangan saya dan saya minta penjelasan.

Saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan, dan selepas ini Timbalan Menteri boleh menjawab.

6.41 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Syabas dan tahniah kepada Timbalan Menteri Pertanian kerana da baru menghadiri satu istiadat perlantikan TYT Pulau Pinang di mana TYT Pulau Pinang yang baru dilantik adalah seorang bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan juga seorang rakan karib kepada Yang Berhormat bagi Tasek Gelugor. Dan kini saya boleh kira....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada kena dengan P.19.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ucap tahniah dan syabas sebagai kawan baik, kawan karib.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu nanti di luar boleh bincang. Teruskan. *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, sekarang saya kira Timbalan Perdana Menteri adalah dari Seberang Perai Utara, saya ringkaskan SPU. Timbalan Menteri Pertanian dari SPU. TYT Pulau Pinang dari SPU. Yang Berhormat bagi Bagan pundari SPU. *[Sorak]* Tidak lama lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa tujuan Yang Berhormat kata demikian?

Tuan Lim Hock Seng: Kami sama-sama dari SPU.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi SPU ini adalah satu kawasan di mana dia ada potential untuk dimajukan sebagai satu sektor kawasan pertanian moden. Ini saya akan masuk. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, kawasan pertanian moden adakah ia akan membawa satu hakikat di mana petani-petani tradisional atau kecil akan jadi pupus. Kerana peringatan saya ini kalau dikatakan kawasan pertanian moden memang ia satu kawasan yang beribu-ribu ekar. Dan kini petani kami telah menghadapi harga yang tidak stabil berkenaan dengan hasil pertanian mereka. Saya ambil misalannya, sering kali kami mendengar harga ayam jatuh sampai rugi tidak boleh cari makan. Telur ayam juga jatuh sampai tidak boleh cari makan. *[Disampuk]* Mana boleh jatuh tidak boleh pecah. *[Ketawa]* Durian musim yang lepas saya dengar kawan saya di Negeri Sembilan, durian sebiji hanya 50 sen....

Seorang Ahli: D.24.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan D.24. D.24 itu kira RM10.00, RM20.00 lah - durian kampung. Sehingga petani-petani atau pengusaha-pengusaha dusun tidak mahu pergi kutip durian itu 50 sen sebiji tidak boleh cari makan. Sayur-sayuran dari Cameron Highlands baru sahaja sayur kubis dimusnahkan. Bukan kali pertama mereka tidak musnah tetapi sudah berapa kali.

Jadi semua berkenaan dengan harga daripada satu masa dahulu kelapa atau kami di sebelah utara panggil nyior. Sekarang tidak ada orang mahu tanam sebab harganya 20 sen, 30 sen sebiji, siapa mahu pergi mengutip, mahu memanjat

pokok kelapa yang tinggi. Kalau kira koko pun kami sedang berbahas dengan Lembaga Koko, biji koko yang sudah dipotong, dikutip, yang sudah dijemur itu cuma satu kilo RM2.50 sen, tidak cukup untuk mengupah, tidak cukup gaji. Jadi perusahaan-perusahaan ini akan menjadi pupus. Sekarang tambahan pula ada korporat-korporat, ada ladang-ladang yang besar yang akan mengeluarkan hasil-hasil pertanian mereka dengan secara besar-besaran. Jadi apa langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempertahankan kehidupan petani-petani tradisional ataupun petani-petani kecil ini. Saya bukan hendak membanthah supaya negara kita ini boleh mengeluarkan makanan-makanan untuk cukup kehidupan sendiri, consuming negara kita ini tetapi masalah-masalah petani kecil dan tradisional ini pun perlu dipelihara.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran B.19, JE dan Virus Nipah. Saya cuma ada dua soalan iaitu pertama bilakah kerajaan akan mengisytiharkan bahawa negara kita kini dibebaskan daripada penyakit virus nipah. Masih ada negara-negara yang lain ragu-ragu hendak membeli babi kita. Tetapi baru-baru ini Rusia ada membeli 6,000 ekor babi bersih dari negara kita. Ini adalah satu tanda yang baik. Kami sering membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini perusahaan menternak babi adalah satu bidang di mana ia boleh membawa keuntungan kepada petani dan juga negara. Jadi perusahaan ini perlu dititikberatkan dan bilakah negara kita akan mengisytiharkan bahawa negara kita telah bebas daripada penyakit virus nipah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pilihan raya tahun 1999 ada Menteri yang berjanji bahawa seekor babi yang dimusnahkan kerana virus nipah akan dibayar RM120.00 pampasan atau wang ihsan, sama ada perkara ini sudah selesai, sama ada pampasan ini semua telah dibayar kepada penternak-penternak atau masih ada penternak yang belum dapat wang ihsan ini. Satu lagi sekarang negara Barat telah mengalami penyakit kuku dan mulut. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh negara kita ini supaya penyakit ini tidak akan dibawa masuk ke negara kita ini atau langkah-langkah pencegahan.

Dengan pertanyaan itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar]:

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Bagi menjawab soalan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi kawasan Kepong mengenai penyakit *brucellosis* ini, saya hendak menerangkan juga sedikit, penyakit ini apa dia. Penyakit ini ialah mengenai dengan ternakan yang mengalami keguguran, iaitu lembu bila sudah bunting selepas itu dia gugur kemudian urinya yang tergantung ini boleh memberi jangkitan penyakit kepada manusia. Oleh sebab itu kita telah mengarahkan para penternak supaya ternakan yang berkenaan yang mengalami penyakit ini dimusnahkan. Jadi peruntukan yang diminta adalah bagi tujuan untuk membayar ganti rugi kepada penternak-penternak lembu yang berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar: Ini fasal babi sekejap lagi, fasal lembu juga?

Tuan Lim Hock Seng: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sejumlah RM528 ribu ini untuk berapa ekor atau seekor berapa dibayar ganti rugi, kerana seekor lembu ia berharga lebih kurang RM1,000/-. Kalau Yang Berhormat bayar dengan harga RM100 itu tidak munasabah. Ia perlu dibayar setanding dengan harga pasaran.

Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, ini saya tidak mempunyai statistik mengenai perkara ini secara yang selengkapnya. Walau bagaimanapun kita boleh memberikan kepada Ahli Yang Berhormat tetapi saya perelaskan peruntukan ini untuk kepada penternak-penternak yang mana kita dapati ternakannya yang membawa penyakit. Jadi kalau mati disebabkan lain kita tidak bayar, jangan salah faham. Kalau mati kerana dilanggar kereta kah sebab lembu ini.. faham ya.

Tuan Lim Hock Seng: [Menganggukkan kepala]

Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar: Ha! faham, jadi yang bahaya ini yang kena penyakit. Saya ingin juga menjelaskan mengenai dengan penyakit wabak Japanese Encephalitis ataupun virus nipah ini. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong penyakit ini daripada kajian awal menunjukkan punca jangkitan nipah adalah daripada keluang buah-buahan dengan izin 'fruit bad' tetapi kajian selanjutnya masih dijalankan bagi memastikan punca sebenar jangkitan dan bagaimana ia merebak. Pihak jabatan telah melaksanakan tindakan seperti

pengesanan saki baki jangkitan dan telah mendapati tiada lagi jangkitan nipah di seluruh Malaysia.

Saya hendak menjawab sekali berkenaan pampasan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Ini kawan baik saya kawasan SPU. Mengenai dengan pampasan kepada penternak-penternak ini jumlah penternak babi yang telah dibayar seluruh negara adalah seramai 963 orang. Jadi jumlah yang bilangan babi yang dimusnahkan Yang Berhormat 1.2 juta dan bantuan yang telah kita bayar adalah sebanyak RM134 juta. Jadi boleh dikatakan kita telah pun membuat bayaran kepada penternak-penternak yang terlibat. Walau bagaimanapun kita masih ada sedikit lagi yang tidak dapat diselesaikan oleh kerana ada perbezaan di antara perangkaan yang ada di kementerian dengan yang dituntut oleh penternak. Jadi ini yang tidak dapat kita selesaikan, saya rasa perkara ini mungkin akan dapat diselesaikan. Sebab yang ada dekat kita lain, yang dituntut oleh penternak berbeza.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya berharap pihak kementerian dapat menyesuaikan tuntutan supaya dibayar dengan cepat kerana dua tahun yang lepas kita perlu menyelesaikan masalah ini. Satu perkara yang dijawab oleh Yang Berhormat mengenai keluang buah-buahan, Yang Berhormat sangat berani mengatakan tidak ada jangkitan sekarang ini di seluruh Malaysia. Itu memang satu perkara yang tidak boleh kita katakan kerana keluang ini didapati di gua-gua, di pokok-pokok, di kepulauan, di Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak. Tambahan juga di negara jiran-jiran kita Indonesia, Thailand di seluruh Asia Tenggara. Keluang ini bukan dia duduk di satu tempat, dia terbang ke kawasan ratusan batu dan inilah Yang Berhormat sangat berani yang mengatakan tidak ada jangkitan lagi. Itu tidak boleh, siapa yang membantu Yang Berhormat dengan maklumat itu tidak betul.

Yang pertama, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat pun tidak tahu dari mana cuma kita syaki keluang yang membawa virus ini. Keluang daripada kawasan mana, pulau mana? Daripada Kluang juga? [Ketawa] Johor tetapi Johor tidak banyak buah di situ. Di Kluang tidak banyak buah, ia perlu buah dan pokok-pokok buah-buahan untuk keluang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perlukah Yang Berhormat tanya Pokok Sena?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak tanya dia. Dia hendak bantu saya. Saya pun menyahut bantuannya. Pada permulaannya pihak kementerian menyangkal

keluang yang membawa penyakit ini di dalam Dewan yang mulia ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat memberi taklimat atau satu laporan kepada Dewan yang mulia ini mengenai punca virus ini dan bagaimana kita dapat mengesan, menyelidik mengenai keluang dan di mana kita dapat keluang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukuplah, sudah banyak.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tidak cukup, memang tidak cukup selagi kita tidak dapat jawapan yang tepat, persis dan jitu, kita memang mengulangi hal ini. Saya akan mengulangi ratusan kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup ya.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kita memang hendak mengepung keluang ini, kita hendak kepung [*Ketawa*] Tetapi jenis yang boleh terbang, jadi payah hendak kepung. Saya beritahu Dewan ini, saya kata ikut laporan ini berpunca daripada keluang buah-buahan. Jadi pihak jabatan setakat ini kita kata belum ada masa sekarang yang saya sebut, kemungkinan selepas ini, yang itu *wallahualam*, kita tidak boleh pasti, yang saya sebut pada masa sekarang. Ia mungkin boleh berlaku lagi hal ini.

Jadi apa yang Yang Berhormat inginkan, kita akan cuba memberi laporan ataupun maklumat yang terkini kepada Ahli Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menyokong Perbekalan Tambahan ini kerana ia diperlukan untuk kita meningkatkan pengeluaran makanan negara dan yang kedua untuk meningkatkan pendapatan petani-petani.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan ini adalah merupakan skim untuk kita membantu pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa sawit yang kita semua faham terjejas dengan begitu teruk akibat daripada kejatuhan harga komoditi tersebut. Jadi peruntukan ini diberi dalam bentuk grant. Had seseorang peserta adalah sebanyak RM10 ribu. Tujuannya ialah untuk mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil, menggalakkan pekebun kecil menggunakan tanah yang sedia ada, menjalankan aktiviti tambahan bagi meningkatkan pendapatan dan dalam masa yang sama untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara.

Jadi kita menggalakkan pekebun-pekebun kecil yang terlibat dalam industri kampung, kita menggalakkan mereka supaya menjalankan aktiviti menanam buah-

buahan, menanam sayur-sayuran, menjalankan ternakan, begitu juga dalam bidang ternakan air.

Yang Berhormat bagi Tambun ingin mengetahui tentang jentera dan kaedah pelaksanaan. Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah membentuk tiga peringkat jawatankuasa. Pertama, dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian yang melibatkan jabatan dan agensi di bawah kementerian dan beberapa jabatan lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perusahaan Utama, ICU dan sebagainya.

Selain daripada jawatankuasa di peringkat pusat yang bertujuan untuk memantau, kerajaan juga telah menubuhkan satu lagi peringkat jawatankuasa di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Pertanian Negeri bagi menimbang - jawatankuasa ini diberi kelulusan untuk meluluskan permohonan undang-undang yang diterima manakala jawatankuasa peringkat yang ketiga ialah jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada Pegawai Pertanian Daerah bersama-sama dengan pegawai daripada jabatan dan agensi lain untuk memberi nasihat, untuk memberi tunjuk ajar mengenai dengan aktiviti-aktiviti pertanian yang akan dijalankan.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang penyertaan pihak swasta dalam menjayakan usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Dalam hal ini suka saya memaklumkan kementerian telah mengambil beberapa langkah yang begitu agresif untuk menarik minat pihak swasta turut serta menyumbang ke arah peningkatan makanan negara. Di antara langkah-langkah yang saya sebut tadi seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong, kita telah menubuhkan 'MOAINK' dengan izin. Tuan Pengerusi, ini masih lagi di peringkat konsep. Di bawah 'MOAINK' ini kita berhasrat untuk mewujudkan dan meningkatkan imej Kementerian Pertanian di mana aktiviti dan projek kita akan lebih bercorak komersial, berdaya maju dan melibatkan kerjasama erat dengan sektor swasta. Ianya akan juga memberi fokus kepada aktiviti pertanian yang mengamalkan dengan izin, *good agricultural practices*, hasil yang berkualiti dan amalan mesra alam.

Tuan Pengerusi, suka saya memaklumkan di sini, untuk menarik pihak swasta daripada segi kementerian, kita akan menyediakan dengan izin, *enabling factors*. Faktor-faktor pemboleh di mana kita akan memberikan maklumat tentang tanah, tentang pemasaran, tentang kewangan daripada segi kita bercadang untuk

diberi insentif daripada segi percukaian dan sebagainya. Pihak Kementerian Pertanian akan mengadakan *road show* di beberapa buah negeri dengan tujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa, adakah beliau akan menjawab apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandau iaitu di manakah kawasan pertanian yang moden ini dan lain-lain perkara kerana saya bimbang nanti Yang Berhormat tidak jawab dan dia telah habis dan kita hendak bangkitkan nanti hanya akan lakukan perkara yang tidak seronok lagi. Jadi saya mintalah supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bandau. Walaupun beliau tidak ada, tetapi kami di sini semua berminat hendak tahu apakah penjelasannya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya sudah jawab hak yang dibangkitkan oleh Bandau. Dalam jawapan saya tadi sudah merangkumi. Saya tidak payah pergi satu persatulah sebab jawapan itu sudah merangkumi apa yang dibangkitkan termasuk ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bandau.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Dato h berkenaan masalah tanah, saya harap Yang Berhormat pun faham urusan mengenai dengan pelupusan tanah ini adalah di bawah bidang pihak berkuasa kerajaan negeri. Yang kita bincang ini bukan berkaitan dengan masalah itu. Saya ingat Yang Berhormat boleh bawa perkara itu

Puan Fong Po Kuan: Penjelasan. Saya tahu. Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ada dua ini, ya.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Belakang, belakang.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih. Saya dari Batu Gajah, bukan Bagan Dato h. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tahu ini adalah perkara negeri, tanah adalah dalam kuasa negeri. Saya ingin tahu, apakah ko ordinasi yang wujud pada masa kini di antara kementerian dengan pihak kerajaan negeri? Sebab selalu apabila masalah timbul, yang melibatkan berkenaan tanah, akan wujud sikap tolak-menolak di antara satu pihak kepada pihak yang lain.

Sebagai contoh, mengenai pembangunan projek-projek perumahan di bukit-bukit. Bila saya bangkitkan kepada Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, dia kata, "*Ini perkara di bawah kerajaan negeri.*" Jadi, saya hendak tahu sejauh manakah koordinasinya di mana kementerian boleh lakukan di antara kementerian dengan pihak kerajaan negeri agar petani-petani ini, mata pencarian mereka tidak terancam apabila pihak kerajaan negeri tidak bertanggungjawab dan memberi tanah itu kepada sesuatu pihak seperti SADC. Itu sahaja saya hendak tahu.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, untuk mengeluarkan makanan di dalam negara kita, dalam usaha kita untuk mewujudkan zon pengeluaran makanan kekal, kita meminta kerjasama kerajaan-kerajaan negeri. Dari segi tanah, kerajaan negeri yang menyediakan, kemudian Kerajaan Pusat akan menyediakan peruntukan, manakala pihak swasta akan mengusahakan projek-projek ini. Hubungan kita, soal tanah adalah tanah yang tidak mempunyai masalah, tanah yang, dengan izin, *they are free from all income branches*, jadi, mudah bagi pihak swasta masuk untuk mengusahakannya.

Jadi, saya ingat, Tuan Pengerusi, saya sudah bercakap perkara-perkara

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Pasal babi saya sudah cakap.

Tuan Lim Hock Seng: Hendak minta penjelasan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, tadi saya ada membangkitkan bahawa perusahaan tanam secara besar-besaran ini, secara moden ini akan mempuskan petani tradisional kerana harga. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sikit?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kita bukan beri perhatian kepada pihak-pihak swasta daripada syarikat-syarikat yang besar sahaja. Nasib pekebun kecil, petani, para nelayan, itu adalah menjadi tanggungjawab utama Kementerian Pertanian. Jadi, di bawah program ini memang ada bantuan yang diberi kepada petani-petani kecil, yang besar kita tidak bagi bantuan - modal mereka sendiri, dari segi kita membantu untuk menyediakan tanah, berunding dengan kerajaan negeri supaya kadar sewa tanah itu murah dan pajakannya lebih panjang,

membantu dari segi untuk mendapatkan modal di bawah tabung untuk makanan, berbincang dengan Bank Pertanian dan sebagainya.

Jadi, Yang Berhormat tidak harus kluatir Kementerian Pertanian, sasaran kita kepada petani, penternak dan nelayan, kemudian kepada pihak swasta dan yang ketiganya ialah kepada kumpulan-kumpulan baru yang ingin melibatkan dalam menjadi usahawan petani ini.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri datang dari negeri Pulau Pinang, saya pastikan Yang Berhormat faham atau sedar bahawa masalah banjir telah membawa masalah kepada penternak ayam dan juga petani, penanam sayur di kawasan Machang Bubuk dan juga di Kampung Tongkang, Permatang Tinggi, Bukit Tengah, Bukit Mertajam. Saya meminta supaya kementerian semasa hendak berbelanja memberi tambahan sebanyak RM100 juta untuk membangunkan kawasan pertanian moden juga tidak melupakan bahawa penternak-penternak dan petani-petani kecil seperti ini dan harap masalah banjir ini dapat diselesaikan kerana ini juga di bawah jajaan kementerian Yang Berhormat.

Dan, saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan mengenai kawasan pertanian moden kerana ini akan mendapat peruntukan RM100 juta, kalau tidak boleh berikan tanah di mana tetapi beri projek ini di mana, di negeri Pulau Pinang adakah? Kalau ada, di mana atau di negeri yang mana? Ini merupakan maklumat yang begitu asas, *fundamental* di dalam butiran ini. Saya harap Yang Berhormat dapat memberitahu Dewan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ini kita bagi seluruh negaralah. Di bawah program ini, dalam usaha kita hendak meningkatkan pengeluaran makanan, hendak membantu para petani supaya pendapatan mereka dapat ditingkatkan. Program ini seluruh negaralah, termasuklah kalau kawasan Bukit Mertajam ada. Kalau Bukit Mertajam ada, kita timbanglah, tidak ada masalah. Jadi, hak banjir itu, Yang Berhormat kena pergi melawat situlah, macam mana cadang supaya boleh atasi banjir itu.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Nanti sekejap. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, cukup, Yang Berhormat. Cukup sudah, cukup sudah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Cukuplah.

Puan Chong Eng : *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukup sudah. Cukuplah, cukuplah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: *[Ketawa]* Jadi, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,077,845 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,077,845 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM100,000,000 untuk Maksud P.19 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM100,000,000 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2001.

Maksud B.20 [Jadual Pertama] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

7.15 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, RM2 juta telah pun dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti tambahan promosi perdagangan dalam dan luar negara yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Tuan Pengerusi, dengan kemerosotan ekonomi di Amerika Syarikat kita mula merasa bahangnya di negara ini sejak akhir tahun lepas dan juga bulan Januari, Februari, kita nampak ada eksport kita turun, mungkin tiga atau empat peratus. Misalnya pada bulan Januari sahaja, eksport sudah turun daripada RM54.8 bilion pada bulan Disember lepas kepada RM53.1 bilion pada bulan Januari dan kita boleh lihat kemerosotan ekonomi dan itu akan menjejaskan eksport kita dan sebab itulah apa yang dibuat oleh MIDA untuk mempromosikan perdagangan kita adalah lebih penting lagi, lebih bermakna kalau mereka boleh mempelbagaikan aktiviti.

Misalnya Tuan Pengerusi, di Malaysia eksport kita, barang-barang elektrik dan elektronik merupakan hampir 60% daripada eksport kita – 58.8% dan itu pun

eksport ini kebanyakannya kepada Amerika Syarikat. Jumlah yang dieksportnya hampir 27% barang elektrik dan elektronik di eksport ke Amerika Syarikat dan bakinya dieksport ke Jepun dan Singapura. Ini ketiga-tiga negara yang penting untuk eksport kita iaitu Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat dan inilah masalah kita kerana menumpukan lebih perhatian kepada negara-negara seperti ini.

Saya mencadangkan supaya kita mempertingkatkan usaha kita untuk menambahkan promosi perdagangan di negara-negara seperti Kesatuan Eropah, Timur Tengah, Afrika Selatan, Amerika Latin dan Asia Utara dan Timur dan juga India dan Australia. Bukan tradisi kita untuk berdagang dengan banyak dengan negara-negara ini dan adalah perlu bagi pihak MIDA untuk memainkan peranan yang lebih aktif di dalam negara-negara seperti yang saya sebutkan tadi. Ini penting kerana dengan kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat dan bahangnya mula terasa di negara ini dan kalau kita boleh mempelbagaikan negara eksport kita, kita mungkin boleh melegakan sedikit bahang ini.

Tuan Pengerusi, bukan sahaja negara-negara bukan tradisional kita perlu mempertingkatkan usaha MIDA, bahkan juga seperti mana yang saya sebutkan tadi, hampir 60% eksport kita ialah terdiri daripada elektronik dan barang-barang elektrik dan mengikut laporan daripada MIDA yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, barang-barang yang lain seperti Petroleum hanya 4% daripada eksport kita dan barang-barang kimia dan produk-produk kimia hanya 3.8% dan tekstil 3.7% dan gas (LNG) 30.7% dan hampir 4% bahan-bahan bukan elektronik dan elektrik. Ini bermakna kita mesti mencari jalan bagaimana kita boleh menambahkan barang-barang bukan elektrik dan elektronik untuk dieksportkan ke negara-negara yang bukan pasaran tradisional (Non Traditional Market).

Saya sebutkan di sini kerana saya mula tengok para penduduk sedang menghadapi kesusahan, bukan sahaja pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa sawit bahkan para penjaja pun mula merasa bahangnya. Walaupun kita boleh melegakan dan mengurangkan bahang ini dengan banyak kalau kita boleh menambah dan mempelbagaikan eksport negara-negara bukan tradisional eksportnya dan juga dengan barang-barang bukan elektronik dan elektrik.

Tuan Pengerusi, ini memang sangat membimbangkan kerana saya boleh tengok daripada pelaburan semula untuk eksportnya ialah daripada empat syarikat yang besar untuk elektronik dan barang-barang elektrik sahaja. Misalnya Motorola

Malaysia Sdn. Bhd., Carsem (M) Sdn. Bhd. - C-a-r-s-e-m - untuk pemberita kita – dan Globe Tronics Technology Berhad – G-l-o-b-e T-r-o-n-i-c-s dan juga On-Semi Conductor Manufacturing Sdn. Bhd. dan keempat-empat syarikat besar ini sahaja yang reinvestment yang merupakan yang sangat besar, Tuan Pengerusi, misalnya Motorola sahaja melabur semula RM2.18 bilion. Ini bermakna pada masa hadapan pun bidang elektronik dan elektrik akan menjadi pembuatan yang terbesar, terbanyak di negara ini. Sebab itulah hari ini saya sekali lagi menekankan bahawa kita mesti mempelbagaikan barang-barang pembuatan kita di negara kita dan saya berharap MIDA boleh memainkan peranan yang lebih bermakna dari segi ini.

Tuan Pengerusi, kalau kita hendak eksport barang-barang kita maka perlu kita mempertingkatkan kos persaingan, kalau kos kita, saya bimbang kerana kita kurang tenaga-tenaga mahir dan bukan mahir di negara ini dan kita menumpukan kepada capital intensive industry dan sebagainya dan kos saingan kita akan meningkat. Itulah saya bimbang. Kalau kos saingan meningkat, ini memang menjejaskan eksport kita dan saya tidak tahulah apa yang dibuat oleh MIDA untuk menolong pihak pengilang untuk mengurangkan kos saingannya.

Walaupun pihak MIDA sudah mengadakan Malaysia External Trade Development Corporation dan mempunyai rangkaian yang banyak dan cawangan-cawangan di seberang laut, saya tidak nampak sangatlah apakah yang dibuat oleh Malaysia External Trade Development Corporation ini dan saya menyarankan supaya corporation ini dapat mempertingkatkan prestasinya di dalam mencari jalan-jalan untuk mempertambahkan....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tuan Pengerusi, point of order ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh ya, ya. Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya rasa kuorum tak cukup ini, untuk kita bahas ini.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, sila bilang Setiausaha.

[Ahli-ahli dikira; kurang 26 Ahli hadir]

Tuan Pengerusi: 19 – tidak cukup. Sila bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Pengerusi: Ya, cukup sila bilang semula.

[Ahli-ahli dikira; lebih 26 Ahli hadir]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Panggil kuorum waktu orang sembahyang Maghribkah? Apalah ini, orang sedang sembahyang Maghrib, panggil kuorum. Ini waktu Maghrib ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila, jangan bercakap begitu ya. Ya, 30 sudah cukup kuorum ini. Ya, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ...

Datuk Kamarudin bin Jaffar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, cukup, cukup Yang Berhormat.

Datuk Kamarudin bin Jaffar: Macam ini, kalau hendak sembahyang, kita berhenti, sembahyanglah, marah kita panggil kuorum.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat, cukuplah, cukuplah itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Orang sedang sembahyang Maghrib, kenapa panggil kuorum?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sila teruskan Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tadi saya sebutkan mengenai Malaysia External Trade Development Corporation. Saya berharap Corporation ini dapat mempertingkatkan usaha dan cara-cara untuk mencari akses kepada pasaran kita dan seterusnya untuk mempertambahkan hubungan perdagangan di seberang laut dan ini kalau kita boleh buat mungkin kita boleh menambahkan perhubungan secara langsung kerana ...

Tuan Pengerusi: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Memang ini satu perkara yang penting kerana kita sedang menghadapi bahang kemerosotan ekonomi.

Akhir sekali, selain daripada kita menambahkan perhubungan atau pertalian secara langsung dan mengabaikan, mengelakkan orang-orang tengah dan setakat ini kita melalui negara-negara tengah untuk mengeksport barang-barang kita dan dengan demikian kita rugilah dari segi margin dan sebagainya .

Dan akhir sekali mengenai kalau kita hendak tambahkan eksport kita, maka kita perlulah memperbaiki keadaan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan di dalam pelabuhan kita, walaupun Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengatakan bahawa kemajuan atau perkembangan di pelabuhan-pelabuhan terutamanya di Pulau Indah sudah pun meningkat dengan banyak, tetapi

saya nampak kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan kita masih lemah, kalau berbanding dengan pelabuhan di Singapura.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab itulah yang akhir sekali kita perlulah ...

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, tadi pun yang akhir dah. Ya, tadi dah kata dah yang akhir itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang akhirlah nampaknya, ... terus berjalan.

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Ya, Tanjong, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.30 mlm.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana diberi kesempatan ini untuk terus mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Maksud B.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di mana RM2 juta dikehendaki untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tambahan promosi perdagangan dalam dan di luar negara.

Saya rasa selain dari apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Kepong, untuk mewujudkan satu suasana yang boleh meyakinkan para pelabur sama ada dari dalam atau di luar negara, kita haruslah mengambil berat tentang apa yang wujud di negara ini supaya para pelabur asing yang senantiasanya merujuk kepada laporan-laporan akhbar, media ataupun mengikuti penilaian yang dibuat oleh agensi-agensinya antarabangsa akan membuat satu keputusan mengenai peluang ataupun risiko pelaburan di negara Malaysia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kepada satu laporan mengenai *corporate governance* di negara ini di mana saya rasa *corporate governance* adalah salah satu faktor yang diambil kira oleh para pelabur apabila membuat keputusan sama ada untuk melabur dalam sesebuah negara, di mana laporan ini yang disediakan oleh World Bank yang dibentangkan dalam satu *round table conference* mengenai *corporate governance* di Singapura telah menyenaraikan Malaysia di tangga yang paling rendah ataupun kedua rendah, satu tangga atas negara Indonesia sahaja di kalangan negara-negara Asia mengenai *corporate governance* ini.

Saya rasa laporan ini telah memberi satu gambaran yang buruk kepada Malaysia kerana mengikut Presiden Malaysian Institute of Corporate Governance, Dato' Megat Najmuddin, beliau dipetik untuk mengatakan bahawa laporan ini telah

put Malaysia in a bad light. Jadi, saya rasa pihak kerajaan apabila melakukan promosi perdagangan

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Tanjong, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Saya rasa yang memberi gambaran buruk ini adalah daripada parti-parti pembangkang termasuk yang memanggil kuorum pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Apabila Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang menjadi kerajaan tidak hadir dalam satu perbahasan mengenai rang undang-undang kerajaan, ini telah memberi satu imej yang buruk kepada Parlimen, kepada kerajaan, kepada Perdana Menteri, kepada rakyat, kepada negara. Ini bukanlah pihak pembangkang yang kata, ini mengikut satu laporan World Bank dan sentiasa apabila World Bank memberi hujah-hujah yang bagus, yang baik untuk mengenai negara Malaysia, pemimpin-pemimpin termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Larut cepat-cepat memetik laporan-laporan yang membawa ataupun memberi satu gambaran yang elok kepada negara ini.

Tetapi mengapa apabila laporan dari agensi seperti World Bank ini memberi satu penilaian yang kononnya dianggap sebagai memberi satu imej yang buruk tetapi ada asasnya, mengapa kita tidak rela untuk menerimanya dengan satu sikap yang terbuka, menilai, mengkaji apa kelemahan yang berada dalam sistem di negara ini dan seterusnya mengambil langkah untuk membaikinya. Saya rasa ini satu pendekatan yang proaktif dan bukan seperti yang selalu diamalkan oleh Yang Berhormat Larut.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya.

Tuan Pengerusi: Di belakang itu.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah dalam laporan Bank Dunia itu, ia menyebut bahawa parti pembangkanglah yang menyebabkan keburukan dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, benda itu tidak ada dalam urusan mesyuarat.

Tuan Chow Kon Yeow: Itu ada mengenai promosi perdagangan

Tuan Pengerusi: Kita tidak ada masa sekarang ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Bukan ini, kalau keadaan negara tidak memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur luar saya rasa sebarang usaha yang diambil oleh kementerian ini melalui promosi perdagangan di Amerika Syarikat, di Eropah dan lain-lain negara tidak akan berhasil kerana tidak ataupun sia-sia sahaja usaha Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dan pegawai kerajaan dan sia-siakan wang jika pelabur asing menganggap ada kelemahan dalam sistem kerajaan ini.

Laporan ini menyatakan bahawa ada krisis keyakinan yang haruslah diatasi sebelum pelabur-pelabur yang bertanggungjawab ataupun kerajaan haruslah *honest* mengenai kelemahan-kelemahan dalam negara ini dan mengambil satu pendekatan bahawa *there is nothing to hide* dan segala usaha akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud dalam negara yang memberi satu gambaran bahawa *corporate governance* di negara ini tidak cukup baik dan akan tidak memberi keyakinan kepada pelabur asing. Di mana misalnya, di Bursa Saham Kuala Lumpur di mana ada manipulasi saham-saham dengan menggunakan tabung kerajaan ini akan memberi satu gambaran kepada pelabur asing bahawa BSKL ini mudah dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu melalui tabung-tabung rakyat, tabung-tabung kerajaan dan ini tidak memberi satu gambaran bahawa *corporate governance* di negara ini tidak di satu tahap yang baik.

Jadi, saya berharaplah kementerian ini akan melihat ataupun meneliti laporan World Bank ini mengenai *corporate governance* dan saya rasa laporan ini akan dipetik ataupun diguna pakai oleh para *fund manager* di seluruh dunia apabila membuat satu keputusan untuk melabur di negara ini.

Saya rasa dalam misi promosi perdagangan perkara-perkara seperti ini haruslah ditangani untuk memberi satu gambaran ataupun mengatasi apa yang sedia wujud dalam sistem kerajaan dan sistem ekonomi dan kewangan di negara ini.

Jadi, dengan kata-kata ini saya berharaplah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga seluruh kerajaan saya rasa perkara ini bukan sahaja tanggungjawab MITI sahaja tetapi seluruh kerajaan haruslah bertanggungjawab untuk memperbaiki imej negara ini di kalangan pelabur-pelabur asing di arena antarabangsa ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat sila jawab.

7.38 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong dan Tanjong yang telah beri pandangan dan teguran terhadap peruntukan untuk kementerian saya.

Yang Berhormat bagi Kepong telah sentuh tentang kekhawatiran beliau mengenai dengan eksport yang telah menurun daripada bulan Januari, daripada bulan Disember.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini bahawa bila kita lihat tentang angka eksport tidak harus kita cuma lihat dari sebulan ke sebulan sahaja. Kita perlu melihat angka eksport daripada setiap tahun ke setiap tahun. Itu baru dikira dapat satu gambaran yang menyeluruh. Misalnya, kalau kita lihat walaupun daripada bulan Disember hinggan ke bulan Januari eksport negara telah menurun sedikit tetapi daripada bulan Januari ke bulan Februari, eksport bulan Februari telah meningkat lagi.

Jadi, saya rasa kalau kita hendak satu gambaran yang menyeluruh kita perlu melihat perbezaan pada tahun 1999 ke tahun 2000 iaitu peningkatan eksport ialah sebanyak 16.7% iaitu daripada RM321 bilion pada tahun 1999 telah meningkat lebih kurang 16.7% kepada RM373 bilion. Ini jelas menunjukkan bahawa eksport negara masih meningkat setiap tahun dan kalau ikut rekod yang sedia ada sejak tahun 1990 eksport negara tidak pernah menurun dalam 10 tahun ini. Pada 10 tahun kebelakangan ini, tiap-tiap tahun kita telah melihat bagaimana eksport kita telah meningkat daripada RM79

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit? Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

Kita tahu bahawa usaha kerajaan adalah tidak dinafikan dalam usaha kita untuk mempertingkatkan pelaburan walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi. Saya ingin tahu tentang promosi pelaburan dua kerajaan negeri sebab tadi Tanjong sebut semua kerajaan negeri. Cara dia bercakap hari ini macam ganti Kota Melakalah yang kena gantung tiga hari ini.

Jadi, minta sedikit pandangan pelaburan di Terengganu dengan Kelantan ini sejak pembangkang ambil alih. Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat, kalau tidak dia orang tidak faham itu, sejak Kota Melaka tidak ada tiga hari.

Datuk Fu Ah Kiow: Saya akan sampai kepada aspek pelaburan di Terengganu dan Kelantan. Yang saya hendak beritahu ialah sejak tahun 1990

eksport kita telah meningkat daripada RM79 bilion kepada RM378 bilion. Ini telah menunjukkan peningkatan yang agak besar

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti, saya habiskan dahulu. Nanti saya beri peluang ya. Selain daripada itu, Yang Berhormat bagi Kepong juga ada sentuh tentang eksport kita terlalu bergantung kepada sektor elektronik dan elektrik (E&E). Ingin saya menjelaskan di sini bahawa dalam takrifan kategori E&E ini ia merangkumi sub sektor yang amat besar iaitu termasuk misalnya, wayar, elektronik, bahan-bahan konsumer elektronik, komputer dan sebagainya.

Jadi, subsektor memang amat besar dan dalam kelembapan ekonomi US ini kita telah mengutip data daripada pihak-pihak yang ada terlibat dalam sektor ini dan maklum balas yang kita terima ialah gambaran bercampuran iaitu ada spesifik sektor yang akan menghadapi kesan yang lebih berat. Misalnya, dalam bidang personal komputer (PC) tetapi dalam bidang yang ada kaitan dengan komunikasi kesannya adalah lebih kurang tetapi pada keseluruhannya kita tidak menafikan bahawa sektor E&E akan mengalami kesan negatif iaitu eksport dalam sektor ini akan berkurangan pada tahun ini. Tetapi pada keseluruhannya ia masih ada peningkatan tetapi bukan negatif, ini yang saya hendak menekankan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, hendak beri jalan kah?

Datuk Fu Ah Kiow: Ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan mengenai peningkatan eksport ini. Adakah ia berdasarkan ringgit ataupun berdasarkan US Dollar? Kalau berdasarkan US Dollar sebab kita punya *exchange rate* sudah berubah, kalau berdasarkan US Dollar ini adakah *figure* ini sama juga?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, ini adalah berasaskan kepada Ringgit Malaysia tetapi itu tidak menjadi satu faktor yang penting sebab import kita juga berasaskan kepada Ringgit Malaysia. Kalau kita kaji kategori import dan kategori eksport, import kita juga berasaskan kepada Ringgit.

Jadi, samalah kalau kita masih dapat ada positif dalam perdagangan kita setiap tahun sejak tahun 1990. Jadi,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang lagikah?

Datuk Fu Ah Kiow: Ada lagi.

Tuan Pengerusi: Ya?

Datuk Fu Ah Kiow: Ada panjang lagi, ada

Tuan Pengerusi: Berapa minit lagi?

Datuk Fu Ah Kiow: 10 minit. 10 hingga 15 minit, mungkin

Tuan Pengerusi: 15 minit?

Datuk Fu Ah Kiow: Ha, 15 minit.

Tuan Pengerusi: Okay, okay. Ya, oleh yang demikian saya sambungkan mesyuarat ini selama 15 minit lagi mengikut Peraturan Mesyuarat 12. Ya, sila.

Datuk Fu Ah Kiow: Okay. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dan jangan beri peluang banyak-banyaklah

Datuk Fu Ah Kiow: Okaylah.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak, tidak habis juga.

Datuk Fu Ah Kiow: Baiklah, saya akan beri jawapan yang amat jelas kepada Yang Berhormat ya. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Fu Ah Kiow: Okay. Jadi, Yang Berhormat bagi Kepong juga telah menyarankan supaya MITI mengadakan lebih banyak lagi misi perdagangan supaya kita dapat mempelbagaikan pengeksporan produk dan juga menerokai pasaran yang bukan tradisional.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kepong, sebenarnya tujuan peruntukan tambahan ini adalah untuk memperbanyakkan lagi misi perdagangan. Pada tahun lepas kita telah mengadakan sembilan misi perdagangan ke luar negeri dan tahun ini kita akan mengadakan 10 misi perdagangan dengan tujuan untuk memperbanyakkan eksport bukan sahaja dalam bidang sektor tetapi juga kepada pasaran yang bukan tradisional.

Mengenai dengan pelaburan semula oleh syarikat-syarikat yang terkenal seperti elektronik, Motorola, ini memang benar dan ini sekali lagi telah menunjukkan bahawa syarikat-syarikat antarabangsa itu mempunyai keyakinan yang penuh terhadap *competitiveness*, terhadap daya saing negara kita dan juga mereka yakin bahawa Malaysia adalah satu negara yang paling kompetitif dan paling baik untuk terus melabur di syarikat-syarikat yang sedia ada....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Fu Ah Kiow: Nantilah. Biar saya habis dahulu. Lagipun Yang Berhormat bagi Kepong juga ada menyentuh tentang MATRADE, dia tidak tahu kerja MATRADE dan aktiviti serta program yang telah dijalankan oleh MATRADE. Ingin saya beritahu bahawa MATRADE telah memberi banyak perkhidmatan kepada syarikat-syarikat tempatan. Perkhidmatan MATRADE termasuklah misalnya, menguruskan segala misi perdagangan dan pelaburan di luar negeri dan juga mengadakan banyak *dialog business*, juga pertemuan pembeli-pembeli daripada luar negara ke Malaysia termasuk pihak wakil daripada *International Procurement Center* dengan izin, dan juga MATRADE menyediakan banyak maklumat berkaitan dengan perdagangan antarabangsa di pusat maklumat dagangan di pejabat MATRADE di Jalan Raja Laut.

Jadi, selain daripada itu, MATRADE juga telah menerbitkan satu *directory* perdagangan dalam bentuk *hard copy* dan juga dalam bentuk CD diedarkan di seluruh dunia melalui pejabat-pejabat di luar negara dan ini memang aktiviti dan program yang dijalankan oleh MATRADE dan MATRADE adalah satu agensi di bawah MITI yang amat aktif dan peranan mereka amat penting dalam memastikan perdagangan kita meningkat setiap tahun.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Fu Ah Kiow: Tidak bagi, satu lagi, ya. Satu lagi. Biar saya jawab semua pertanyaan dahulu, ya.

Seorang Ahli: Kepong, Kepong duduk.

Datuk Fu Ah Kiow: Tadi, Yang Berhormat bagi Tanjong mengatakan laporan antarabangsa mengenai *corporate governance* yang kurang baik dan ini seolah-olah telah menakutkan orang ramai untuk melabur di Malaysia.

Saya ingin menasihatkan pihak pembangkang, bila kita sebut tentang pelaburan, lebih baik kita berasaskan kepada angka. Jangan kita tembak sahaja, tidak berasas langsung. Kalau kita lihat daripada dua angka iaitu angka FDI, angka FDI yang telah meningkat hampir 30% daripada tahun 1999 ke tahun 2000 dan juga kalau kita lihat angka eksport kita yang juga telah meningkat dalam 10 tahun kebelakangan ini. Ini jelas menunjukkan bahawa sama ada pelabur atau pedagang asing memang mempunyai keyakinan penuh terhadap Malaysia. Jadi, anggapan dan juga tuduhan yang diberi oleh pihak pembangkang memang tidak berasas langsung.

Kalau sesiapa ada gambaran yang negatif terhadap negara kita, mungkin cuma kepada dua negeri sahaja. Ini berbalik kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Larut iaitu tentang pelaburan yang diterima oleh negeri Terengganu dan negeri Kelantan sejak pihak pembangkang mengambil alih. Kalau kita lihat pada tahun 2000, tiga negeri yang paling rendah dalam menarik pelaburan asing, yang paling rendah ialah negeri Perlis. Negeri Perlis, sebab dia terlalu kecil, ya. Jadi, yang kedua terendah ialah negeri Kelantan, cuma RM94 juta sahaja kalau berbanding dengan sebelum ini, ia amat tinggi. Misalnya sebelum ini, tahun 1996 melebihi daripada RM250 juta dan juga untuk negeri Terengganu, FDI yang berjaya ditarik pun telah menurun dengan begitu banyak. Pada tahun 2000 cuma RM40 juta sahaja, dia berjaya menarik FDI, tetapi pada tahun 1999 dan tahun 1998, FDI yang ditarik kepada negeri Terengganu ialah melebihi RM1.2 bilion.

Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa pelabur-pelabur asing kurang yakin bukan kepada Malaysia keseluruhan tetapi cuma kepada dua negeri sahaja iaitu negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Di situlah kedua-dua negeri kena memperbaiki imej mereka kepada pelabur-pelabur asing.

Jadi, saya sekali lagi hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.....*[Disampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak bagi jalankah tidak, Yang Berhormat?

Datuk Fu Ah Kiow: Amat penting saya.....*[Disampuk]*

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Cakaplah...

Datuk Fu Ah Kiow: Menyeru bahawa bila kita hendak sebut keyakinan, biar kita berasas kepada*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila jawab. Hendak beri jalan atau tidak ini?

Datuk Fu Ah Kiow: Ok, ok.

[Dewan gamat seketika]

Puan Fong Po Kuan: Sudah tembak, sembunyi pula.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ha, kepada siapa hendak beri jalan?

Puan Fong Po Kuan: Bagan, Bagan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Yang pertamanya, saya hendak tanya....*[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab, apa usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh MITI untuk menarik pelabur ke negeri Terengganu, Kelantan dan Perlis ini.

Yang keduanya ialah, apa dua, tiga projek yang sepatutnya dilaksanakan di Kertih telah dipindahkan ke Gebeng atas arahan dari MITI. Ini adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab juga daripada pihak MITI ini. Sekian, terima kasih. .

Datuk Fu Ah Kiow: Apa yang kita sebut tadi adalah pelaburan baru. Tadi kata tarikan sesuatu negara untuk mendapatkan pelaburan asing. Jadi, MITI tidak pilih kasih dalam menarik mana-mana pelabur ke mana-mana negeri, memang tidak pilih kasih. MITI memberi semua maklumat tentang kekuatan setiap negeri pada pelabur-pelabur yang minat tetapi pelabur yang tidak minat disebabkan mereka takut dengan cara parti pembangkang mentadbirkan negeri. Jadi, mereka enggan pergi. Jadi, itu jangan salahkan kerajaan atau kebangsaan. Itu sahaja.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, habis sudah?

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bagan, sudah habis dah.

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,000,000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM2,000,000 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

[Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hanya habis enam kementerian sahaja. Kita ada lagi sepuluh kementerian. Esok sekiranya kita tidak

habis pada jam 5.30 petang, kita kena sambung. Esok hari Khamis, saya mintalah supaya Yang Berhormat dapat hadir mengadakan kuorum.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 7.55 malam.

Mac 2001**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)

” **Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)**

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ **Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)**

“ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)

“ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)

“ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

“ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Mokhtar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)

- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- Yang Berhormat Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)

- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- Yang Berhormat Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- ” Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. WanAzizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- Yang Berhormat Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato’ Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid III

Bil. 17

Rabu

18 April 2001

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(2000 dan 2001) 2001

(Halaman 24)

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.7

(Halaman 28)

Maksud B.15 dan B.16

(Halaman 60)

Maksud B.18

(Halaman 115)

Maksud B.19

(Halaman 128)

Maksud B.20

(Halaman 154)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2000 dan
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2001

(Halaman 24)

Jawatankuasa:-

Maksud P.7

(Halaman 28)

Maksud P.14 dan P.16

(Halaman 60)

Maksud P.17

(Halaman 98)

Maksud P.18

(Halaman 115)

Maksud P.19

(Halaman 128)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 98))

